


Jilid IV

Bil.33

Khamis

17 Disember 1998



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KESEMBILAN
PENGGAL KEEMPAT
MESYUARAT KETIGA**

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Ruangan 1)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Kumpulan Wang Yayasan Tunku Abdul Rahman (Pindaan) 1998	(Ruangan 18)
Rang Undang-undang Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan (Pindaan) 1998	(Ruangan 47)
USUL-USUL:	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Ruangan 17)
Merentikan Mesyuarat Di Bawah Peraturan Mesyuarat 82(1)	(Ruangan 62)
Pencerobohan Amerika Syarikat dan Britain Ke Atas Iraq- Hak Asasi Manusia Dicabuli - <i>Y. B. Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin</i>	(Ruangan 62)

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob, P.S.M., P.M.K., S.P.M.K., Dato' Bentara Kanan, S.M.T., P.G.D.K., D.A. (Dilantik)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Chong Kah Kiat, P.G.D.K., J.S.M., J.P. (Dilantik)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah bin Gaddam (Dilantik)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Michael Chen Wing Sum (Dilantik)
- “ Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)
- “ Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)
- “ Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba, P.B.M., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Tuan Haji Abdul Wahid bin Varthan Syed Ghany (Dilantik)
- “ Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail, A.M.P. (Perlis)
- “ Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)
- “ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K., B.K.M. (Kedah)
- “ Dato' Charern Intachat, D.S.D.K., A.M.N., B.C.K. (Dilantik)
- “ Dato' Chet Singh s/o Karam Singh (Pulau Pinang)
- “ Tuan Chin Kon Tow @ Chin Kong Too, A.M.N., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Datuk Christina Lorline Tibok @ Christine Vanhouten (Sabah)
- “ Puan Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
- “ Tuan Haji Gapar bin Gurrohu (Dilantik)
- “ Dato' Ghazi @ Hasbullah bin Haji Ramli, D.I.M.P. (Selangor)
- “ Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain (Dilantik)
- “ Tuan Hanipah bin Ahmad, P.J.K. (Perlis)
- “ Datuk Haji Hashim bin Safin @ Shafin, D.M.S.M. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor (Kelantan)
- “ Datuk Haji Ibrahim bin Ali, D.M.S.M. (Dilantik)

- Yang Berhormat Tuan Ibrahim bin Daud, J.S.M., K.M.N., P.L.P., P.I.S., B.S.I.,
A.M.N., P.P.N. (Johor)
- “ Puan Jamilah binti Ibrahim (Kelantan)
- “ Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye, A.S.M., S.M.T., P.J.K.,
J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Janggu Anak Banyang, P.B.K. (Sarawak)
- “ Datuk Joseph Balan Seling (Dilantik)
- “ Puan Kamilia binti Ibrahim (Dilantik)
- “ Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)
- “ Puan Hajah Khadijah binti Haji Awang (Terengganu)
- “ Datuk Khoo Keok Hai (Dilantik)
- “ Tuan Khoo Lay Hin (Dilantik)
- “ Dato' P. Krishnan a/l Permual (Dilantik)
- “ Tuan Long bin Jidin (Dilantik)
- “ Tuan N. Marimuthu a/l Nadeson, A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K.,
J.P. (Dilantik)
- “ Dato' Dr. T. Marimuthu (Dilantik)
- “ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Dilantik)
- “ Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin, D.S.A.P. (Dilantik)
- “ Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawī, A.M.P., P.P.N., P.J.K.
(Perak)
- “ Datuk Norjan binti Khan Bahadar (Dilantik)
- “ Tuan S. Parasuraman a/l Sanasamy @ Sinnasamy (Kedah)
- “ Puan Hajah Ramlah binti Kassim (Pahang)
- “ Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan (Dilantik)
- “ Datuk Haji Sairin bin Karno (Sabah)
- “ Tuan Haji Salleh @ Hassan bin Ali, P.J.K. (Terengganu)
- “ Puan Sri Sarasa Pasamanickam, A.M.N., P.I.S. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Selemiah binti Hashim, P.P.N., A.M.N., P.K.T.
(Dilantik)
- “ Puan Siti Hawa @ Karimah binti Mohd. Noor (Dilantik)

Yang Berhormat Puan Tan Ah Eng (Johor)

- “ Tuan Tan Ek Huat (Perak)
- “ Dato' V.K.K. Teagarajan, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Tuan Tee Thiong Hock, S.S.A., A.M.N., P.J.K. (Selangor)
- “ Dato' Ting Check Sii, D.I.M.P. (Dilantik)
- “ To' Puan Wan Seri @ Wan Asiah binti Ahmad (Dilantik)
- “ Datuk William Lau Kung Hui (Dilantik)
- “ Datuk Yee Lung Fook Geoffrey (Dilantik)
- “ Dr. Yeow Seng Huat (Pahang)
- “ Tuan Yim Chee Chong @ Yim Kok Kheong (Negeri Sembilan)
- “ Tuan Zainal bin Rampak (Dilantik)
- “ Datuk Zainudin bin Maidin (Dilantik)
- “ Tuan Zakaria bin Arshad (Negeri Sembilan)

DEWAN NEGARA**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Negara	:	Abdullah bin Abdul Wahab
Ketua Penolong Setiausaha	:	Zamani bin Haji Sulaiman Haji Mustakin bin Selamat
Penolong Setiausaha	:	Nor Hayatee binti Abdullah Haji Mustafa bin Abdul Rahman Ruhana binti Abdullah

CAWANGAN DOKUMENTASI

Pegawai Penerbitan	:	Azhari bin Hamzah Monarita binti Mohd. Hassan
Pelapor Perbahasan Parlimen	:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N. Hajah Supiah binti Dewak Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop Mohamed bin Osman Norishah binti Mohd. Thani Shamsina binti Janor Ramlah binti Mohd. Yusuff Nora'ini binti Hetam Miskiah binti Hassan Rosnani binti Ahmad
Pembaca Pruf	:	Abu Bakar bin Hasan

CAWANGAN BENTARA

Bentara Mesyuarat	:	Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali Mejar (B) Zakaria bin Salleh Mejar (B) Kamarudin bin Abdullah, A.M.N., Psc TUDM
-------------------	---	--

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Khamis, 17 Disember 1998

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

D O A

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN****BEKALAN ELEKTRIK DI KAWASAN LUAR BANDAR SABAH**

1. **Datuk Christina Lorline Tibok** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan tindakan yang sedang dan akan diambil untuk memperluaskan lagi bekalan elektrik di luar bandar Sabah di mana pada tahun 1996 sebanyak 42% lagi kawasan luar bandar di Sabah belum mempunyai bekalan elektrik.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar [Datuk Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua, sebanyak RM150 juta telah diperuntukkan bagi program bekalan elektrik luar bandar negeri Sabah dalam Rancangan Malaysia Ketujuh. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM113 juta telah dibelanjakan. Sehingga kini liputan bekalan elektrik di negeri Sabah adalah 70%.

Untuk mempercepatkan pelaksanaan projek dan juga liputan bekalan elektrik di negeri Sabah, kementerian telah memperkenalkan langkah-langkah yang berikut:

- (i) Bermula dari tahun 1994 memperluaskan lagi skop bekalan elektrik luar bandar termasuk sistem alternatif seperti solar, hybrid, mikro/mini hidro dan sistem-sistem lain yang bersesuaian di kawasan-kawasan pedalaman yang tidak boleh atau tidak ekonomik untuk disambung dengan talian grid. Perluasan skop ini telah memberi manfaat kepada lebih kurang 17,190 penduduk kampung di kawasan pedalaman di mana dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh sahaja 27 projek solar dan 13 projek set generator telah siap dilaksanakan.
- (ii) Bermula dari tahun 1998, memperkenalkan pelaksanaan bekalan elektrik luar bandar grid secara konsep payung di negeri Sabah, di samping meneruskan pelaksanaan projek BELB grid melalui Syarikat Sabah Electricity Sdn. Bhd. yang dahulunya dikenali sebagai LLS. Berdasarkan pengalaman di negeri Sarawak semenjak tahun 1995, kontraktor payung telah dapat melaksanakan projek-projek bekalan elektrik luar bandar dengan lebih cepat dan berkesan.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan. Dari segi bekalan elektrik saya merasakan ada satu ketidakadilan di antara bandar dan luar bandar. Seluruh bandar di negara kita diterangi oleh cahaya elektrik daripada pukul 7.00 malam hingga ke pukul 7.00 pagi tetapi di kampung-kampung kita dapati bekalan elektrik di jalan-jalan kampung, di dewan-dewan, di persimpangan-persimpangan kampung tidak dibekalkan.

Saya ingin bertanya kepada pihak Kementerian Pembangunan Luar Bandar, adakah pihak kementerian bercadang untuk membekalkan bekalan elektrik, ini bukan yang dalam rumah, Tuan Yang di-Pertua, yang di jalan-jalan kampung, di

persimpangan-persimpangan jalan supaya kampung walaupun tidak sececerah bandar tetapi bila waktu malam tidaklah gelap gelita yang ada pada waktu sekarang ini. Terima kasih.

Datuk Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, kita memang sedar mengenai masalah itu, tetapi setakat sekarang skop bekalan elektrik luar bandar kita adalah untuk membekalkan kepada rumah-rumah di kampung-kampung kerana ini adalah lebih mendesak, itu yang pertama.

Yang kedua, untuk membekalkan api elektrik di jalan-jalan ini adalah tanggungjawab kementerian yang lain. Terima kasih.

Dato' Charern Intachat: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan. Adakah pihak kementerian sedar bahawa di beberapa kawasan di Semenanjung pun masih lagi belum mendapat bekalan elektrik. Saya ingin menarik perhatian pihak kementerian kepada kawasan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu di daerah Kubang Pasu, Kedah terdapat perkampungan orang Siam yang masih belum dibekalkan dengan kemudahan bekalan elektrik iaitu di kawasan Changloon.

Datuk Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, kementerian memang sedar bahawa ada beberapa kampung khususnya di pedalaman di Semenanjung Malaysia masih belum dapat dibekalkan dengan api elektrik. Masalah utama adalah kampung-kampung ini begitu jauh, maka tidak ekonomik disambungkan dengan cara grid sistem. Oleh itu, kementerian telah memperkenalkan alternatif sistem dengan solar dan genset, maka saya berharap masalah yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, kementerian akan mengambil maklum dan akan menentukan bagaimana kita hendak menyelesaikan masalah api elektrik di kampung tersebut. Terima kasih.

Tuan N. Marimuthu: Tuan Yang di-Pertua, adakah kerajaan bercadang melonggarkan peruntukan sebanyak RM1.2 bilion bagi pembangunan luar bandar ini supaya digunakan tanpa klasifikasi untuk bekalan elektrik di fragmented estate.

Datuk Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Kita memang dengan sedaya upaya untuk menentukan semua kawasan yang patut dibekalkan elektrik akan dibekalkan, tetapi kita juga hendak mematuhi syarat-syarat yang telah digariskan oleh kerajaan kerana kawasan di mana kementerian dapat beroperasi adalah di kawasan-kawasan luar bandar khususnya di kawasan majlis perbandaran.

Walau bagaimanapun, di kawasan estet-estet fragmented kita sedar mengenai masalah elektrik ini dan kita juga misalnya dalam tahun 1998 mengadakan peruntukan tetapi kita menghadapi masalah kerana sebelum kita menjalankan atau melaksanakan program ini kita perlu kerjasama dari tuan punya estet dan kita berharap apa sahaja masalah yang kita hadapi dapat diselesaikan supaya usaha untuk membekalkan elektrik kepada kampung-kampung ini dapat disegerakan.

Datuk Joseph Balan Seling: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Soalan tambahan saya, ada satu mini hidro di sebuah kampung bernama Kampung Bario di Sarawak. Bila mini hidro itu siap, semua penduduk sangat senang hatilah dapat bekalan elektrik sepanjang malam 24 jam tetapi rupa-rupanya api yang 24 jam itu menggunakan tenaga generator yang menggunakan diesel dan mini hidro itu menggunakan diesel hingga sekarang ini, bukan mini hidro lagi. Apakah masalah projek itu dan bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menyiasat kenapa mini hidro itu tidak mini hidro yang sebenar.

Datuk Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari kawasan Bario kerana beliau sedar bahawa masalah yang ditimbulkan. Memang kita ada satu projek mini hidro hybrid di kawasan Bario yang menggunakan kuasa mini hidro dan juga kuasa generator set. Ini memang telah diramalkan oleh kementerian mungkin mini hidro sendiri tidak mencukupi untuk menjana kuasa di kawasan itu.

Oleh itu kita menambahkan sistem yang dinamakan generator set, oleh itu sistem itu dinamakan mini hidro hybrid sama dengan kuasa air dengan kuasa enjin. Walau bagaimanapun, projek ini menelan belanja lebih kurang RM9 juta dan kementerian sedar bahawa apabila projek ini siap beberapa bulan yang lepas, negara kita dilanda El-Nino dan apabila El-Nino melanda negara, hujan tidak turun jadi kalau tidak ada air mini hidro tidak dapat berjalan.

Oleh itu, masalahnya adalah pada ketika itu tidak cukup air untuk menjanakan elektrik di situ. Oleh yang demikian kementerian telah mengambil pelbagai tindakan untuk menentukan harapan orang kampung Bario tidak sia-sia sahaja dan kita cuba sedaya upaya untuk menentukan bekalan elektrik dapat dibekalkan.

PROJEK PEMBANGUNAN RAKYAT TERMISKIN (PPRT) DAN AMANAH IKHTIAR MALAYSIA (AIM) – KAWAL SELIA

2. **Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan apakah kawalan yang dilakukan oleh pihak kerajaan bagi memastikan peruntukan untuk Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) dan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) benar-benar mencapai matlamat dan sasaran.

Datuk Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha untuk memastikan bantuan projek-projek di bawah Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) benar-benar mencapai matlamat dan sasaran, kerajaan telah membentuk beberapa mekanisme kawalan. Ini termasuklah pewujudan Jawatankuasa Penyelarasan PPRT di peringkat daerah, peringkat negeri dan juga di peringkat Pusat.

Selain dari itu, di peringkat perancangan lagi, agensi-agensi pelaksana iaitu agensi dan jabatan kerajaan serta badan-badan bukan kerajaan mengenal pasti keluarga rakyat termiskin yang benar-benar layak dan memerlukan bantuan sahaja disalurkan bantuan PPRT dengan membuat kawal selia yang berterusan. Proses mengenal pasti keluarga termiskin dimulakan dengan penyediaan Daftar Keluarga Termiskin yang sentiasa disemak dan dikemas kini di peringkat pejabat daerah. Semasa proses perancangan projek untuk menyampaikan bantuan aktiviti, mana-mana yang tidak layak tidak akan diberi bantuan dan akan dikeluarkan dari Daftar Keluarga Termiskin. Sebaliknya, sekiranya terdapat keluarga baru yang dikenal pasti layak, mereka akan dimasukkan dalam senarai.

Dalam masa yang sama, anggota kementerian ini melakukan pengesanan projek melalui lawatan dan perbincangan yang berkala dengan agensi/jabatan kerajaan dan badan-badan bukan kerajaan yang melaksanakan projek-projek berkenaan. Untuk memastikan keluarga berkenaan keluar daripada cengkaman kemiskinan, kawal selia yang berterusan diperlukan bagi memastikan setiap projek, terutamanya projek peningkatan pendapatan dapat menjana pendapatan yang mampu mengeluarkan mereka daripada kemiskinan.

Datuk Haji Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya hendak ucapkan terima kasih kepada pihak kementerian yang telah mengambil langkah yang efektif untuk memastikan mereka yang tidak layak seperti yang tersenarai telah pun dikeluarkan dan boleh dimasukkan senarai baru bagi mereka yang layak yang telah disahkan oleh agensi-agensi tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, di dalam pelaksanaan ini, saya ingin mendapat kepastian dari pihak kementerian, bagaimana untuk memastikan mereka yang menerima sama ada bantuan rumah miskin, bantuan ternakan dan sebagainya bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. dan berterima kasih kepada pihak kerajaan kerana ada golongan tertentu yang mengakui dan memburuk-burukkan pihak tertentu tetapi di masa yang sama menerima dengan kata lain 'menggigit jari yang menghulur rezeki kepada mereka'. Terima kasih.

Datuk Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada kawan saya Yang Berhormat Datuk Hashim. Yang pertama, kita memang menghadapi

pelbagai masalah mengenai memilih siapa yang layak dan kadang-kadang yang tidak layak pun termasuk dalam senarai PPRT, tetapi kita ada menggunakan pelbagai agensi, di Kelantan kita menggunakan Amanah Ikhtiar Malaysia untuk menapis senarai tersebut.

Soalan yang kedua tadi adalah mengenai bagaimana kita hendak menentukan rakyat termiskin ini bersyukur dan berterima kasih khususnya kepada Kerajaan Barisan Nasional yang membantu mereka dan mengeluarkan dari cengkaman kemiskinan. Memang kita ada program dalam satu program PPRT kita adalah untuk mengubah sikap masyarakat khususnya rakyat termiskin ini, supaya yang pertama, mereka faham, mereka perlu menukar sikap supaya dapat mengubah nasib mereka sendiri dan supaya mereka tidak putus asa dan berserah kepada 'faith' bahawa mereka ada peluang untuk keluar dari kemiskinan ini.

Yang kedua, memang kita mengetahui apabila program yang dibawa oleh Kerajaan Barisan Nasional bagus, berkesan dan membawa perubahan, ada pihak pembangkang yang akan mengatakan itu adalah projek mereka dan inilah satu perkara juga yang kita terus memberi penerangan kepada penerima dan kita sedaya upaya memberitahu bahawa bagi Barisan Nasional usaha kita adalah untuk membasmi kemiskinan dan kita akan menentukan bahawa mereka yang menerima ini bukan hanya bersyukur dan berterima kasih tetapi bersedia juga bersama-sama dengan Kerajaan Barisan Nasional mengatasi masalah kemiskinan di masyarakat masing-masing.

Datuk Haji Sairin bin Karno: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah kementerian menyedari bahawa terdapat penerima-penerima PPRT yang tidak sepatutnya layak menerima terutama di Sabah?

Yang kedua, apakah kementerian menyedari bahawa pelaksanaan PPRT terutama rumah yang berharga RM6,900 kepada mereka yang layak menerima tidak dilaksanakan menurut sebagaimana yang dikehendaki oleh pihak kementerian?

Datuk Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat. Kementerian sedar bahawa ada mereka yang tidak layak yang masuk dalam senarai PPRT. Oleh yang demikian, kita perlukan bantuan dari agensi-agensi di peringkat negeri untuk menapis senarai ini dan kita juga minta bantuan dari Ahli-ahli Yang Berhormat supaya melihat juga senarai itu dan menentukan siapa yang tidak layak tidak patut dimasukkan dalam senarai tersebut.

Mengenai pelaksanaan rumah yang tidak mengikut garis panduan kementerian, kementerian sekarang tidak sedar bahawa ada masalah itu tetapi kalau ada masalah itu, kita berharap Ahli Yang Berhormat dapat memberitahu kita supaya apa-apa masalah yang dihadapi dapat kita selesaikan.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya harap Tuan Yang di-Pertua kerap-keraplah tengok ke sebelah kiri sama - duduk sebelah hujung ini, saya minta maaf.

Soalan tambahan saya, selain daripada peruntukan yang disediakan oleh kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Luar Bandar untuk Program Rakyat Termiskin ini, kita juga tahu bahawa Amanah Ikhtiar mendapat peruntukan daripada YPEIM. Adakah kerajaan juga mendapat sumbangan daripada syarikat-syarikat swasta yang mendapat keuntungan luar biasa seperti yang kita bentang dalam akta semalam untuk diberi kepada rakyat termiskin ini?

Yang keduanya, orang miskin ini selalunya miskin segala-galanya - pemikirannya pun miskin tetapi tidak miskin anak, ramai! Yang lain-lain itu semuanya miskin dan ini lebih-lebih mirip kepada pembangkang dan pembangkang selalu mengambil kesempatan bahawa peruntukan yang diberi untuk PPRT ini adalah peruntukan daripada kerajaan dan mereka tidak menerangkan Kerajaan Barisan Nasional terutama penduduk di Kelantan sebab di Kelantan Kerajaan PAS yang memerintah. Jadi, mereka menganggap ini sebagai suatu tanggungjawab biasa tetapi

hakikatnya kerajaan yang memerintah iaitu Kerajaan Barisan Nasional yang mengadakan peruntukan untuk membantu dan setakat ini Kerajaan Barisan Nasional tidak pernah langsung mengangap orang-orang daripada pihak pembangkang tidak perlu bantuan, kita beri. Yang kita mahu sekarang kementerian mesti mengubah pemikiran, ubah minda mereka terutama sekali orang-orang di luar bandar ini supaya mengakui hakikat dan saya ingin supaya kementerian menyediakan senarai nama penerima.....

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahannya?

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Ya, soalannya, tadi soalan jugalah, hak yang hendak minta sumbangan daripada pihak swasta.

Tuan Yang di-Pertua: Itu bukan soalan.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Saya minta kerajaan menyediakan senarai penerima sumbangan PPRT mengikut negeri dan berapakah bilangan yang telah terkeluar daripada kategori PPRT ini. Kalau sepanjang masa dianggap sebagai penerima sumbangan PPRT, bermakna program ini gagal.

Datuk Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah memberi ucapan yang panjang. *[Ketawa]*

Yang pertama, kementerian memang ada program untuk meminta ahli-ahli korporat dan syarikat-syarikat yang berjaya untuk menyumbang ke arah usaha untuk membasmi kemiskinan dan ada juga disalurkan kepada kementerian terus melalui Program Bakti Desa. Ada juga disalurkan melalui yayasan pembasmian kemiskinan di negeri-negeri dan kita harap usaha ini akan diteruskan.

Yang kedua, mengenai perubahan sikap ini memang dalam program PPRT kita. Komponen perubahan sikap adalah komponen utama kerana dalam pandangan kita satu masalah yang dihadapi oleh rakyat termiskin ini adalah sikap mereka yang menyerah segala-galanya kepada 'faith'nya atau menyerah kepada pemimpin-pemimpin politiknya bahawa kemiskinan ini tidak dapat diselesaikan. Inilah usaha utama kita untuk memberi keyakinan kepada mereka bahawa kemiskinan ini dapat diselesaikan.

Kita dari kementerian memang dari masa ke semasa menjalankan penerangan bahawa yang pertama, Kerajaan Barisan Nasional dalam menjalankan program ini tidak memilih fahaman politiknya dan sebagainya kerana bagi kita masalah kemiskinan ini haruslah diselesaikan tetapi dalam masa yang sama kita harap siapa yang menerima bantuan ini berterima kasihlah kepada Kerajaan Barisan Nasional kerana telah mengatitkan satu program yang efektif yang berkesan mengikut janji yang dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional.

Mengenai senarai penerima, ini senang. Kalau Yang Berhormat hendak senarai kita boleh beri kerana senarai memang ada disimpan oleh kementerian dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat di sini, kita telah berjaya mengurangkan jumlah keluarga termiskin daripada, kalau saya tidak silap, lebih 140,000 keluarga dalam tahun 1989 dahulu kepada 58,000 keluarga pada tahun 1997 dan daripada 58,000 keluarga termiskin ini, kita sangka 30% telah pun dikeluarkan dalam masa dua tahun ini. Maka, kalau Yang Berhormat hendak senarai, kita akan berikan. Sila majukan surat kepada kementerian.

INSTITUT TEKNOLOGI MARA (ITM) – MENGUBAHSUAI SKIM GAJI PENSYARAH

3. **Puan Faridah binti Abu Hassan** minta Menteri Pendidikan menyatakan memandangkan Institut Teknologi Mara (ITM) telah dinaikkan tarafnya kepada taraf universiti, bilakah kementerian akan mengubahsuaikan skim gaji pensyarah-pensyarahnya ke tahap skim gaji pensyarah-pensyarah di universiti-universiti tempatan

yang lain supaya tenaga pengajarnya tidak berhijrah ke kolej-kolej swasta yang memberi habuan yang munasabah.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]: Tuan Yang di-Pertua, Akta Institut Teknologi Mara (ITM) telah dipinda pada tahun 1996. Antara lain, membenarkan ITM untuk menawarkan program-program pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Namun demikian, teras utama ITM adalah masih kepada program-program diploma. ITM masih diperlukan untuk menjalankan sebahagian besar daripada program-program pengajiannya di peringkat diploma. Dengan itu keperluan untuk mengubahsuai skim gaji pensyarah ITM supaya setaraf dengan gaji pensyarah-pensyarah universiti perlu dikaji dengan teliti. Sekiranya terdapat keperluan tersebut, tindakan sewajarnya akan diambil oleh Kementerian Pendidikan.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Pertamanya, saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pendidikan yang telah mengendalikan pembangunan ITM dengan kakitangannya sebagaimana perjuangan lepasan pelajar ITM pada hampir 20 tahun yang lalu untuk mendapat taraf universiti.

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah keseluruhan daripada cawangan, berapakah jumlah cawangan yang telah kita ada berbanding dengan ITM di peringkat induk di Shah Alam dan jumlah profesional yang terdiri daripada pensyarah-pensyarah khususnya bumiputera dan berapa peratuskah pensyarah bumiputera dan bukan bumiputera yang mengendalikan pengajian di ITM?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, sistem ITM ini adalah luas dan ITM ini sekarang mempunyai cawangan di setiap negeri di seluruh negara dan bilangan pelajar ITM itu sekarang melebihi 60,000 orang pelajar dan sekarang juga ITM bercadang untuk memperluaskan program-program bekerjasama dengan institusi-institusi pengajian swasta supaya program itu boleh juga dikendalikan oleh institusi-institusi pengajian swasta melalui sistem francais.

Tentang bilangan pensyarah mengikut bumiputera atau bukan bumiputera ini, saya tidak mempunyai butir-butir, saya ingin jawab secara bertulis.

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, kita tahu akhir-akhir ini kolej-kolej swasta tumbuh begitu banyak sekali. Kita ingin tahu berapa ramaikah pensyarah-pensyarah daripada universiti-universiti kita yang telah tertarik dengan gaji yang lumayan yang diberikan oleh pihak swasta?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, tidak ramai kerana misi atau keutamaan kolej-kolej swasta adalah berbeza dengan institusi-institusi pengajian tinggi awam. Pensyarah-pensyarah di institusi pengajian tinggi awam mempunyai misi dan tanggungjawab bukan sahaja dari segi pengajaran tetapi dari segi penyelidikan. Kebanyakan pensyarah yang mengajar di universiti-universiti tempatan, mereka berminat dari segi menjalankan penyelidikan dan sebagai seorang pensyarah atau profesor di universiti, kerajaan memberi mereka satu taraf atau status dalam masyarakat yang membolehkan mereka memainkan peranan dari segi memberi pandangan kepada kerajaan tentang rancangan dan sebagainya.

Misi institusi-institusi pengajian swasta ada berlainan sedikit. Ini untuk mereka memberi keutamaan dari segi pengajaran, dari segi keluaran graduate dan sebagainya dan kebanyakan pensyarah di kolej-kolej tersebut tidak mempunyai banyak peluang untuk menjalankan penyelidikan. Jadi, ini adalah berbeza dan sungguhpun dari segi gaji yang ditawarkan kepada pensyarah-pensyarah di kolej swasta adalah lebih tinggi, namun demikian tidak menarik banyak pensyarah dari universiti-universiti kerajaan kerana berbezanya dari segi tanggungjawab dan misi.

WANG KERTAS MALAYSIA BENTUK BARU – KES PEMALSUAN

4. **Puan Hajah Ramlah binti Kassim** minta Menteri Kewangan menyatakan memandangkan Bank Negara Malaysia telah menukarkan duit syiling dan wang kertas Malaysia kepada bentuk dan rupa yang menarik bagi mengelak pemalsuan wang-wang ini, berapakah kes pemalsuan yang terdapat sejak wang kertas baru ini berada di pasaran.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, semenjak Bank Negara Malaysia mengeluarkan wang kertas reka bentuk baru bagi siri ketiga secara berperingkat-peringkat bermula dengan denominasi RM2 pada Februari 1996, RM10 pada September 1997, RM50 pada Julai 1998 dan RM100 pada Oktober 1998, Bank Negara Malaysia telah menerima sebanyak 7 kes pemalsuan wang kertas reka bentuk baru sehingga bulan November 1998. Wang kertas palsu yang dilaporkan adalah merupakan wang kertas denominasi RM10 iaitu sebanyak 7 keping. Untuk makluman Yang Berhormat, wang kertas palsu berkenaan adalah merupakan wang kertas palsu yang berkualiti rendah dan mudah untuk dikesan oleh orang ramai memandangkan ianya amat berbeza dengan wang kertas tulen.

Puan Hajah Ramlah binti Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, apakah ciri-ciri keselamatan wang kertas baru yang telah dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia?

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, reka bentuk wang kertas mencerminkan 'Wawasan 2020' di samping mengekalkan ciri tradisional kebudayaan negara. Jadi, kalau bolehlah kita lihat – Tuan Yang di-Pertua, saya tadi baru menukar duit ini untuk melihat sendiri apakah ciri-ciri keselamatan. *[Mengeluarkan denominasi RM2, RM10, RM50 dan RM100 dari saku]* Jadi, Yang Berhormat kalau ada duit denominasi RM2, RM10, RM50 dan RM100 boleh dikeluarkan dan sama-sama kita melihatnya kerana ini kita take for granted ya.

Pertamanya, tentang denominasi RM2, Tuan Yang di-Pertua, di belakangnya ada gambar Menara Kuala Lumpur dan juga sputnik ini melambangkan Wawasan 2020 kita. Selain daripada itu di belakangnya ada 'Bank Negara Malaysia' tulisan jawi dan 'Dua Ringgit' tulisan jawi. Yang pentingnya ialah di tepi ini, Tuan Yang di-Pertua, kita ada satu 'dot' bulat, ini menunjukkan orang yang buta juga boleh merasakan ini RM2. Jadi, ini ciri-ciri yang ada pada duit kita.

Untuk duit RM10, kita ada gambar Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur yang baru, LRT dan juga perkapalan dan di sini juga ada ciri-ciri sekuritanya, dan di sini kita ada tiga 'dot' bulat, ini untuk memberitahu orang-orang buta yang ini duit RM10.

Kalau duit RM50, begitu juga dan di sini digambarkan di belakang ini ialah cari gali minyak, kilang dan sebagainya. Di sini kita ada dua 'diamond shape dot' untuk orang buta tahu yang ini RM50 dan untuk RM100 kita ada tiga 'diamond shape' berbentuk kecil ini untuk mereka tahu mengenai perkara ini.

Selain daripada itu ciri-ciri keselamatannya ialah dikatakan Printed Embossed Anti-copy Key (PEAK) dan Longlasting Economic Anti-copy Device (LEAD) dengan tujuannya khusus untuk mengatasi pemalsuan-pemalsuan yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi.

Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Setiausaha Parlimen menjawab sehingga membawakan wang tukar pada pagi ini. Dia sudah tahu orang hendak tanya fasal duit ini tadi, agak sayalah, sudah dijangkakan.

Tadi ada menyebut bahawa ada tujuh kes penipuan berlaku. Saya hendak tahu adakah dilakukan oleh orang dalam negeri sendiri ataupun ada kaitan dengan orang-orang luar melakukan pemalsuan.

Satu perkara lagi, wang RM10 itu saya tengok kalau dibandingkan dengan wang lama, saiznya adalah kecil, kadang-kadang kalau kurang perasan orang kata wang RM2, itu masalah yang timbul. Kalau orang buta tidak apalah dia boleh rasa-rasa tetapi kalau rasa pun kurang sedikit besarnya. Jadi, mengapakah perubahan yang sebegitu berlaku, sepatutnya sama besar. Saya dapat tahu bank pun susah, bila hendak 'cucuk' bank dia kata wang lama juga yang keluar, wang kecil susah saiznya untuk menentukan keadaan.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, yang tujuh keping wang RM10 itu dilakukan bercampur-campur, orang luar juga ada melakukannya dan juga orang dalaman. Satu lagi mengenai wang kecil ini, saya teringat juga Yang Berhormat Dato' Chareem Intachat yang menyatakan bahawa wang kertas kita [*sambil menunjukkan poster*] bernilai RM500 dan RM1,000 sah diperakukan sehingga 30 Jun 1999. Jadi selepas itu duit ini tidak laku lagi dan kita berharap, Ahli-ahli Yang Berhormat akan balik dan memberitahu orang-orang di kawasan kita bahawa sesiapa yang ada RM500 dan RM1,000, cepat ditukarkan dengan duit yang baru kerana duit ini tidak laku selepas 30 Jun 1999. Duit ini kecil sedikit dibandingkan dengan duit yang besar kerana ini ialah untuk mengelakkan orang membawa duit keluar, jadi duit sekarang ini lebih kecil dan lebih bujur daripada duit dahulu yang dampak empat segi.

Jadi apabila lebih kecil dan lebih bujur dan ia kecil, kalau misalannya duit dahulu yang kita berhentikan RM5,000 dan RM1,000 ini ia besar dan apabila hendak bawa keluar, 'bulky' jadi ini untuk mengelakkan orang membawa duit keluar RM5,000, RM1,000 ini kita berhentikan pada Jun 1999. Terima kasih.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat pandangan daripada kerajaan, kita mendengar kata wang palsu, bolehkah kerajaan memaklumkan bagaimanakah proses mencipta wang palsu ini dan adakah sindiket-sindiket dalam negeri atau luar negeri yang mengusahakan sindiket wang palsu ini?

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, mengenai proses wang palsu, sebab saya pun tidak membuat wang palsu, [*Ketawa*] jadi saya tidak tahu prosesnya bagaimana. Tetapi cuma saya katakan apa yang berlaku kalau kita hendak mengeluarkan wang, salah satu objektif Bank Negara ialah untuk mengeluarkan mata wang dan menyimpan rizab bagi menjaga nilai mata wang tersebut.

Jadi formulanya yang dikatakan ialah pertamanya, pada amalannya bank menyimpan sandaran harta luar negara yang jauh lebih tinggi daripada 100% terhadap tanggung mata wang. Jadi amalan ini merupakan dasar yang ditentukan oleh kerajaan bahawa sandaran emas dan penukaran asing yang sepenuhnya akan dikekalkan bagi Ringgit Malaysia dan pada akhir bulan November 1998, sandaran harta luar negara adalah 4.5 kali ganda tanggungan mata wang Bank Negara. Ini bermakna, kalau dilihat dari segi formulanya kita ada, gold and foreign exchange and other reserved, dengan izin sebanyak RM90,117,937,198, ini aset kita dan kita gunakan itu untuk putaran wang (currency in circulation), dalam negara kita sekarang ini ialah sebanyak RM19,932,959,769. Dibahagikan aset dengan liabiliti ini kita dapat 4.5 kali ganda ataupun 450% dan ini kita tentukan dari segi apa yang dikatakan tadi oleh Ahli Yang Berhormat mengenai backing atau sandaran kita. Nilai pula ialah apa yang dikatakan satu bakul mata-mata wang asing (basket of currency) yang kita berniaga dan berdagang dengannya seperti Sterling Pound, Deutschemark, Yen, Dolar Amerika, Dolar Australia dan sebagainya dan juga emas. Adanya itu, baru kita dapat menentukan turun naik harga nilai duit kita. Terima kasih.

PENCERAIAN ORANG BUKAN ISLAM – PENINGKATAN KADAR

5. **Puan Tan Ah Eng** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan perangkaan mengenai isu perceraian orang bukan Islam dalam negara ini memandangkan mengikut

kajian, kadar kasar perceraian di Semenanjung Malaysia telah meningkat daripada 0.14 (tahun 1985) kepada 0.21 (tahun 1990) dan peratus perceraian yang didaftarkan dengan Jabatan Pendaftaran Negara pada tahun 1995 ialah 1.7%.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali]: Tuan Yang di-Pertua, dari tahun 1995 sehingga bulan Jun 1998, perangkaan perceraian dan perkahwinan bagi orang-orang bukan Islam adalah seperti berikut:

- (i) Tahun 1995 jumlah perkahwinan 65,082; jumlah perceraian 1,233; peratusan 1.8%.
- (ii) Tahun 1996 jumlah perkahwinan 63,670; jumlah perceraian 1,038; peratusan 1.6%.
- (iii) Tahun 1997 jumlah perkahwinan 65,360; jumlah perceraian 2,372; peratusan 3.6%.
- (iv) Sehingga bulan Jun 1998 jumlah perkahwinan 29,611; jumlah perceraian 1,166; peratusan 3.9%.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, oleh kerana pendaftaran negara hanya mendaftarkan orang yang berkahwin yang bukan Islam sahaja, apakah pandangan kerajaan supaya kita ada satu bentuk piawai yang ada uniformity, di antara bukan Islam dan Islam iaitu Jabatan Pendaftaran Negara juga sepatutnya mempunyai penyelarasan kepada orang-orang Islam yang kahwin dan didaftarkan di Pejabat Syariah secara syariah tetapi mempunyai uniformity dari segi peringkat pendaftaran negara. Apakah cadangan kerajaan berkenaan keadaan ini?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, kemungkinan perkara ini boleh dilakukan oleh JAKIM dan pihak Jabatan Pendaftaran Negara sedia untuk memberikan kerjasama untuk membolehkan JAKIM melaksanakan tugas ini.

Tuan Tee Thiong Hock: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan berkenaan dengan statistik yang tadi diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu percentage atau kadar perceraian. Nampaknya trendnya adalah suatu kadar yang begitu tinggi, daripada 1% setahun ini telah naik hampir 4%, saya agak that is a very serious trend, di sini saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan apakah sebabnya yang menyebabkan trend itu. Terima kasih.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, antara sebab-sebab perceraian berlaku di kalangan bukan Islam dan mungkin ianya juga berlaku di kalangan Islam pun begini juga, antaranya ialah:

- (i) perceraian kadang-kadang berlaku disebabkan persetujuan kedua-dua belah pihak;
- (ii) pecah belah perkahwinan dan tingkah laku yang tidak munasabah, pasangan suami isteri;
- (iii) perzinaan, kemungkinan suami isteri mempunyai pasangan yang lain;
- (iv) pasangan ditinggalkan langsung atau pasangan telah pun tinggal secara berasingan; dan
- (v) kemungkinan timbul juga oleh kerana adanya keadaan ekonomi yang lembap sedikit, ada tuntutan yang tidak munasabah di pihak isteri dan kemungkinan juga ada di antara mereka disebabkan oleh mereka yang datang dari luar negeri yang ingin pulang kembali ke negara mereka.

USTAZ MAZHAB HANAFI – POLISI KERAJAAN

6. **Tuan Haji Abdul Wahid bin Varthan Syed Ghany** minta Perdana Menteri menyatakan apakah polisi kerajaan mengenai ustaz mazhab Hanafi yang datang dari negara India untuk mengajar al-Quran dan fardu ain di madrasah-madrasah India Muslim di negara kita. Adakah wajar mereka diberi visa untuk jangka masa sekurang-kurangnya satu tahun.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua, pengajar-pengajar al-Quran dan fardu ain yang datang dari India yang bermazhab Hanafi diterima mengajar di negara ini adalah khusus untuk kaum India Muslim sahaja. Walaupun Malaysia mengamalkan mazhab Shafie tetapi mazhab lain Hanafi, Maliki dan Hambali adalah dibenarkan kerana ini adalah mazhab yang muktabar dan diiktiraf oleh Islam iaitu aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah. Malaysia juga mengiktiraf mazhab-mazhab ini.

Umat Islam yang berketurunan India (India Muslim) di Malaysia merupakan golongan yang ramai juga bilangannya dan mereka beramal mengikut mazhab Hanafi. Oleh yang demikian, tenaga pengajar ini diperlukan untuk mengajar kumpulan ini sahaja memandangkan adanya perbezaan amalan dalam beberapa perkara yang mana tidak dimiliki oleh pengajar-pengajar mazhab Shafie dan lain-lain.

Tempoh visa yang diberikan kepada mereka hanya untuk satu tahun sahaja dan mereka perlu memohon diperbaharui jika ingin menyambung tugas-tugas di negara ini. Tempoh satu tahun ini adalah wajar diberikan untuk memastikan pengajar-pengajar ini tidak menyalahgunakan visa untuk tujuan-tujuan lain. Jika didapati mereka telah menyalahgunakan visa tersebut maka jabatan ini tidak menyokong untuk disambung.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya pada satu ketika masa dahulu, kita dapati ada satu kumpulan masyarakat Islam di negara kita secara khususnya ialah ahli-ahli PAS meletakkan gambar Ayatollah Khomeini di ruang rumahnya ataupun di ruang pejabatnya sebagai satu model perjuangan. Saya hendak tahu penjelasan daripada Yang Berhormat dan kerajaan, apakah sebenarnya kedudukan pandangan ahli-ahli PAS terhadap penganutan daripada bentuk mazhab ini sendiri di negara kita dan adakah ianya bersalahan dengan module yang dikehendaki oleh pimpinan negara kita.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, Ayatollah Khomeini merupakan pemimpin Syiah yang mana Syiah ini merupakan gerakan yang banyak kepada politik, sebab itulah pada suatu ketika ramai di antara pengikut-pengikut parti PAS yang ingin bergerak sebagaimana Syiah untuk memerintah di negara ini. Oleh kerana Syiah ini bertujuan politik bukannya ajaran Islam itu yang menjadi keutamaan, maka sebab itulah ada di antara kita ingin terikut dengan apa yang dibawa oleh Ayatollah Khomeini. Sebenarnya, ini merupakan minat kepada orang yang tidak ramai tetapi apabila kita mendapat tahu bahawa ada di antara golongan parti PAS yang ingin mengikut Gerak yang dibawa oleh Ayatollah Khomeini, maka kita telah memberi kesedaran kepada rakyat keseluruhannya. Ini merupakan satu perkara yang boleh memporak-perandakan keadaan rakyat. Sebab itulah kebelakangan ini bukanlah menjadi satu minat kepada parti tersebut kerana kalau mereka melakukan mereka juga tidak akan mendapat apa-apa sokongan daripada rakyat. Jadi bukanlah ini merupakan satu perkara yang perlu jadi pengikut atau diikuti kerana perkara ini akan memecah-belahkan masyarakat di negara ini.

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, sebagaimana yang kita maklum masalah mazhab ini adalah merupakan satu dari ranting yang sangat kecil, adakah kementerian bercadang untuk mempergiatkan usaha-usaha untuk menyerapkan anak-anak daripada golongan mazhab Hanafi tadi kepada mazhab Shafie kerana ini boleh menguatkan lagi integrasi umat Islam di negara kita.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, mazhab-mazhab yang kita ketahui yang besar, Hambali, Maliki, Shafie dan Hanafi adalah merupakan mazhab yang ramai diikuti oleh penganut-penganut agama Islam di seluruh dunia. Kalau kita lihat di Asia Tenggara, di Mesir adalah pengikut-pengikut mazhab Shafie, di India, Pakistan, Bangladesh dan Myanmar adalah pengikut-pengikut mazhab Hanafi. Di Morocco dan Tunisia adalah mazhab Maliki dan di Saudi Arabia adalah mazhab Hanafi. Jadi ini merupakan diikuti oleh orang yang ramai, jadi walaupun mereka duduk di negara yang mungkin ramai orang Islam itu menganut mazhab yang tertentu tetapi kalau ada di antara mereka daripada awal lagi sampai sekarang dan mungkin anak cucu mereka mengikut mazhab yang lain, tidak ada halangan kerana kalau kita menghalang bererti kita tidak terbuka dalam masalah mazhab. Dalam mazhab Hanafi juga kita banyak memakai perkara-perkara yang datang daripada mazhab Hanafi, misalannya masalah-masalah perdagangan, perniagaan dan sebagainya, misalnya Bank Islam, Takaful dan sebagainya kita mengambil daripada sumber yang muktabar daripada mazhab Hanafi. Jadi kalau kita tidak mengembangkan semua mazhab ini, kita takut Islam ini terkongkong sebab itulah kita membenarkan banyak mazhab dan kita boleh mengambil sumber-sumber yang penting untuk membangunkan Islam itu sendiri.

Kalau sekiranya kita terikat kepada satu perkara sahaja, kita takut kita tidak boleh mengembangkan Islam ini lebih baik daripada masa sekarang dan masa-masa akan datang sebab kita masih berpegang kepada [*Bercakap dalam bahasa Arab*] maksudnya adanya pertelingkahan atau berlainan pendapat ulamak itu merupakan rahmat kepada Islam itu sendiri. Yang penting mestilah kita mengambil sumber-sumber ini daripada muktabar yang datang daripada nas yang sahih yang dipakai ramai. Inilah yang kita amalkan di Malaysia ini, insya-Allah kita cukup yakin dengan perkara ini boleh mengembangkan lagi Islam di negara kita. Jadi kita tidak berhasrat untuk menentukan siapa yang mengikut mazhab Hanafi supaya dia mengikut mazhab Shafie sebab mazhab itu adalah berlainan tetapi kita semua Islam adalah mempunyai matlamat yang sama. Terima kasih.

Tuan Haji Abdul Wahid bin Varthan Syed Ghany: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya. Guru-guru ini perlu diambil kerana mazhab yang diamalkan oleh kaum India Muslim adalah Mazhab Hanafi. Sejak kebelakangan ini isu mendapat visa dan melanjutkan visa guru yang sedia mengajar telah menjadi sukar. Setelah menduduki temuduga ustaz ini diberi kelulusan satu bulan kemudian ditambah satu bulan, kelulusan maksimum visa diberi adalah enam bulan. Apabila tamat enam bulan, ustaz ini dikehendaki menghadapi proses temuduga semula. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) juga sering membawa perubahan undang-undang dan ini sedikit sebanyak telah menjejaskan pentadbiran madrasah-madrasah India Muslim di seluruh Malaysia. Terima kasih.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya jawab tadi, kalau sekiranya ada di antara guru-guru menggunakan visa itu bagi tujuan yang lain sebab kita akan sentiasa memantau mereka ini, mungkin kalau ada terlibat dengan yang lain sebab itulah kita tidak sambung visa mereka tetapi kalau mereka benar-benar mengajar sebagaimana asal, kita tidak akan menamatkan visa mereka dengan sesuka hati, yang pertama.

Yang kedua, seramai lebih kurang 60 orang sekarang ini guru-guru daripada India kita gunakan di sini untuk mengajar India Muslim dalam mazhab Hanafi. Kita mengharapkan apabila mereka datang ke mari mereka mampu mengajar warga negara Malaysia ini dengan ilmu-ilmu tadi dan mereka akan berupaya untuk mengajar orang lain. Jadi kalau sekiranya guru untuk mengajar mazhab Hanafi ada di kalangan penduduk-penduduk Malaysia sendiri, maka lebih baik kita mengangkat ataupun melantik mereka ini untuk mengajar.

Jadi kalau kita selama-lamanya berpegang dengan guru luar, jadi kita kurang berpayalah untuk mendapatkan guru daripada dalam negara sebab kita telah membenarkan perkara ini supaya mereka mengajar dan mereka pengikut-pengikut

mazhab berkenaan mestilah belajar bersungguh-sungguh dan mereka akhirnya akan menjadi guru. Jadi, walau bagaimanapun setakat ini, maknanya kita masih menerima kalau sekiranya benar-benar mereka dikehendaki mengajar dalam mazhab ini dari masa ke semasa akan dipertimbangkan oleh kerajaan.

PERAIRAN NEGARA - USAHA-USAHA KAWALAN KESELAMATAN

7. **Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin** minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) apakah status kawalan keselamatan di perairan negara termasuk mengawal Terumbu Layang-layang dan kepulauan Spratlys; dan
- (b) apakah pihak tentera mempunyai cukup armada dan kapal selam untuk mengawasi perairan negara. Jika ya, berapa bilangannya, jika tidak apakah langkah kementerian untuk mengatasi masalah ini.

Menteri Pertahanan [Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]:

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat keadaan keselamatan perairan negara termasuk Terumbu Layang-layang dan terumbu-terumbu berhampiran sentiasa di dalam keadaan yang terkawal. Pihak tentera laut sentiasa membuat pengawasan di kawasan-kawasan yang dianggap penting bersama dengan tentera udara yang membuat pengawasan daripada udara. Walau bagaimanapun apabila kadangkala ada kapal-kapal perang dari negara asing memasuki kawasan-kawasan terutamanya kawasan yang mempunyai tuntutan bertindih, namun apabila kapal-kapal ini menyedari mereka dikesan oleh pihak berkuasa di negara ini, mereka terus beredar keluar. Kehadiran kapal-kapal TLDM di beberapa kawasan tertentu telah dapat menghindarkan mereka yang mempunyai niat buruk untuk melaksanakan sesuatu mengikut kepentingan mereka.

Keduanya, memandangkan keluasan perairan negara adalah sangat besar, maka sudah tentu tugas untuk mengawal keseluruhan perairan negara dengan aset-aset TLDM yang sedia ada sememangnya tidak mencukupi. Walau bagaimanapun dengan kerjasama di antara TLDM dan TUDM kawasan perairan negara dapat diawasi dengan lebih berkesan lagi. Bagi menentukan keadaan terkawal, operasi TLDM banyak tertumpu kepada kawasan-kawasan yang dianggap penting atau sentiasa dicerobohi oleh pihak-pihak tertentu. Sebagai langkah mengatasi kekurangan aset, kerajaan Malaysia sentiasa mengaturkan program pembelian aset-aset baru dan menggantikan peralatan yang usang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak dua buah frigate daripada United Kingdom dan empat buah corvet daripada Itali, dua sudah mula beroperasi dan akan berkhidmat dengan TLDM pada tahun yang akan datang. Dalam masa yang sama, enam buah kapal peronda akan dibina di Limbungan PSC MBSB Lumut bermula awal 1999. Kerajaan juga sedang berunding untuk membeli helikopter-helikopter baru bagi membantu dalam tugas pengawasan. Terima kasih.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Pertamanya saya merakamkan terima kasih di atas kehadiran Yang Berhormat kerana beberapa hari yang lalu saya ada menegur secara spesifik kementerian, dan inilah tanggungjawab yang amat bermakna kepada kita di Dewan Negara di atas kehadiran sendiri Yang Berhormat Menteri Pertahanan kita.

Soalan tambahan saya ialah, oleh kerana perairan negara kita agak dikatakan luas dan suasana di negara kita mutakhir ini, sejauh manakah kedudukan negara kita selamat melalui strategi kawalan kita kerana kita tahu bahawa beberapa negara besar yang mempunyai kuasa besar telah bertindak sewenang-wenangnya. Sebagai contohnya, saya dapat tahu bahawa Iraq sendiri di bom oleh Amerika hari ini dan sejauh manakah pendirian kerajaan sesungguhnya untuk melihat negara kita dalam

keadaan selamat dari bentuk pengawalan kita di perairan atau angkasa. Perairan ini saya tidak tahu sama ada perairan airkuh atau perairan angkasa. Saya ingat Yang Berhormat mempunyai penjelasan, terima kasih.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan kerana kalau dia tidak ada, saya merasa terkilán. *[Ketawa]* Pasal semalam saya menjawab soalan, Yang Berhormat terpaksa keluar tetapi saya hendak betulkan untuk rekod supaya *Hansard* tidak tersilap iaitu adalah tidak benar yang Kementerian Pertahanan tidak ada orang langsung datang atau saya tidak datang. Tetapi ada masanya saya tidak datang, saya mengucapkan terima kasih di atas ingatan dan kerana ingatan itu, terpaksa saya jawab sendiri.

Bagaimanapun berkenaan dengan soalan perairan ini mesti atas air tidak boleh di udara. Kalau kita bertindak di atas wap air itu kita tidak tahu sama ada hujan akan turun dan akan menimbulkan masalah kepada kita semua. Berkenaan dengan keadaan keselamatan dan sejauh manakah kedudukan keselamatan kita terkawal, saya fikir kita lihat walaupun kita menghadapi kegawatan ekonomi dan juga ada sedikit sebanyak masalah politik tetapi kita masih rasa bahawa negara kita stabil dan orang ramai boleh bergerak tanpa berasa takut.

Oleh itu kedudukan ini perlu kita pertahankan dan sebab itu kita akan terus bersama-sama pihak keselamatan lain seperti pihak polis untuk mengawal dan mengawas kawasan perairan maritim kita dan juga melalui rondaan di dalam kawasan-kawasan udara, kita membuat penerbangan-penerbangan dan surveillancé dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, untuk kita menentukan di setiap masa tidak ada ancaman baru yang boleh menjejás keselamatan negara kita. Iraq dibom ini adalah soal yang berlainan daripada soal negara kita kerana negara kita sentiasa bertindak mengikut apa yang wajar, mengikut keputusan Bangsa-Bangsa Bersatu dan kadangkala sebab itu sikap Malaysia menegur negara-negara yang menggunakan kekuatan sebagai sesuatu yang benar adalah sesuatu yang perlu kita sama-sama pertahankan kedudukan Malaysia dan tindakan yang diambil oleh pemimpin-pemimpin kita. Jadi saya mengucapkan sekali lagi terima kasih kepada Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Tee Thiong Hock.

Tuan Tee Thiong Hock: Tuan Yang di-Pertua, saya berminat soalan tambahan kerana Yang Berhormat Menteri datang dengan sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini saya baca di surat khabar ada nelayan yang kena bunuh ataupun hilang nyawa di perairan negeri Kedah sampai nelayan tidak berani keluar ke laut untuk tangkap ikan, jadi kurang ikanlah di Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua, juga saya terbaca di surat khabar ada perkara seperti itu berlaku di Johor dan sekumpulan besar nelayan juga mahu berjumpa dengan Dato' Ong Ka Ting untuk menyelesaikan perkara ini. Memang perkara ini selalu berlaku di perairan negara kita dan identiti orang-orang yang terlibat dalam hal ini adalah orang-orang negara asing, identiti mereka tidak dapat ditentukan, adakah mereka askar? merin polis? ataupun lanun? Tetapi mereka selalu menangkap nelayan kita dan lepas itu minta wang pelepasan yang begitu besar dan kalau wang pelepasan tidak dibayar, memang boleh jadi kehilangan nyawa nelayan seperti yang baru-baru berlaku, kejadian ini pernah berlaku di Hutan Melintang juga.

Tuan Yang di-Pertua, saya mahu tanya di sini, apakah tindakan atau langkah-langkah yang boleh diambil oleh Yang Berhormat Menteri Pertahanan bersama-sama dengan tiga orang Yang Berhormat Menteri lain yang berkenaan, saya agak Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri, Menteri Luar Negeri dan juga Menteri Pertanian. Adakah keempat-empat kementerian mempunyai satu mekanisme koordinasi untuk menjamin keselamatan nelayan kita pada masa mereka menangkap ikan di laut. Terima kasih.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita sedia maklum bahawa kerajaan ini bukan berasaskan kepada kementerian yang berasingan dan kita mempunyai tanggungjawab yang bersama untuk melaksanakan segala tugas bagi memerlukan terjamin kedudukan dan manfaat kepada rakyat jelata. Bila kita membuat rondaan berkenaan kawasan perairan pantai ataupun di laut dalam, di kawasan perairan pantai selalunya dengan Polis Marin kita yang melaksanakan tugas, jika di laut dalam dilakukan oleh Tentera Laut Diraja Malaysia, dan apabila tangkapan dibuat, ianya akan diserahkan kepada pihak polis untuk mengambil tindakan. Banyak langkah yang kita ambil dan langkah-langkah ini kadangkala menimbulkan masalah oleh kerana ia melibatkan rakyat asing.

Ada masanya kita terpaksa melepaskan tembakan atau menyebabkan kecederaan dan oleh itu mungkin ada bantahan, kemudian kerajaan melalui Kementerian Luar Negeri akan menangani masalah itu dengan sebaik mungkin. Baru-baru ini berlaku di Kedah, di mana nelayan pantai kita sendiri menghadapi serangan dari pihak lanun. Jadi, kita kena kerapkan lagi dan Kementerian Pertahanan dengan pihak Polis Marin diminta untuk mengadakan lebih banyak rondaan dan kawalan dan kita perlu maklumat daripada ketiga-tiga pihak, iaitu nelayan, pertanian dan Polis Marin yang sebenarnya bertanggungjawab untuk melaksana dan menguatkuasakan, kita hanya menjadi pasukan menyokong segala aktiviti yang dilaksanakan oleh kementerian-kementerian lain. Saya harap dapat menjawab soalan yang dibawa oleh Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pertahanan kerana Yang Berhormat sendiri telah pun datang untuk menjawab soalan saya.

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita tahu bahawa Terumbu Layang-layang dan Pulau Spratly merupakan kawasan yang menjadi tuntutan bertindih antara beberapa buah negara dalam Asia ini. Soalan saya, sejauh mana kerjasama negara-negara ASEAN di dalam kita mempertahankan wilayah-wilayah kita daripada serangan luar? Terima kasih.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan kawasan terumbu, ia adalah kumpulan pulau dan juga terumbu yang menjadi tuntutan oleh beberapa negara mengikut kita punya ukuran iaitu di dalam Zon Eksklusif Ekonomi Negara memerlukan untuk menentukan kepentingan Zon Eksklusif Ekonomi itu dapat dikawal dan tidak dijejaskan oleh mana-mana pihak. Walau bagaimanapun pengiraannya ada perselisihan, pendirian Kerajaan Malaysia ialah di mana kita menganggap ia di dalam kawasan kita, kita akan meletakkan Tentera Laut Diraja Malaysia untuk mempertahankan kedudukan itu. Walau bagaimanapun kita tidak akan menyelesaikan masalah dengan melalui cara ataupun kaedah pertentangan di antara negara dengan negara tetapi melalui perundingan dan persetujuan di peringkat bilateral atau multilateral.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Soalan tambahan saya, berapa banyakkah pencerobohan yang telah dapat dikesan oleh pihak kerajaan, iaitu pencerobohan perairan, pencerobohan udara dan negara-negara yang terlibat menceroboh kawasan-kawasan kita dan sama ada kerajaan telah memaklumkan pencerobohan-pencerobohan itu kepada pihak-pihak yang terlibat supaya benda ini tidak berulang dan kita mengucapkan tahniah di atas kebijaksanaan kerajaan menangani masalah-masalah keselamatan di perairan dan di udara.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Terima kasih, saya ucapkan kepada Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail, ingin mengatakan bahawa saya tidak ada maklumat untuk sekarang walaupun saya ada

rekod-rekodnya tetapi kalau Yang Berhormat hendak, kita akan memberikan maklumat yang bertulis oleh kerana kalau ada pencerobohan-pencerobohan di ruang udara misalnya, kalau kita hendak membuat protes, kita kena memberikan maklumat terperinci, masa dan kawasannya, jadi itu memerlukan pengawasan yang rapi dan jika di perairan juga selalunya kita tidak melaksanakan tangkapan itu dan meneruskan tangkapan, kita serahkan kepada pihak polis untuk melaksanakan tangkapan dan seterusnya mengambil tindakan yang sewajarnya. Tetapi kalau pencerobohan udara itu dan apa-apa juga yang melibatkan tentera laut, saya akan beri pada Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail secara bertulis.

Tuan Haji Hanipah bin Ahmad: Saya ingin mendapat penjelasan daripada kerajaan, sejauh manakah kedudukan kekuatan tentera kita jika dibandingkan dengan rakan di dalam negara-negara ASEAN.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tadi, saya nampak Tuan Hanipah bin Ahmad punya soalan, saya jawab Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail berkenaan kekuatan ini, untuk mengukur, Tuan Yang di-Pertua, kita punya doktrin kita mesti mempunyai self-reliance, kemampuan kita sendiri dan kita dapat mencegah daripada orang berminat untuk menyerang negara kita, bukan dasar kita untuk mengukuh kekuatan dan apakah kekuatan yang ada di negara luar dan kita mempersiapkan diri kita berasaskan kekuatan negara luar tetapi lebih berbentuk bagaimana kita dapat mempertahankan negara kita supaya ia tidak dicerobohi atau dimasuki atau diserang oleh negara lain. Terima kasih.

KONSEP “SAFE CITY” - PERLAKSANAAN

8. **Puan Kamilia binti Ibrahim** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan konsep “Safe City” dan bagaimanakah kawal selia salah laku sosial terutama masalah salah guna dadah dapat dilaksanakan dengan berkesan dalam konteks konsep tersebut.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato’ Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali]: Tuan Yang di-Pertua, “Safe City” konsep, dengan izin, atau konsep bandar selamat ialah satu pendekatan yang boleh digunakan untuk mewujudkan persekitaran fizikal yang boleh membantu dalam pencegahan jenayah dalam kawasan-kawasan pembangunan yang sedia ada iaitu melalui reka bentuk persekitaran ataupun environmental design. Ia merupakan satu program bersepadu ke arah pengwujudan ‘Bandar Selamat’ di mana penduduknya adalah lebih selamat daripada jenayah dan perasaan takut terhadap ancaman jenayah. Pendekatan ini adalah prinsip bahawa pencegahan jenayah ialah melalui pengurangan peluang-peluang untuk melakukan jenayah dan mewujudkan persekitaran fizikal yang boleh menyelesaikan masalah jenayah dan sekali gus mencegah jenayah.

Kawal selia salah laku sosial terutama salah guna dadah, dapat dilaksanakan dengan berkesan berdasarkan konsep ini melalui ciri-ciri ‘Konsep Bandar Selamat’ seperti berikut:

- (i) Penglibatan bersama antara kerajaan dan rakyat iaitu 56 penduduk tempatan sendiri yang memahami masalah sosial penduduk di tempat mereka. Penduduk tempatan melalui persatuan penduduk akan memaklumkan masalah yang berlaku di kawasan mereka kepada pihak berkuasa seperti polis dan majlis tempatan untuk tindakan.
- (ii) Pencegahan melakukan jenayah melalui reka bentuk persekitaran fizikal, pembangunan masyarakat dan pembelajaran, mengurangkan kewujudan persekitaran yang boleh menggalakkan kegiatan salah guna dadah dan mengadakan aktiviti yang sihat oleh persatuan penduduk di tempat masing-masing yang akan dapat meminimumkan masalah jenayah di tempat mereka.

- (iii) Menggabungkan pencegahan sosial dengan perubahan fizikal. Apa juga perubahan fizikal yang hendak diadakan dalam komuniti tersebut, faktor pencegahan sosial perlu diambilkira.
- (iv) Menyatukan rakyat dalam pencegahan jenayah dan menanam semangat kejiranan. Masyarakat tempatan digalakkan saling membantu antara satu dengan lain dalam apa juga perkara dan dalam pembasmian jenayah termasuk salah guna dadah yang berlaku di tempat masing-masing.
- (v) Keselamatan bandar sebagai catalyst untuk perubahan. Pemantauan dan mendapatkan maklum balas secara berterusan akan menjadi pemangkin kepada perubahan komuniti tempatan tersebut.

DESTINASI PELANCONGAN – KUALITI KEMUDAHAN ASAS

9. **Puan Hajah Selemiah binti Hashim** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan dalam Belanjawan 1999, diumumkan satu hari Sabtu setiap bulan dijadikan hari cuti umum untuk menggalakkan sektor pelancongan dalam negara. Apakah pihak yang berwajib dapat memberi jaminan tentang keselesaan tempat-tempat pelancongan dalam negara kerana masih ramai yang membuat aduan bahawa tempat-tempat yang mereka lawati tidak bersih dan tidak mempunyai kemudahan asas yang mencukupi.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menjawab bagi pihak Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa memberi perhatian kepada pembangunan produk pelancongan yang berkualiti untuk menjadikan destinasi pelancongan negara ini selamat, selesa dan sihat untuk dilawati serta dapat memenuhi keperluan dan cita rasa pelancong. Justeru itu setiap tahun di bawah rancangan pembangunan lima tahun kerajaan melalui Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dan melalui kementerian-kementerian lain yang berkaitan dengan pembangunan projek pelancongan menyediakan peruntukan untuk membangun dan mempertingkatkan produk pelancongan dengan dilengkapi dengan berbagai kemudahan asas serta diselenggara untuk menjamin kualitinya di sepanjang masa.

Usaha ini dibantu oleh sektor swasta yang melabur dalam industri perhotelan, pengangkutan dan sebagainya. Kerajaan juga sentiasa mengadakan kempen kesedaran awam melalui seminar, pendidikan sivik dan media supaya orang ramai sama-sama dapat menghargai kepentingan produk pelancongan atau destinasi pelancongan dan dapat membantu menjaga kualiti produk kebersihan tempat pelancongan. Kerajaan-kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan dan kita semua juga diminta memberikan kerjasama ke arah mencapai matlamat ini.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, adakah pihak kerajaan bersetuju supaya tidak ada lagi soalan-soalan yang berkaitan dengan ini dipersoalkan kerana tidak hadirnya pihak kementerian berkenaan.

Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria: Saya tidak faham itu.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Adakah pihak kerajaan bersetuju supaya tidak ada lagi soalan-soalan yang berkaitan dipersoalkan kerana tidak hadirnya pihak kementerian yang berkenaan?

Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria: Tuan Yang di-Pertua, soalan dari segi keselesaan tempat-tempat pelancongan? *[Disampuk]* Tuan Yang di-Pertua, kalau hendak tanya boleh, kita collective responsibility di sini.

Datuk Haji Sairin bin Karno: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Barangkali ini kali kedua tidak ada kementerian sama ada Setiausaha Parlimen, Timbalan Menteri atau Menteri tidak datang, barangkali mungkin terlalu sibuk. Jadi barangkali lain kali biar ada orang yang bertanggungjawab untuk menjawab. Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah Pulau Sipadan adalah salah satu destinasi perlancongan yang sudah terkenal di seluruh dunia. Saya difahamkan baru-baru ini bahawa Pulau Sipadan yang telah didirikan berbagai-bagai kemudahan termasuk chalet yang bertaraf antarabangsa dan yang kos sederhana telah dirobohkan dan dipindahkan ke Pulau Ligitan iaitu pulau yang dimiliki oleh Kerajaan Malaysia. Pulau Sipadan adalah merupakan pulau tuntutan bertindih, ini sebenarnya soalan yang saya ingin kemukakan kepada Kementerian Pertahanan tetapi kenapakah kerajaan kita terutama kementerian bersetuju untuk merobohkan kemudahan-kemudahan di Pulau Sipadan ini? Terima kasih.

Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ini berkaitan dengan pertelingkahan antara pihak Indonesia dengan Malaysia. Buat masa ini saya memang tidak mempunyai maklumat berkenaan dengan perobohan bangunan-bangunan itu tetapi saya rasa kalau adanya perobohan bangunan-bangunan ataupun chalet-chalet, saya tidak menjangkakan ia seharusnya di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. Dari segi prinsipnya kita memang menggalakkan pelancong-pelancong datang ke Pulau Sipadan sebagai satu daripada sepuluh pulau yang tercantik dalam dunia dari segi terumbu (coral), jadi kalau adanya usaha untuk merobohkan tempat penginapan di atas pulau tersebut, saya rasa harus dimajukan kepada Kementerian Dalam Negeri ataupun Kementerian Pertahanan, mengapa ianya berlaku. Walaupun ada contentious dari segi sama ada pulau itu dalam kawasan Malaysia ataupun Indonesia. Tetapi saya rasa tidak seharusnya diroboh tempat-tempat penginapan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan sudah pun cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 10 hingga 54 akan dijilid dalam buku berasingan]

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT DAN PENANGGUHAN

11.05 pagi.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dipertimbangkan kesemua Urusan Kerajaan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini, dan selepas itu, Dewan ini akan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya:

Bahawa walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dipertimbangkan kesemua Urusan Kerajaan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini,

dan selepas itu Dewan ini akan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan,

hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dipertimbangkan kesemua Urusan Kerajaan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini, dan selepas itu Dewan ini akan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KUMPULAN WANG YAYASAN TUNKU ABDUL RAHMAN (PINDAAN) 1998

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

11.07 pagi.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan suatu rang undang-undang yang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Kumpulan Wang Yayasan Tunku Abdul Rahman 1966 dan mengadakan peruntukan bagi fungsinya berhubung dengan Yayasan Tunku Abdul Rahman dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya, dibacakan kali kedua.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan Rang Undang-undang ini dibentangkan ialah untuk meminda Akta Kumpulan Wang Yayasan Tunku Abdul Rahman 1966 iaitu Akta ibu.

Fasal 2 Rang Undang-undang bertujuan untuk meminda seksyen 8 Akta untuk menambah kuasa Lembaga Pemegang Amanah ("Lembaga") berkenaan dengan wang Kumpulan Wang Yayasan Tunku Abdul Rahman ("Kumpulan Wang"). Selain memberi dermasiswa, biasiswa, sumbangan pengajian atau apa-apa pemberian atau bantuan kewangan lain kepada orang perseorangan, Lembaga boleh juga menyediakan sumbangan, pinjaman atau apa-apa bentuk bantuan kewangan lain kepada mana-mana sekolah atau institusi pendidikan lain bagi maksud pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Fasal 3 pula yang bertujuan untuk meminda seksyen 13, kuasa Lembaga ditambah selanjutnya untuk membolehkan Lembaga melaburkan wang Kumpulan Wang dalam pelaburan selain pelaburan yang dibenarkan oleh undang-undang bagi pelaburan wang amanah. Kuasa untuk melabur dalam pelaburan sedemikian adalah dihadkan kepada 10% daripada aset Kumpulan Wang dan hendaklah dibuat dalam syarikat yang telah membayar dividen atas syer biasanya selama tiga tahun berturut-turut sebaik sebelum pelaburan itu, atau dalam saham terbitan baru syarikat yang baru disenaraikan di Bursa Saham yang diperuntukkan bagi dan ditawarkan kepada Kumpulan Wang oleh Kementerian Kewangan atau Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan Akta Kumpulan Wang Yayasan Tunku Abdul Rahman 1966 ini melibatkan dua seksyen dalam seksyen 8 Akta 389 ialah:

- (a) dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen yang berikut:

“(2) Subject to the provisions of this Act, the balance of the Fund after defraying the expenses referred to in subsection (1) shall be utilised for the following purposes:

- (a) to provide or award such number of studentships, scholarships, study grants or study loans, or any other award or financial assistance as the Board may determine from time to time to be provided or awarded to any person referred to in subsection (3) to enable the person to pursue such courses or course of education as the Board may think proper; and
 - (b) to provide grants, loans or any other form of financial assistance to any school or other educational institution for purposes of education upon such terms of conditions as the Board may determine from time to time; dan
- (b) dalam subsekyen 3 -
- (i) dengan menggantikan perkataan “Subsection (2)” dengan perkataan “Subsection (2)(a)” dan
 - (ii) dengan memasukkan selepas “any other award” perkataan “or financial assistance”.

Dalam subseksyen 13 pula akta itu dipinda dengan menggantikan Seksyen 13 dengan seksyen yang berikut:

- “13. (1) The assets of the Fund may be invested by the Board in -
- (a) investments for the time being authorized by law for the investment of trust funds; or
 - (b) subject to subsection 2, other forms of investment.
- (2) Investments under subsection (1)(b) shall be limited to a maximum of 10 per centum of the assets of the Fund and shall, if invested in shares -
- (a) be made in the shares of companies which have for three successive years immediately preceding such investment paid dividends on their ordinary shares; or
 - (b) be made in the initial public offer shares of companies newly listed on the Stock Exchange which are allocated for and offered to the Fund by the Ministry of Finance or the Ministry of International Trade and Industry;
- (3) Notwithstanding subsection (1) the Board shall not make any investments in securities issued or registered, or other properties situated, outside

Malaysia except with the approval in writing of the Minister of Finance.”

Tuan Yang di-Pertua, sebagai kesimpulannya dapatlah dikatakan bahawa pindaan Akta Kumpulan Wang Yayasan Tunku Abdul Rahman 1966 yang dicadangkan ini ialah untuk memperluaskan fungsi Yayasan Tunku Abdul Rahman sebagai badan berkanun yang memberi sumbangan dan mempertingkatkan kecemerlangan pendidikan negara. Dengan pindaan ini diharapkan Yayasan Tunku Abdul Rahman akan dapat memberikan sumbangan kepada pembangunan pendidikan bukan hanya di peringkat pendidikan tinggi sahaja tetapi juga di peringkat persekolahan di negara ini melalui arah hala dasar, strategi serta perancangan jangka panjang yang telus dan pemantauan yang sesuai dengan keperluan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Kerk Choo Ting]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan majlis ialah rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Kumpulan Wang Yayasan Tunku Abdul Rahman 1966 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

11.25 pagi.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk membahaskan Rang Undang-undang Kumpulan Wang Yayasan Tunku Abdul Rahman (Pindaan) 1998.

Terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah pun membentangkan rang undang-undang sebentar tadi, dan kita berterima kasih kepada Kementerian Pendidikan yang telah pun memberikan perhatian yang wajar kepada industri pendidikan negara juga memberi perhatian kepada yayasan-yayasan sebagaimana Yayasan Tunku Abdul Rahman yang dibentangkan pindaannya pada pagi ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu negara kita dalam masa 41 tahun merdeka telah pun membuat berbagai-bagai perubahan jika dibandingkan dengan negara-negara yang lebih hebat daripada kita, Amerika misalnya, mereka telah pun merdeka dalam masa yang jauh berbeza, jauh beratus tahun ataupun berpuluh tahun berbanding dengan kita. Dalam masa 40 tahun kita telah melihat perubahan yang begitu nyata dan sektor pendidikan atau bidang pendidikan adalah merupakan elemen terpenting dalam menentukan pencapaian kita pada hari ini. Daripada mula kita merdeka, Kerajaan Barisan Nasional telah pun meletakkan asas dan juga dasar pendidikan di mana keseluruhan rakyat Malaysia diberi peluang untuk mendapat pendidikan supaya guna tenaga negara kita dapat dimanfaatkan.

Dengan guna tenaga yang telah pun diberi suntikan ilmu untuk membangunkan negara kita dapat melihat perubahan yang begitu nyata dalam masa 41 tahun kita merdeka. Cuma agak malang dengan adanya campur tangan tangan-tangan ganas daripada luar, yang telah pun mengganggu-gugat ekonomi negara kita hari ini kita menghadapi kemelesetan. Walau bagaimanapun, kita berharap dengan adanya measure ataupun tindakan-tindakan yang diambil oleh pihak kerajaan, kita dapat melalui masa genting ini dan kita berdoa kepada Allah S.W.T. supaya keadaan negara kita akan kembali pulih dan harapan kita untuk menuju dan juga untuk menjadi suatu kenyataan Wawasan 2020 akan dapat dicapai.

Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat dinafikan bahawa Yayasan Tunku Abdul Rahman telah pun memberikan sumbangan yang besar dalam bidang pendidikan. Saya kira ramai di antara pelajar-pelajar dan juga rakyat di negara kita ini yang telah pun mendapat manfaat daripada yayasan tersebut. Ada di antara mereka yang mendapat manfaat ini telah pun dapat menggunakan ilmu yang mereka dapati hasil daripada

peluang mereka dapat belajar di sekolah-sekolah menengah, seterusnya pergi ke institusi pengajian tinggi dan hari ini dengan peluang yang mereka dapat dengan sokongan biasiswa daripada Yayasan Tunku Abdul Rahman, mereka telah pun dapat digunakan oleh negara untuk menyumbangkan tenaga mereka kepada negara.

Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat nafikan sebahagian besar daripada rakyat di negara kita terutamanya mereka daripada keluarga yang berpendapatan rendah dan sebahagian besar daripada kita yang telah pun masuk dalam sistem pendidikan, hari ini dapat menjawat jawatan yang besar di peringkat kerajaan dan juga swasta. Sebahagian besarnya belajar dengan biasiswa kerajaan, kalau tidak pun mendapat biasiswa kerajaan semasa di sekolah menengah, kalau tidak pun mendapat sumbangan dan peruntukan yang telah disediakan oleh polisi kerajaan semasa belajar di sekolah-sekolah berasrama penuh, di peringkat universiti. Sebahagian besar daripada kita yang berada dalam Dewan ini, saya percaya mendapat biasiswa daripada kerajaan dan sudah tentu kalau kita menyedari hakikat ini, maka perlulah bagi kita sama ada kita berada dalam bidang apa sekali pun kita perlulah bekerja bersungguh-sungguh, berkhidmat dengan tulus dan ikhlas untuk kita menyumbangkan tenaga kita kembali kepada negara.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, buat masa sekarang ini kita didapati ekonomi rakyat kita menjadi semakin jauh lebih baik daripada masa lampau. Kalau saya ingat saya belajar tahun 60-an, tahun 70-an masuk universiti. Hendak datang ke Kuala Lumpur pun, orang-orang kampung kutip duit ataupun menyumbangkan wang RM1, RM10, pada waktu itu besar untuk kita melanjutkan pelajaran ke universiti. Tetapi sekarang ini kemampuan dan keupayaan di kalangan masyarakat kita telah meningkat. Sungguhpun begitu saya agak kesal kerana melihat sebahagian besar terutamanya daripada masyarakat bumiputera masih lagi merasakan bahawa kalau anak-anak mereka dapat melanjutkan pelajaran adalah menjadi tanggungjawab kerajaan ataupun tanggungjawab pihak lain untuk menyediakan peruntukan kewangan bagi anak-anak mereka yang berpeluang melanjutkan pelajaran.

Ini saya kira pihak kerajaan kita harus memberikan satu pendekatan kepada ibu bapa, kepada keluarga terutamanya supaya menyedarkan mereka setiap anak yang dilahirkan perlulah diwujudkan satu tabung dana keluarga sendiri untuk menentukan supaya anak ini apabila dapat peluang melanjutkan pelajaran mereka mempunyai kemampuan kewangan. Yang tidak cukup itu kita minta ditokok tambah oleh yayasan-yayasan dan juga oleh badan-badan yang telah pun disediakan oleh kerajaan sebagaimana Tabung Pendidikan Negara yang telah ditubuhkan.

Saya rasa agak kesal kerana melihatkan masyarakat kita mampu berbelanja, membeli pakaian yang hebat-hebat. Ada orang pakai, yang korporat ini saya dengar, memakai sepasang baju sampai RM10,000, RM15,000. Ada orang yang terbang ke luar negara untuk 'potong kasut', ini bagi orang yang mampu tetapi bagi masyarakat di luar bandar pun, kadang-kadang terikut-ikut juga di kampung-kampung, pakai baju beratus-ratus, pergi kenduri hendak pakai barang kemas banyak dan juga di rumah tidak kurang dengan pita video, televisyen, peti ais yang besar, almari yang hebat-hebat, semuanya hebat sedangkan dana pelajaran anak-anak tidak diambil perhatian. Kita kasihan kepada anak-anak yang mana sekarang ini kita tahu sebahagian besar daripada anak-anak kita memang mereka menyedari bahawa pelajaran itu penting. Sebahagian kecil sahaja belia ini ada yang terlibat dengan masalah sosial dan sebagainya.

Saya tidak setuju juga apabila ada di antara kita menyebut sebahagian besar belia sekarang ini terlibat dengan masalah sosial, belia sekarang ini bermasalah, saya rasa ini statement yang silap kerana semasa kita belia, kita juga merasakan kenapa orang-orang yang lebih tua, lebih dewasa daripada kita menganggap kita kumpulan yang alien. Saya merasakan setelah berada di dalam dunia yang dewasa kita harus memahami kehendak dan juga keperluan belia. Bagi saya belia-belie kita yang ada

pada masa sekarang ini adalah merupakan belia-belia yang dedicated dan educated, dengan izin, dan mempunyai pemikiran yang luas, mereka terdedah dengan environment yang begitu luas. Walau bagaimanapun, kita harus membendung mereka supaya mereka menjadi warganegara yang berguna kepada negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, ini melencong sedikitlah, sebab kelmarin saya nampak ada belia-belia di atas itu apabila kita mempersoalkan soal belia, statement yang menyebut semua, sebahagian kecil itu betul, sebahagian kecil belia ada yang bermasalah tetapi tidak boleh sebut semua belia bermasalah kerana belia itu adalah harta, aset kepada negara kita dan kita tidak boleh menganggap bahawa aset yang ada pada kita sekarang ini adalah aset yang tidak berguna. Bagi saya, saya meletakkan harapan yang besar kepada belia-belia, kepada mereka yang muda belia ini untuk meneruskan perjuangan kita untuk membangunkan negara kita. Kita memang lihat mereka adalah merupakan rakyat di negara kita yang dapat kita letakkan harapan tetapi dengan syarat kita harus memberikan pendekatan, membendung mereka supaya pemikiran mereka betul tidak dipengaruhi oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

Semasa kita dalam umur belia memang kita begitu kritikal. Saya dahulu pun semasa belajar kritikal. Zaman saya belajar tahun 70-an semasa Akta Universiti dan Kolej baru hendak diwujudkan, saya masih ingat lagi di universiti bagaimana tunjuk perasaan diadakan oleh pelajar-pelajar, tetapi saya sebenarnya tidak bersetuju dengan pelajar-pelajar yang terlalu banyak dipengaruhi oleh elemen-elemen luar kerana saya masih ingat lagi semasa belajar dahulu. Kita tahulah siapa ketua yang menyebabkan pelajar-pelajar terlibat dengan tunjuk perasaan, kononnya di Baling ada orang yang tidak makan dan sebagainya.

Saya masih ingat lagi semasa saya belajar dahulu, setiap malam minggu ada sahaja ceramah-ceramah yang dianjurkan oleh kumpulan-kumpulan tertentu, saya tidak tahu kerana saya tidak pernah hadir. Setiap malam minggu mereka datang ke kampus memberi ceramah membakar semangat pelajar-pelajar supaya pelajar-pelajar ini antikerajaan sehinggakan kebanyakan daripada pelajar-pelajar semasa tahun 70-an itu terutamanya pelajar-pelajar Melayu bumiputera yang saya sebut tadi belajar dapat biasiswa daripada kerajaan, kebanyakan yang bersemangat, yang bagus-bagus pula, yang brilliant, tidak hadir ke kelas, mereka asyik hadir berpersatuan membincangkan soal kerajaan. Sepatutnya pada waktu itu mereka berada di Parlimen untuk membincangkan soal dasar kerajaan tetapi mereka masih lagi belajar.

Bukan sahaja mereka setakat ponteng kelas, tidak hadir lecture dan sebagainya. Mereka pula mempengaruhi pelajar-pelajar lain supaya jangan hadir ke kuliah-kuliah dan pada waktu itu saya nampak pelajar-pelajar bukan Melayu terutamanya pelajar-pelajar China hadir ke kuliah-kuliah, tetapi anak-anak Melayu tidak hadir ke kuliah dan anak-anak Melayu tidak dibenarkan hadir, saya masih ingat, saya dengan lima orang kawan wanita yang saya merasa bertanggungjawab kerana saya dapat biasiswa daripada kerajaan. Saya hadir ke kuliah dan dicap sebagai 'datin', kononnya menyokong kerajaan. Saya sedar bahawa kita masuk ke universiti untuk belajar bukan kita masuk universiti selepas itu sibuk dengan hal lain selepas itu keluar kita tidak lulus. Ramai di antara rakan yang lulus pun 'takat hidung' ataupun rakan-rakan yang terus ketinggalan, terus tidak dapat menamatkan pelajaran dan juga ada yang lari ke luar negara langsung tidak balik bertahun-tahun. Ada rakan-rakan saya yang lari ke luar negara dan mungkin sesetengahnya melanjutkan pelajaran kembali ke luar negara tetapi ada juga tidak melanjutkan pelajaran ke luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya hendak masuk ke tajuk bill ini, saya hendak imbas kembali. Ini pengalaman yang saya simpan lama tidak berani hendak luah kerana ramai rakan dan kawan yang ikut berdemonstrasi, saya ini mungkin yang tidak ikut, yang ikut demonstrasi mungkin tidak bersetuju tetapi ini pandangan ikhlas yang ingin saya nyatakan yang sudah disimpan berpuluh-puluh tahun.

Pertamanya kita melihat sebagaimana yang saya sebutkan tadi, pelajar bukan Melayu memang mereka tidak terpengaruh dengan perkara-perkara begini, pergi belajar dapatkan kelulusan yang baik. Pelajar anak-anak Melayu tidak pergi ke kuliah dan mereka ini sebenarnya dipengaruhi oleh parti pembangkang pada waktu itu. Pembangkang yang mengapi-apikan semangat, mereka kononnya kerajaan yang ada pada waktu itu tidak mempedulikan hal rakyat, hal kemiskinan dan sebagainya. Pelajar ini bukan belajar, waktu kuliah bukan pergi kuliah tetapi pergi ke Baling membuat demonstrasi dan sebagainya pada waktu itu.

Pada waktu malam mereka bergaduh dengan polis, askar. Pelajar-pelajar di universiti terutamanya pelajar-pelajar lelaki, wanita ini jaranglah, ada seorang dua yang terlibat pun adalah 'tomboy'. Pergi cari torchlight, pergi cari batu, pergi cari lastik bergaduh dengan polis. Polis ada senapang M16, askar ada tetapi askar tidak tembak seorang pun pelajar. Malam-malam bergaduh, balik seronok, sebab thrill kononnya, memanglah zaman remaja itu yang disukai oleh remaja dan balik itu berbual sampai ke subuh, sampai ke pagi tidak pergi lecture dan tidak tidur malam sebab seronok memikirkan semalam ini sudah pergi bergaduh dengan polis.

Satu peristiwa yang tidak dapat saya lupakan sampai sekarang ini, ada sekali Menteri Pendidikan telah pun pergi melawat ke universiti tempat saya belajar, Universiti Pertanian. Apabila Menteri Pendidikan sampai di pintu pagar, pelajar-pelajar telah pun menahan Menteri, tidak benarkan masuk ke universiti, pada hal....

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, siapakah Menteri Pendidikan pada masa itu?

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tun Abdul Rahman Yaakob, keretanya ditahan oleh pelajar-pelajar walaupun pada waktu itu pentadbiran di peringkat universiti siap dengan bunga manggar tunggu di main building untuk menyambut ketibaan Menteri, Menteri terpaksa turun. Setahu saya kalau tidak silap Timbalan Menteri Pelajaran mungkin Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad. Saya pun tidak berapa ingat pada waktu itu. Tetapi Menteri itu saya masih ingat. Bila menteri turun, pelajar-pelajar naik atas kereta Menteri, naik atas bumbung kereta Menteri dan pecahkan cermin kereta menteri. Saya memang tidak dapat melupakan peristiwa waktu itu, saya confuse ataupun celaru, tidak dapat hendak membuat satu keputusan melihat satu keganasan yang berlaku. Kita pun memanglah semasa jadi pelajar kita rasa bila ada orang yang kelaparan, bila ada orang yang tidak makan, memang ada rasa semangat hendak membela. Tetapi saya lihat cara perbuatan itu tidak dapat diterima oleh budaya kita, tetapi semangat hendak menyokong memang ada. Cuma saya tidaklah bersama-sama dengan kumpulan tersebut. Saya bercelaru memikirkan pelajar-pelajar sanggup berbuat demikian kepada Yang Berhormat Menteri. Tetapi Yang Berhormat Menteri turun dari kereta dengan senyum, tidak kata apa-apa, tidak kata keretanya rosak, dan terus berjalan ke hadapan di tengah-tengah keganasan pelajar-pelajar. Selepas itu wujudlah Akta Universiti dan Kolej Universiti pada tahun 1975 atau 1976 kalau saya tidak silap.

Tuan Yang di-Pertua, di kalangan pelajar-pelajar ini kalau tidak dirasuk oleh orang-orang luar, kalau kita di pihak kerajaan memberi perhatian, saya kira mereka ini adalah merupakan aset yang akan menentukan masa depan kita. Kita berterima kasih kepada Yayasan Tunku Abdul Rahman di antara yayasan-yayasan yang memberikan biasiswa kepada pelajar-pelajar. Kita berharap pelajar-pelajar kita yang ada sekarang ini jangan terpengaruh dengan demonstrasi jalanan yang dilaksanakan. Saya hendak bertanya kepada Kementerian Pendidikan sebab nanti Kementerian Pendidikan akan menjawab. Sekarang ini saya rasa bukan pelajar sahaja, tetapi pensyarah-pensyarah terlibat. Zaman saya dahulu saya tidak berapa jelas melihat penglibatan pensyarah-pensyarah. Tetapi sekarang ini saya dengar ada di antara pensyarah-pensyarah pun yang tidak hadir kuliah.

Bukan pelajar tidak hadir kuliah, tetapi pensyarah tidak hadir kuliah, masuk kampung bawa pita, pergi berkempen. Ini apa cerita. Pada hal tenaga mereka adalah

perlu untuk mendidik pelajar mereka supaya selepas pelajar mereka keluar nanti mereka boleh menyumbangkan tenaga untuk negara kita. Tetapi pensyarah-pensyarah ini kita tidak tahu dengan semangat apa yang mereka ada dan kenapa jadi begini, kita hendak dapat penjelasan daripada Kementerian Pendidikan, adakah Kementerian Pendidikan memantau keadaan ini, kalau memantau di mana universiti perkara ini berlaku, dan kalau berlaku apa tindakan yang diambil?

Saya menyeru kepada semua kepimpinan peringkat negara, kepimpinan peringkat parti dan sebagainya supaya pelajar-pelajar universiti ini kita dekati. Saya tahu mereka mempunyai satu hasrat, satu cita-cita yang sayangkan negara, yang ingin menyelamatkan masa depan negara. Mereka mencintai negara. Cuma mereka mendapat pendekatan, pendedahan dan maklumat yang tidak tepat. Oleh itu, kita harus memikirkan bagaimana supaya mereka ini diberikan maklumat dan pendedahan yang tepat. Betul kita hendak supaya mereka menumpukan perhatian mereka kepada pelajaran. Bagi saya itu pun perlu kita utamakan, kerana kita tidak mahu melihat terutamanya pelajar-pelajar bumiputera yang masuk ke universiti melalui dasar yang kerajaan buat sekarang ini, diberi biasiswa oleh kerajaan, tetapi akhirnya kalau mereka keluar pun dengan kelulusan cuma lulus biasa sahaja, tidak dapat first class dan sebagainya. Kita mengharapkan supaya pelajar-pelajar kita ini betul-betul menggarab ilmu supaya bila keluar nanti kita boleh gunakan tenaga mereka. Jadi, kita berharap supaya soal ini tidak diberi perhatian yang remeh di dalam menyedarkan pelajar-pelajar kita dan memberitahu kepada mereka belajarlah sekarang ini, bila sampai masanya esok mereka hendak menyelamatkan negara, masa itulah mereka bertindak untuk menyelamatkan negara. Bukan pada masa sekarang ini mereka diperalatkan oleh kumpulan-kumpulan tertentu kerana ingin mencapai cita-cita dan hasrat mereka.

Kita berharap golongan pelajar ini dapat benar-benar kita jaga, kita bendung supaya akhirnya nanti sebagaimana dasar yang lalu telah menunjukkan bukti dengan adanya dasar pendidikan, dengan adanya peluang ramai di antara kita – kebanyakan daripada luar bandar yang masuk ke universiti. Di bandar pun memang ada, tetapi asal-usul orang-orang Melayu banyak di luar bandar, kita dapat masuk ke universiti dan kita dapat memberi perkhidmatan kepada negara, kepada bangsa dan juga kepada agama.

Tuan Yang di-Pertua, saya banyak bercakap soal itu tadi, saya harap kementerian juga akan memberi perhatian kepada satu saranan, saya takut tenggelam tadi dengan cerita-cerita lagenda lama dari segi menabung. Walaupun kita memang mengalu-alukan ada yayasan dan sebagainya, memang ada di antara keluarga-keluarga rakyat di negara kita ini walaupun dia bekerja kuat tetapi dia tidak mampu. Kebetulan pula dia mempunyai anak yang cemerlang, kita perlu ada tabung-tabung ini. Tetapi bagi keluarga sederhana yang mampu kita harus menjalankan satu usaha pendekatan supaya ibu bapa mempunyai satu tanggungjawab dan kesedaran untuk menabung bagi anak-anak mereka masuk ke universiti. Kerana perbelanjaan di universiti sekarang ini bukan murah.

Saya juga rasa kasihan kepada setengah-setengah pelajar kita terutamanya daripada luar bandar, apabila mereka masuk ke universiti ibu bapa mereka menganggapkan bahawa bila sudah masuk ke universiti ini maknanya dapat biasiswa kerajaan dan ibu bapa masih lagi berpegang secara tradisional lama tidak payah lagi memberikan kewangan dan juga tidak payah lagi membantu anak-anak di universiti. Sehingga saya dapat tahu apabila saya pergi ke tempat anak saya belajar, ada pelajar-pelajar kita yang kontrol dari segi makan, pemakanan yang tidak cukup, berjimat-jimat belanja sehingga menjejaskan diri mereka sendiri. Saya rasa Yang Berhormat Tuan Haji Hassan dalam ucapannya tahun lalu saya masih ingat lagi, bukan kata pelajar itu menceritakan ada pelajar pengsan, dia sendiri macam hendak menangis menceritakan bagaimana pelajar di Universiti Utara Malaysia pengsan kerana tidak cukup makan, kerana tidak ada kewangan yang cukup untuk menampung hidupnya. Mungkin keluarga sendiri tidak sedar bahawa perbelanjaan sekarang ini mahal, buku-buku mahal dan juga segala keperluan terutamanya di Kuala Lumpur ini mahal.

Jadi, kita berharap satu pendekatan dapat dijalankan untuk memberi kesedaran kepada ibu bapa untuk menabung dan dengan itu bila ada biasiswa yang disediakan oleh yayasan ataupun biasiswa yang disediakan oleh tabungan-tabungan dan juga dana-dana yang lain dapat diberikan dengan mencukupi kepada pelajar-pelajar yang memerlukan. Kalau tidak ia jadi "macam kain sekerat", kata orang sebab kalau hendak beri, banyak sangat pelajar yang memerlukan, jadi terpaksa tiap-tiap pelajar itu mendapat peruntukan yang tidak mencukupi. Jika yang ada kemampuan itu dapat mencukupkan bagi keluarganya, bagi keluarga yang benar-benar tidak mampu dapat kita bela sepenuhnya. Saya kira dengan cara ini masalah yang dihadapi oleh mereka yang benar-benar memerlukan itu dapat kita atasi.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang ketiga yang ingin saya sentuh di sini mengenai Tabung Pendidikan Negara. Saya sekali lagi berterima kasih kepada Kerajaan Barisan Nasional yang begitu peka dengan keperluan semasa dan bidang pendidikan ini memang sentiasa diberi perhatian dengan mewujudkan Tabung Pendidikan Negara. Kita pun ada di sini kerana adanya dasar pendidikan. Sudah tentu menjadi tanggungjawab kita untuk memastikan supaya generasi yang ada hari ini dan generasi yang akan lahir pada masa akan datang juga akan dapat kemudahan-kemudahan sebagaimana yang disediakan oleh orang-orang yang terdahulu daripada kita, walaupun pada zaman itu mungkin peruntukan-peruntukan dari segi kementerian-kementerian yang lain terpaksa dihadkan. Tetapi dari segi pendidikan daripada awal lagi telah diberi perhatian oleh kerajaan.

Tabung Pendidikan Negara ini beroperasi begitu cepat selepas desakan dibuat dalam Konvensyen 50 Tahun UMNO dan cepat sekali, dalam masa setahun setengah kalau saya tidak silap dapat kita wujudkan begitu pantas sekali kerajaan bertindak. Kita mengucapkan terima kasih. Hari ini kita telah melihat bahawa Tabung Pendidikan Negara telah pun dapat menyumbang dan juga telah dapat mengatasi masalah yang sedang berlaku. Tambahan pula sekarang ini kita menghadapi kegawatan yang tidak kita sangka-sangka. Jadi, makin ramailah yang memerlukan. Jangankan hendak kata anak-anak orang di luar bandar, tetapi anak-anak ahli korporat. Korporat ini nampak sahaja cantik kalau perniagaan masih berjalan. Sebab orang yang berniaga, dia berniaga melalui pinjaman.

Sekarang bila jadi masalah yang sebegini ada pihak-pihak yang tertentu yang tidak dapat membuat pinjaman, saya rasa kalau di kampung ada PPRT, iaitu masyarakat termiskin dalam negara kita, tetapi orang yang berniaga lebih hebat lagi daripada itu, lebih daripada PPRT kerana ia menanggung liabiliti yang tinggi untuk dilangsaikan dengan pihak bank tiap-tiap bulan. Kemungkinan dengan keadaan ekonomi yang berlaku sekarang ini dia tidak mampu lagi hendak menjelaskan hutang. Apatah lagi hendak meneruskan kehidupan yang mewah, malah saya rasa dia akan menghadapi masalah yang lebih hebat. Jadi, keperluan Tabung Pendidikan Negara ini tidak dapat dinafikan. Cuma, saya pohonlah kepada pengurusan Tabung Pendidikan Negara supaya pengagihan tabung ini dapat diberikan dengan cara yang adil, menyeluruh ke seluruh negeri dan juga dipermudahkan cara pelaksanaannya.

Baru-baru ini ada seorang pelajar yang datang meminta tandatangan sokongan daripada saya. Sebenarnya banyak pelajar yang meminta tandatangan sokongan. Tetapi ada seorang pelajar yang dia memang telah pun maklumkan. Dia kata, "Y.B., tandatangan ini cikgu saya cakap jangan buat silap, sedikit silap pun tidak boleh." Jadi kebetulan, ini mungkin jadi hendak kata tragedi pun tidak, tetapi kebetulan berlaku. Bila saya sign borang sebanyak empat ataupun lima keping, ada sekeping daripada borang itu, sebab saya pun berbual dengan emaknya, kebetulan pula emaknya Ketua Wanita UMNO Cawangan. Jadi, bila kita berbual itu saya sudah tersilap sign. Pelajar ini mengatakan tidak boleh silap. Saya kata sudah silap hendak buat macam mana, 'liquid'kanlah. Saya 'liquid'kan dan saya sign di tempat yang sepatutnya. Saya tengok budak ini cukup susah hati, saya pun berkata, dalam pengalaman saya bekerja lama, saya pun pernah bekerja di agensi dan jabatan, tidak ada satu peraturan pun yang sangat ketat.

Memang menjadi matlamat kita supaya dalam tugas harian kita kalau boleh 'zero defect' sebagai amalan kita. Tetapi takkanlah sampai tersilap sedikit, liquid sedikit pun kena reject, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Dia kata tidak boleh. Dia dari Kuala Lumpur balik dengan bas ke Perlis sebab hendak dapatkan tandatangan. Bila balik ke Kuala Lumpur memang benar borang itu di'reject'. Saya merasa amat menyesal dan saya rasa amat bersalah. Bila dia patah balik kali yang kedua pula dengan meninggalkan lecture terpaksa balik, bawa balik borang itu ke rumah saya pukul 12.00 malam. Selepas pukul 12.00 malam saya tandatangan kali yang kedua. Pelajar ini terpaksa balik, walaupun baru balik dari Kuala Lumpur. Saya bayar tambangnya sebab saya kasihan, cuma semata-mata silap tandatangan satu borang daripada empat borang, saya telah liquid dan betulkan, bukan cop lagi tetapi tandatangan sahaja, borang itu kena reject.

Saya pun fikir takkanlah Tabung Pendidikan Negara sampai macam itu susahnya hendak dapat. Sedangkan orang-orang yang memerlukan Tabung Pendidikan Negara ini kadang-kadang datang daripada jauh luar bandar. Kalau Perlis, insya-Allah, semua motor kereta boleh masuk. Apa hal kalau tempat yang kena naik bot seperti Sabah dan Sarawak dan sebagainya. Jadi, nampak gayanya kalau di peringkat mengisi borang sahaja sudah timbul kerenah birokrasi yang begitu ketat, saya bimbang dalam pengagihannya juga ada birokrasi yang ketat. Jadi, saya berharaplah kepada pihak Tabung Pendidikan Negara supaya pemberian biasiswa ini, kata orang kalau hendak beri sedekah biarlah kita beri sedekah dengan ikhlas. Janganlah soal-soal pentadbiran dan kerenah-kerenah pentadbiran akan menimbulkan masalah kepada pelajar-pelajar kita.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang keempat ingin saya sentuh di sini, saya harap Yang Berhormat Menteri dapat menerima sebagai kita membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan pendidikan. Saya ingin menyentuh mengenai pendidikan IPT swasta. Semasa kita meluluskan institusi pengajian tinggi swasta di Dewan yang mulia ini, kita telah pun memberikan berbagai-bagai peringatan kepada kerajaan, kerana kita bimbang dengan adanya penubuhan IPT swasta ini berbagai-bagai perkara yang mungkin timbul. Dari segi kebaikannya tidak dapat kita nafikan, memang kita akui bahawa menubuhkan IPT swasta ini memang perlu. Kita juga mengalu-alukan pihak-pihak yang sanggup melabur dalam bidang pendidikan, tetapi dari segi kawalannya, penyeliaannya, pemantauannya di pihak kerajaan saya fikir adalah perlu untuk menentukan supaya IPT swasta ini dari segi profesionalnya, dari segi kewibawaannya harus dipertahankan. Sebagai institusi pengajian tinggi swasta kita bimbang apabila disebut perkataan 'swasta' ini ia related dengan perniagaan, dengan membuat keuntungan.

Dalam soal membuat keuntungan ini, kita tahu dalam dunia ini pun selalunya orang kata orang lelaki dua perkara sahaja yang akan membahayakan hidupnya. Yang pertama, perempuan dan yang kedua, duit. Jadi, tempted, dengan izin, kepada wang ini begitu besar. Kita takut tempted kepada wang ini akan menenggelamkan kewibawaan institusi pengajian tinggi itu sendiri. Ini telah pun kita ingatkan awal-awal lagi kepada pihak kerajaan.

Saya hendak bangkitkan mengenai Kolej Lagenda di Langkawi. Saya mendapat banyak kompelin mengenai Kolej Lagenda di Langkawi. Pertamanya dari segi pengambilan pelajar-pelajar. Semasa pelajar-pelajar diambil oleh Kolej Lagenda di Langkawi sebahagian daripada pelajar dan juga ibu bapa tidak sedar bahawa institusi ini adalah institusi pengajian swasta. Saya pun tidak pasti, saya ingat Yang Berhormat dapat memberi penjelasan sama ada Kolej Lagenda di Langkawi itu swasta atau kerajaan ataupun francais ITM. Sebab semasa pelajar-pelajar ditawarkan di 'highlight' kan ITM. Kebanyakan ibu bapa yang dapat masuk anak-anak mereka belajar di Kolej Lagenda Langkawi memberitahu saya 'anak saya dapat masuk ITM.' Saya pun mengucapkan tahniah dan kata baguslah anak mak cik, anak kakak semua dapat masuk Kolej Lagenda ITM.

Selepas itu, seminggu, sebulan, dua bulan selepas itu, mereka yang anak-anaknya masuk ke Kolej Lagenda Langkawi semuanya datang, kalau saya di Perlis mereka datang ke Pejabat Menteri Besar hendak minta bantuan sebab terpaksa membayar apabila menuntut di Kolej Lagenda Langkawi ini. Pada mula mereka menganggap bahawa ini adalah ITM. Mungkin agaknya francais ITM. Saya pun tidak berapa perasaan, saya harap pihak kementerian dapat menjelaskan kedudukan tersebut. Mereka terpaksa membuat bayaran. Ada anak-anak yang apabila dapat tawaran masuk ke Kolej Lagenda mereka tidak kisah lagi hendak dapat permohonan ataupun berusaha untuk dapat masuk ke universiti-universiti yang lain. Tetapi selepas masuk Kolej Lagenda, dua bulan balik sebab tidak mampu hendak menjelaskan yuran yang dikenakan. Itu satu.

Yang kedua, ada pelajar-pelajar yang sudah masuk ke Kolej Pengajian Tinggi Lagenda di Langkawi ini selepas setahun belajar, tiba-tiba ibu bapa dipanggil dan diberitahu anak awak terpaksa keluar daripada institusi pengajian ini kerana tidak layak masuk ke sini. Pada hal pelajar ini sudah masuk setahun. Ada seorang doktor di Perlis, dia cukup marah, sehinggakan kalau dia marah bererti marah kerajaan. Ini saya rasa bukan kesalahan kerajaan, ini kesalahan institusi yang berkenaan. Sebab anaknya apabila telah dimasukkan di Kolej Lagenda Langkawi dalam satu jangka waktu yang tidak sepatutnya berada di situ dimaklumkan bahawa anaknya tidak cukup kredit kononnya. Kenapa waktu awal institusi pengajian tinggi ini tidak membuat kajian apabila membawa masuk pelajar-pelajar. Jadi, dari segi kewibawaan, dari segi profesional dalam menjalankan kerja ini tidak dapat hendak melihat dan tidak meyakinkan kita.

Yang ketiganya, Tuan Yang di-Pertua, ada pelajar-pelajar yang masuk ke Kolej Lagenda ini oleh kerana mereka melihat banyak kelemahan yang berlaku, mereka telah minta keluar. Apabila mereka keluar daripada Kolej Lagenda ini, bayaran-bayaran yang telah dibayar diberitahu sebelum itu bahawa akan dipulangkan balik, tetapi tidak dipulangkan balik sampai sekarang. Jadi, nampaknya institusi pengajian tinggi ini lebih menekankan kepada keuntungan, kepada perniagaan berbanding kewibawaan mereka sebagai satu pusat pengajian tinggi.

Saya difahamkan bahawa pelajar-pelajar di institusi pengajian tinggi yang berkenaan ditempatkan di sebuah kondominium. Kondominium itu bersama-sama dengan penghuni-penghuni yang berkeluarga. Sekarang ini penghuni-penghuni yang berkeluarga pening kepala sebab pelajar ini memanglah, kalau dia duduk di satu-satu tempat, budaya hidup student, cara student ini, dia tak sesuai dan tidak memberikan ketenangan kepada penduduk-penduduk ataupun penghuni-penghuni yang lain dalam kondominium yang berkenaan. Ini disebabkan pelajar ini memang ada waktu dia tension, ada waktu dia sudah teruk belajar, lepas examkah, kalau zaman dulu ada water war, ada macam-macam war, saya tidak tahu zaman sekarang ada apa. Kita pun tidak tahu student ini macam-macam kerenah dia buat.

Jadi, nampaknya institusi pengajian tinggi ini diwujudkan tanpa persiapan-persiapan dan persediaan-persediaan yang cukup mantap. Jadi, saya tidaklah hendak menyatakan tidak menyokong institusi ini kerana saya tahu di antara dasarnya juga hendak menggalakkan pengajian dan pelancongan, menggalakkan pelancongan di Pulau Langkawi. Itu memang kita sokong tetapi apabila hendak menubuhkan satu institusi, kita berharap pihak kementerian harus membuat pemantauan, jangan pelajar-pelajar Tahun Pertama, Tahun Kedua, Tahun Ketiga, sementara institusi ini betul-betul dapat berlandaskan dengan kewibawaan yang tertentu pelajar satu, dua dan tiga tahun semasa diwujudkan ini menjadi guinea-pig kepada institusi yang berkenaan. Jadi, saya berharap pihak kementerian dapatlah menjelaskan keadaan yang berlaku di sana dan juga dapat membantu saya. Mungkin saya juga perlu menjelaskan kepada ibu bapa kebanyakannya di sebelah utara yang menghantar anak-anak mereka di Kolej Lagenda.

Perkara yang kelima, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai pengkorporatan universiti. Kita tahu bahawa universiti-universiti sekarang, juga universiti-universiti yang telah pun ditubuhkan oleh kerajaan berhasrat untuk menswastakan universiti-universiti mereka. Saya tidak pasti Universiti Malaya,

adakah Universiti Malaya ini telah di 'corporatise' ataupun belum, tetapi dari segi perjalanannya, saya dapati dalam majlis-majlis pelajar di Universiti Malaya, pelajar-pelajar ini ada menimbulkan rasa tidak puas hati mereka dan sekarang ini mereka bercakap di kalangan pelajar-pelajar. Saya kira apa yang dicakapkan di kalangan pelajar-pelajar ini tidak boleh dipandang remeh oleh kita kerana apa yang dirasa tidak puas hati oleh pelajar-pelajar akhirnya mereka akan mereflectkan ataupun bagi mereka ini mencerminkan kerajaan tidak mengambil berat soal mereka. Jadi bagi saya, kalau saya mendengar ada rintihan-rintihan daripada persatuan-persatuan pelajar, ini adalah perkara penting untuk kita memberikan perhatian kerana kita tidak mahu pelajar kita mendapat satu gambaran yang tidak tepat mengenai kesungguhan kita untuk menjaga kebajikan mereka. Kita juga tidak mahu mereka memikirkan bahawa mereka menggunakan ataupun menumpukan pemikiran mereka kepada rasa tidak puas hati sehingga menjejaskan pelajaran mereka.

Kita juga tidak mahu pelajar-pelajar tidak menghormati pensyarah-pensyarah dan juga pihak pentadbiran universiti kerana bagi saya, saya berpegang kepada prinsip tradisional yang saya rasa memang baik. Prinsip tradisional, masyarakat Malaysia kita, tidak kiralah apa bangsa, kita menghormati ibu bapa, kita menghormati guru. Ini prinsip yang bagi saya tidak bertolak ansur. Pelajar-pelajar kita juga harus digalakkan supaya mereka menghormati guru-guru mereka, menghormati pensyarah-pensyarah mereka, juga pentadbir-pentadbir yang ada di universiti kerana bagi pelajar yang duduk di asrama penuh, daripada tingkatan satu sampai lima, lima tahun mereka duduk di asrama, mereka harus menghormati guru-guru yang menjaga mereka di asrama kerana bukan ibu bapa, namun ibu bapa harus juga dihormati sebab ibu bapa yang menjaga mereka. Kedua-dua ini harus dihormati kerana merekalah yang menjaga. Begitu juga di universiti, pelajar-pelajar sekarang ini tidak boleh mereka cuma belajar, tidak menghormati guru sebagaimana yang telah kita amalkan sekian lama. Tetapi guru ini pun kena tengoklah pihak kementerian, kerana guru sekarang ini ada guru yang saya sebutkan tadi, guru yang bawa tape, pensyarah-pensyarah yang terpesong fikirannya, kita kena betulkan. Kita juga hendak pelajar-pelajar hormatkan pensyarah, tetapi bila ada pensyarah yang begini, statement itu tidak boleh dipakai dalam keadaan yang sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua, di Universiti Malaya, saya dengar sungutan daripada pelajar-pelajar, mereka menyatakan bahawa kebajikan mereka sekarang ini kurang diberi perhatian oleh pihak universiti. Bagi mereka, gambaran mereka, pihak universiti lebih mengutamakan kepada soal mendapatkan wang dan mereka juga mempersoalkan kenapa daripada yuran-yuran yang dikenakan, kebajikan pelajar, perhatian yang diberi merosot berbanding pada masa yang lalu. Ini saya tidak dapatlah hendak beri penjelasan sama ada betul atau tidak. Mungkin pihak kementerian boleh memantau dan memberi penjelasan kepada kita.

Saya difahamkan yuran belajar pelajar Universiti Malaya RM1,200 dan mereka dikenakan yuran asrama RM1,800. Satu semester maknanya RM3,000. Jadi, satu tahun bayaran yang dikenakan RM6,000 tidak jauh bezanya daripada kolej swasta. Masa saya menghantar anak saya ke Yayasan Pelajaran, tahun pertama RM10,000 bayarannya, ini tidak jauh daripada RM6,000. Bagi masyarakat luar bandar saya rasa ini adalah satu angka yang agak besar sebab itu tadi saya mencadangkan supaya pendekatan diberi kepada masyarakat kita supaya menabung sebab setahun sahaja kita perlukan RM6,000 untuk anak-anak kita, itu belum lagi duit poket, duit makan, duit buku dan sebagainya.

Jadi, dengan bayaran yang begitu mahal dikenakan, saya difahamkan, pelajar-pelajar di Universiti Malaya, untuk mendapatkan buku memang terpaksa dibelilah. Untuk mendapatkan nota mereka dikenakan bayaran oleh pensyarah-pensyarah. Nota itu dikenakan bayaran oleh pensyarah-pensyarah. Setahu saya di zaman dulu semua nota diberi percuma. Nota tidak pernah dikenakan bayaran, kini pensyarah mengenakan bayaran. Kalau pensyarah-pensyarah mengenakan bayaran, sudah tentu pihak universiti tidak menyediakan kemudahan-kemudahan kepada pensyarah-

pensyarah untuk mereka menyediakan nota-nota kepada pelajar-pelajar. Ini yang kita hendak tanya pihak universiti sedangkan yuran dikenakan RM6,000 setahun tetapi nota terpaksa dibayar. Begitu juga kalau pergi ke perpustakaan, hendak fotostat, hendak buat itu, hendak buat ini, semua berbayar.

Jadi, ini menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan pelajar-pelajar kerana mereka ini, pelajar-pelajar masuk universiti ini memang pandai matematik. Dia orang tahu kira-kira, dia boleh kira, dia dah bayar sekian banyak, kenapa dia kena bayar lagi sekian banyak. Dan saya juga difahamkan banyak perkara yang pada pemerhatian mereka bahawa pihak universiti ini mengenakan berbagai-bagai charge, bayaran yang tidak berpatutan sedangkan mereka tidak dapat menikmati kemudahan-kemudahan berbanding dengan universiti-universiti yang lain.

Satu perkara lagi yang disebutkan oleh mereka, pelajar-pelajar ini sering kena denda. Jadi bila denda itu maknanya wang lagi masuk. Parking motor silap, kena denda, parking kereta silap, kena denda dan parking untuk kampus universiti itu kebanyakan parking ini dikhaskan untuk kakitangan. Pelajar-pelajar sekarang pula dalam keadaan sekarang ini kebanyakan pelajar kita yang jalan kaki itu tidak banyak, kebanyakan mempunyai kenderaan. Majoritinya ada motor, sebahagian kecilnya ada kereta.

Jadi apabila mereka sering didenda dalam soal parking, penggunaan letrik, penggunaan-penggunaan yang lain dan majlis-majlis yang diadakan hendak menggunakan dewan dan sebagainya juga berbayar. Jadi mereka merasakan dan mereka juga mempunyai pandangan bahawa apabila universiti ini di 'corporatise', maknanya soal kepentingan kewangan itu lebih diutamakan daripada soal-soal yang lain. Gambaran ini menimbulkan rasa tidak puas hati yang saya bimbang dia akan refleksi balik kepada pelajar-pelajar nanti merasakan bahawa kebajikan mereka tidak diberi perhatian terutamanya oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, jadi itulah perkara-perkara yang saya hendak sentuh di dalam membahaskan rang undang-undang ini. Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi ialah perkara yang kecil dan remeh tetapi saya rasa penting. Saya harap pihak kementerian dapat beri perhatian. Pakaian pelajar. Kita bersyukur kerana sekarang ini pelajar-pelajar kita terutamanya pelajar-pelajar yang beragama Islam daripada bersekolah rendah sampai ke peringkat universiti, kebanyakan pelajar kita berpakaian begitu sopan baik yang bumiputera dan juga bukan bumiputera. Sekarang ini kita telah mempamerkan satu imej rakyat Malaysia yang mempunyai pakaian yang sopan, kalau hendak kata reformasi, inilah reformasi yang telah kita buat, sudah lama kita buat reformasi. Reformasi yang berlaku ini mendatangkan satu imej yang baik kepada negara menunjukkan satu moral yang tinggi di kalangan masyarakat Malaysia. Cuma saya kurang senang dengan pakaian pelajar-pelajar sekolah rendah di mana pihak kementerian tidak menentukan pakaian untuk pengawas.

Pengawas adalah merupakan satu badan di sekolah yang mempunyai authority dan perlu dihormati oleh rakan-rakan dan pengawas ini kebanyakannya mereka menjadi leader apabila mereka keluar daripada persekolahan sama ada ketua dalam masyarakat, ketua dalam jabatan, ketua di dalam NGO dan sebagainya.

Jadi pendidikan, sama ada memberi pendidikan secara akademik dan mendidik pelajar itu sendiri menjadi insan yang boleh dimanfaatkan untuk dirinya dan untuk negara bermula daripada situ. Saya melihat sekolah-sekolah ini mencipta pakaian pengawas masing-masing, ikut selera masing-masing yang mirip kepada satu puak, warnanya mirip kepada puak yang berkenaan, yang mirip kepada pembangkang, kita nampak pakai baju hijau, tudung hijau dan sebagainya.

Jadi saya berharap kepada pihak kementerian harus menentukan supaya pakaian sekolah seragam, pakaian pengawas juga seragam, pakaian persatuan-persatuan dan juga pertubuhan-pertubuhan, badan-badan yang diwujudkan di sekolah-sekolah juga harus seragam supaya kita selalu membentuk satu perasaan kepada

pelajar-pelajar, perasaan unity. Kita adalah sebuah masyarakat yang bersatu padu. Kita dapat mempertahankan negara kita sekarang ini pun dengan perasaan yang tersebut. Perasaan bersatu padu tanpa ada rasa bersatu padu dan juga pakatan rakyat yang begini kuat, saya kira kita mungkin tidak dapat menangkis serangan-serangan daripada luar.

Kita tengok sahaja di Indonesia, apabila Albright buka sahaja mulut, Suharto terpaksa letak jawatan dan demonstrasi berterusan sampai hari ini. Sampai ada di antara rakyat Indonesia yang terkorban nyawanya sia-sia dalam perjuangan yang tidak ada makna. Tetapi di Malaysia apabila Al Gore datang sahaja, bercakap kurang ajar dalam satu majlis makan malam di Persidangan APEC baru-baru lalu, kita lihat rakyat Malaysia bersatu padu tidak kira daripada apa keturunan, daripada parti pembangkang atau pihak kerajaan, kita bersatu padu. Jadi sikap unity ini perlu kita wujudkan, pupuk dan bendung supaya kita menjadi satu masyarakat yang dapat kekuatan dan dapat mengangkat martabat bangsa kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa setakat itulah ucapan saya dan saya juga turut menyokong Rang Undang-undang Kumpulan Wang Yayasan Tunku Abdul Rahman (Pindaan) 1998. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Dr. T. Marimuthu dahulu.

12.15 tgh.

Dato' Dr. T. Marimuthu: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak berhasrat berucap dengan panjang lebar mengikut permintaan kawan saya. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Lembaga Yayasan Tunku Abdul Rahman yang telah mengendalikan Yayasan itu dengan cermat untuk mempertingkatkan kualiti pendidikan di negara ini. Semenjak Yayasan ini ditubuhkan, Lembaga telah memberi beberapa biasiswa, dermasiswa, sumbangan pengajian dan sebagainya kepada beberapa individu. Penerimaan dermasiswa atau bantuan kewangan daripada Yayasan ini adalah prestiges oleh kerana mereka memilih calon-calon dengan proses yang riggeres. Yayasan ini telah berkhidmat dengan berkesan dan telah juga menyumbang kepada kecemerlangan pendidikan di negara ini. Objektif Yayasan ini adalah sejajar dengan aspirasi kerajaan untuk menjadikan negara kita sebagai pusat kecemerlangan pendidikan di rantau ini.

Negara kita memerlukan tenaga manusia yang berkaliber, berpengetahuan dan berinovatif untuk mencapai wawasan 2020 di mana negara kita akan menjadi negara yang maju. Tenaga manusia harus mempunyai kemahiran dan pengetahuan dalam beberapa bidang sains dan teknologi, khususnya dalam bidang teknologi maklumat. Satu isu saya ingin menyentuh mengenai bidang sains dan teknologi ialah pengajaran dan pembelajaran bidang-bidang ini di sekolah-sekolah kita. Kebanyakan murid daripada kawasan luar bandar termasuk estet-estet tidak mendapat gred yang baik dalam bidang-bidang tersebut. Oleh kerana itu polisi kerajaan kita untuk mencapai ratio 60:40 - Sains dan Sastera masih tidak dicapai. Saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri Pendidikan, apakah faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian dalam bidang itu dan adakah Kementerian Pendidikan telah menjalankan kajian atas masalah ini? Apakah strategi ataupun pendekatan yang digunakan untuk proses pengajaran dan pembelajaran sains dan teknologi. Jika Kementerian Pendidikan telah menjalankan kajian atas bidang-bidang ini apakah penemuan-penemuan yang telah didapati daripada kajian itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap Yayasan ini akan memfokuskan atas bidang-bidang pendidikan yang diperlukan oleh negara kita. Dermasiswa, biasiswa dan pinjaman yang diberi oleh beberapa badan kerajaan seperti JPA dan Pertubuhan Sukarela tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan pelajar-pelajar di institusi pengajian tinggi. Oleh kerana pinjaman atau biasiswa yang diberi oleh badan-badan ini tidak mencukupi, penuntut-penuntut mencari pinjaman lebih daripada satu badan,

kadang-kadang pentadbiran universiti menghalang mereka mendapat biasiswa atau pinjaman lebih daripada satu badan.

Saya peka dan sedar mengenai perkara ini oleh kerana saya menjadi ahli dalam empat Lembaga Biasiswa. Keadaan ini menyukarkan mereka menyelesaikan masalah kewangan. Saya harap universiti-universiti akan menyemak semula polisi ini. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang telah meninggikan peruntukan untuk Tabung Biasiswa Pendidikan Tinggi Nasional daripada RM100 milion kepada RM320 milion di mana 24,600 penuntut akan dapat biasiswa.

Saya ingin membangkitkan dua masalah mengenai Tabung Nasional ini. Saya difahamkan bahawa beberapa penuntut di universiti tidak dapat borang permohonan pada tahun yang lalu, juga saya sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan MIC telah menerima beberapa rayuan daripada beberapa mahasiswa universiti bahawa mereka tidak berjaya mendapat pinjaman walaupun mereka daripada keluarga yang miskin.

Saya berharap pengurusan tabung ini akan memberi perhatian kepada kedua-dua masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyokong pindaan kepada seksyen 8 di mana Fasal 2 dalam akta ini diperluaskan untuk memberi sumbangan pinjaman atau apa-apa bentuk bantuan kewangan kepada mana-mana sekolah atau institusi pendidikan lain bagi maksud pendidikan.

Pindaan ini adalah wajar, oleh kerana hasil pendemokrasian pendidikan di negara kita telah memperluaskan peluang pendidikan kepada semua dan murid-murid berasal daripada keluarga miskin tetapi rajin di sekolah-sekolah memerlukan bantuan dan sokongan. Saya harap pindaan ini akan memberi perhatian kepada golongan ini supaya taraf kualiti pendidikan akan ditinggikan.

Akhirnya saya ingin mencadangkan kepada Lembaga Yayasan ini, bantuan kewangan juga diberi kepada penyelidik-penyelidik sebagai research grant. Lembaga boleh menentukan isu-isu untuk pendidikan mengenai pembangunan negara. Saya yakin penemuan-penemuan daripada pendidikan ini akan menyumbang kepada pembangunan negara.

Seperti yang telah saya janjikan kepada kawan saya, dengan itu saya ingin menyokong Rang Undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Majid.

12.23 tgh.

Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk turut serta membahaskan Rang Undang-undang Kumpulan Wang Yayasan Tunku Abdul Rahman 1966 ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah kepada Jabatan Pendidikan kerana dapat membawakan Rang Undang-undang ini. Saya rasakan sepatutnya telah lebih awal dibuatkan pindaan sebelum ini, kerana mengikut apa yang kami baca iaitu Fasal 2 Rang Undang-undang ini untuk meminda Seksyen 8 Akta untuk memberi kuasa kepada pemegang amanah, lembaga yang berkenaan.

Kuasa ini sepatutnya telah digubal kerana banyak memberi faedah kepada pelajar-pelajar kita sebagaimana akan memperluaskan bantuan ini kepada sekolah-sekolah atau institusi pendidikan lain-lain yang dimaksudkan.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu melalui biasiswa ini akan menambah lagi bilangan penuntut-penuntut ke pusat pengajian tinggi ataupun ke menara gading. Saya ingin juga mengetahui sejauh mana bantuan dapat diberi khasnya kepada pelajar-pelajar di luar bandar, dari pedalaman-pedalaman kerana kita tahu biasiswa ini wujud, tetapi saya dapati pelajar-pelajar yang diberi itu tidak menyeluruh semua negeri dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi berhubung dengan dalam Fasal 3 iaitu untuk membolehkan lembaga mengeluarkan wang kumpulan wang dalam pelaburan selain melabur yang dibenarkan oleh undang-undang, bagi pelaburan wang amanah, kuasa untuk melabur dalam pelaburan sedemikian adalah dihadkan kepada 10% sahaja. Ini satu cara untuk mendapatkan wang untuk membenarkan kepada lembaga amanah melabur wang ini kepada badan-badan kewangan, tetapi kepada saya 10% ini tidak begitu tinggi, tidak begitu memuaskan.

Apakah salahnya kalau kita tambah 20% supaya banyak kita labur, banyak kita dapat faedah dan dapat mudah kita memberikan biasiswa kepada anak-anak kita. Saya rasa tidaklah sepatutnya dihadkan kepada 10% sahaja kerana banyak pelabur atau tempat-tempat yang boleh kita laburkan wang itu untuk mendapatkan faedah untuk kita berikan kepada pelajar-pelajar kita.

Satu perkara lagi kadangkala saya dapati setengah-setengah pelajar kita ini telah pun pergi ke universiti atau ke menara gading tetapi masalah mereka ini kadang-kadang seolah-olah lupakan kepada jasa yang telah diberi oleh pihak yayasan ataupun kerajaan sendiri. Kadang-kadang orang kata 'sebagai kacang lupakan kulit'. Bukan itu sahaja, bukan dia melupakan sahaja, kadang-kadang setengah-setengah pelajar ini sudah pun lulus daripada belajar di universiti, mereka menikam kerajaan daripada belakang ataupun menentang kerajaan.

Ini satu masalah kepada pelajar-pelajar kita. Saya berpendapat atau pada hemah saya pelajar-pelajar yang kita hendak berikan biasiswa ini, patut diberikan satu taklimat atau kursus kepada mereka supaya dia memahami benar-benar dari mana asal mereka, dari mana dapat wang biasiswa ini dan apa patut mereka lakukan kepada negara kita. Bukan dia dapat pelajaran, dia balik menyusahkan kerajaan, pentadbiran negara, sepatutnya dia membantu kerajaan dan dia juga akan memberikan pandangan dan berjasa kepada negara dengan apa yang telah didapati.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi ialah saya ingin tahu cara-cara pemilihan pelajar dan kriteria yang diberi kepada penuntut-penuntut biasiswa ini kerana ada pelajar kadang-kadang dia miskin keadaannya tetapi mempunyai kebolehan dan saya dapati ada setengah-setengah pelajar di kampung-kampung gagal hendak masuk ke universiti kerana tidak dapat biasiswa.

Sebagaimana rakan-rakan saya katakan tadi, banyak tempat dia mohon sampai pergi ke Kuala Lumpur mencari badan-badan untuk membantu mendapatkan borang tetapi mereka gagal untuk melanjutkan pelajaran. Bagaimanakah kriteria pemilihan yang diberi kepada pelajar-pelajar tersebut? Sepatutnya pemilihan ataupun lembaga amanah ini ada wakil-wakilnya setiap negeri. Tidak kita letakkan pada sesuatu kawasan sahaja, bukan ditempatkan dipilih daripada di Kuala Lumpur ini, di bandar-bandar tetapi hendaklah diwujudkan yang didatangi daripada Utara, daripada Tengah, daripada Selatan dan umpamanya dari Terengganu, mesti ada orang-orang yang boleh diwakilkan untuk memerhatikan keadaan, untuk mengemaskinikan lagi biasiswa ini.

Saya juga hendak penjelasan, selama ini agaknya berapa ramai pelajar yang telah pun menerima biasiswa ini kerana kita tahu biasiswa ini atau yayasan ini banyak tetapi Yayasan Tunku Abdul Rahman ini sepatutnya bukan diperluaskan tetapi banyak memberikan jasa-jasa kepada anak-anak kita kerana kita tahu Tunku Abdul Rahman ialah Bapa Kemerdekaan kita.

Memang wajar untuk ditambahkan lagi gerakannya dan meluaskan lagi aktiviti kepada negara untuk kemudahan anak-anak kita belajar. Saya tidak mahu mengambil masa yang banyak, saya sudah bercakap tadi, sedikit sahaja, saya menyokong Rang Undang-undang ini. Terima kasih.

12.30 tgh.

Datuk Haji Hashim bin Safin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana telah memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang

Kumpulan Wang Yayasan Tunku Abdul Rahman 1966 ini. Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin mengucapkan syabas kepada pihak kerajaan yang meminda akta ini untuk menghadapi zaman yang berubah sama ada dari segi pelaburan ataupun dari segi penggunaan wang yang ditabung kepada Yayasan Tunku Abdul Rahman ini. Sebelum itu Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan kenapa Yayasan Tunku Abdul Rahman yang berprestige ini tidak terkenal di kalangan masyarakat, jarang disebut di kalangan pelajar-pelajar, pendidik-pendidik, bahkan saya sendiri, mungkin itu masalah saya tidak begitu ketahuan mengenai Yayasan Tunku Abdul Rahman. Mungkin ini juga merupakan satu-satunya sebab yang menyebabkan Yayasan ini kurang pendapatan ataupun keuntungan atau sebagainya. Maka di dalam hal ini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyarankan dan saya rasa bersesuaian dengan Fasal 2 yang meluaskan skop aktiviti daripada hanya memberi derma siswa, biasiswa, sumbangan pengajian, pinjaman pengajian kepada lebih luas iaitu memberi sumbangan kepada institusi-institusi dan sekolah-sekolah.

Saya rasa berbalik kepada soal tidak terkenal ataupun tidak popular dari segi publisiti Yayasan Tunku Abdul Rahman yang berprestige ini saya suka mencadangkan supaya sumbangan itu diperluaskan walaupun dalam bentuk yang kecil kepada sekolah-sekolah, kalau biasiswa kepada individu ia baik, tetapi dari segi publisiti sumbangan sekolah-sekolah di luar bandar. Saya menyokong pendapat Yang Berhormat Datuk Abdul Majid, Tunku Abdul Rahman adalah Bapa Kemerdekaan kita, yang telah menyebabkan Malaysia sehingga hari ini berada di tahap yang cukup membanggakan. Dan saya rasa ramai di kalangan pelajar-pelajar kita generasi baru yang kalau tidak diperingatkan mungkin melupai siapa itu Tunku Abdul Rahman Putra al Haj Bapa Kemerdekaan Malaysia. Dan saya rasa kalau melalui individu mungkin publisiti ataupun pengenalan kepada Tunku itu terhad.

Kalau diberi kepada sekolah-sekolah bandar mungkin bantuan bentuk buku bernilai RM500 terpapar di sekolah, misalnya Sekolah Kebangsaan Kuala Tiga di kawasan saya. Murid-murid seluruh di sekolah Kuala Tiga mula mengenali Tunku Abdul Rahman. Siapa itu Tunku Abdul Rahman? Maka di masa yang sama ada ruang untuk kita bercakap bahawa Tunku Abdul Rahman adalah Bapa Kemerdekaan Malaysia. Jadi, saya mencadangkan supaya diambil tindakan segera gerakan ke luar bandar, masyarakat luar bandar, sekolah-sekolah desa, kampung, untuk mengetahui memperkenalkan Tunku Abdul Rahman melalui Yayasan Tunku Abdul Rahman melalui pemberian walaupun kecil tetapi besar ertinya untuk mereka ini mula merasai secara halus sumbangan daripada Yayasan dan pada masa yang sama mengingatkan nama almarhum Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara ini juga saya suka mengingatkan, macam dikatakan Datuk Majid tadi, ada di kalangan generasi baru yang sudah menjadi kacang lupakan kulit, kalau sekadar lupakan kulit tak apa, tetapi ada di kalangan generasi baru yang menjadi golongan yang dapat diperumpamakan kumpulan yang menjadi bunga dipetik perdu ditendang atau kumpulan madu dihisap hampas dibuang, yang sedang berlaku dalam generasi kita yang perlu kita membuat pengkajian semula. Antara satu-satu cara ialah memperkenalkan tokoh-tokoh kita dan dengan sendiri akan dibukti dengan pembelajaran sejarah kemerdekaan dan tentunya nama Tunku Abdul Rahman selaku Bapa Kemerdekaan kita akan tertera.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Fasal 3, pindaan untuk membolehkan pelaburan dibuat tetapi saya bersama dengan Yang Berhormat Datuk Majid ingin mendapat penjelasan rasionalnya kenapa hanya dihadkan kepada 10 peratus sedangkan tercatat di bahagian bawah itu bahawa berkemungkinan dan saya yakin ataupun saya mencadangkan supaya keutamaan ini diberi kepada Yayasan ini daripada Kementerian Kewangan, Kementerian Perdagangan Antarabangsa, ataupun syarikat-syarikat yang cukup baik untuk memberi saham yang banyak dan saham ini membawa keuntungan kepada Yayasan dan duit yang banyak itu boleh diberi kepada aktiviti-aktiviti yang sepatutnya dilaksanakan oleh Yayasan Tunku Abdul Rahman. Dengan kata lain, apa salahnya ada flexibility jangan terhad kepada 10 peratus jika Kementerian Kewangan

memperuntukan saham baru yang disenaraikan di KLC dan peruntukkan telah pun dibelanjakan pada masa itu sudah lebih 10 peratus. Kalau tidak ada flexibility apakah ruang untuk pihak lembaga membolehkan untungnya nampak nak mari tetapi tidak boleh dibelanja, kalau belanja melanggar peraturan yang mengehadikan 10 peratus. Maka saya minta dikaji balik ataupun diadakan apa-apa peraturan untuk membolehkan perbelanjaan selepas apa-apa aktiviti itu dari segi pelaburan yang pasti menguntungkan tidak semesti 10 peratus berbaki daripada perbelanjaan lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga mengaitkan dasar pelaburan ini seperti yang dibuat oleh Tabung Pendidikan Tinggi Nasional di mana peminjam-peminjam itu dikenakan bayaran perkhidmatan, faedah sejumlah 4% ke atas pinjaman. Saya rasa dalam suasana sekarang biarlah kita melatih anak-anak bangsa kita jangan terima free sebab dalam dunia sekarang tidak ada perkara yang free. Biarlah kalau sekadar 4% ataupun bentuk apa pinjaman setelah mereka ini berjaya apakah salahnya untuk diberi sumbangan dan sumbangan itu semakin besar, dan bentuk peratusan bayaran dan dapat diperkembangkan tabung itu tetapi kalau hanya diberi setelah pinjaman RM50,000 dalam masa lima atau sepuluh tahun hendak bayar balik tanpa faedah alangkah baiknya kalau RM50,000 dikenakan bayaran sedangkan mereka yang berjaya itu sudah berkemampuan, tetapi kalau diberi percuma memang mereka ini menyukainya. Maka saya cadangkan antara perkara yang boleh memastikan tabung itu terus berkembang dikenakan bayaran kepada peratus kepada pinjaman-pinjaman itu. Dan di masa yang sama bila menyentuh Tabung Pendidikan Tinggi Nasional ini saya ingin mengemukakan dan mendapat penjelasan daripada kerajaan tentang masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar khususnya ibu bapa yang menemui saya masalah mereka yang belajar di yayasan-yayasan lain malalui sistem francais ataupun program francais yang dilakukan oleh Universiti Malaya, Universiti Sains Malaysia dan sebagainya.

Misalnya ada beberapa keluarga daripada kawan saya yang anaknya belajar di Kolej Legenda Langkawi, di Yayasan Pendidikan Melaka dan dua tiga orang di universiti, tentunya masalah kewangan berat dan saya berjumpa dengan pegawai di Tabung Pendidikan Tinggi Nasional, mereka mengatakan setakat ini pinjaman daripada Tabung Pendidikan Tinggi masih belum diluluskan kepada pelajar-pelajar di program francais, misalnya di Yayasan Pendidikan Melaka. Saya rasa adalah lebih wajar kita membantu dan memberi peluang juga sebab tabung itu duitnya untuk pinjaman dan mereka ini juga mengikuti program Ijazah dan mereka juga mengalami masalah kesuntukan kewangan. Yang lebih penting, niat, tekad untuk belajar walaupun tidak mampu mendapat tempat di universiti secara terus tetapi masih bertekad kuat untuk belajar sehingga sanggup berkorban mencerut perut keluarga untuk belajar dan lebih bermanfaat kalau kita bantu mereka di program francais di institusi-institusi lain dan mereka juga berhak seperti pelajar-pelajar lain untuk menerima bantuan.

Jadi, kepada Tabung Pendidikan Tinggi Nasional dan juga kepada Yayasan Tunku Abdul Rahman boleh mengambil pandangan, saya fikir untuk memberi peluang kepada pelajar-pelajar di program-program francais oleh universiti lain yang sekarang semacam dianaktirikan atau diketepikan soal hak mereka untuk mendapat pinjaman daripada tabung-tabung yang kerajaan ataupun yayasan sediakan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pandangan itu saya turut menyokong pindaan Akta Kumpulan Wang Yayasan Tunku Abdul Rahman 1996 ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr. Yeow Seng Huat.

12.42 tgh.

Dr. Yeow Seng Huat: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan Akta Kumpulan Wang Yayasan Tunku Abdul Rahman (Pindaan) 1998 ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada dasarnya saya bersetuju dan menyokong penuh dengan pindaan Akta yang memberi kuasa memperluaskan kegiatan kepada Lembaga

Pemegang Amanah berkenaan dengan Kumpulan Wang Yayasan Tunku Abdul Rahman. Sekiranya sebelum ini pihak Lembaga hanya diberi kuasa untuk menyediakan biasiswa-biasiswa, sumbangan pengajian, pinjaman pengajian atau apa-apa pemberian atau bantuan kewangan lain kepada orang perseorangan. Namun, dengan pindaan yang dicadangkan oleh rang undang-undang hari ini, Lembaga membenarkan untuk menyediakan sumbangan, pinjaman atau apa-apa bentuk bantuan kewangan lain kepada sekolah atau institusi pendidikan lain yang berhubung kait dengan pendidikan.

Dalam hal ini saya ingin memberi perhatian kepada Lembaga agar dapat melaksanakan tanggungjawab bersesuaian dengan Dasar Pendidikan Negara. Saya kira adalah menjadi hak untuk Lembaga memilih mana-mana sekolah atau institusi dalam melaksanakan tanggungjawab memberi sumbangan kewangan yang bersesuaian. Demi keadilan pengagihan sumbangan eloklah kesempatan dibuat oleh pihak Lembaga dengan mana-mana agensi, orang perseorangan atau mana-mana yayasan yang berkaitan atau fungsi dapat dilaksanakan dan perpindahan hasrat dan tugas dapat diminimumkan demi keadilan jua.

Saya menyarankan agar penerima-penerima sumbangan yang dipilih hendaklah menepati beberapa kriteria yang saya cadangkan dan saya cadangkan kriteria yang pertama adalah berkaitan dengan masalah kewangan di mana-mana sekolah atau institusi yang memberi kesan yang ketara kepada kemajuan dan peringatan sistem pendidikan sekolah atau institusi berkenaan. Sebaik-baiknya peranan yang dimainkan oleh Lembaga hendaklah melibatkan seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, demi memastikan semakin ramai individual atau semakin banyak institusi yang mendapat sumbangan daripada kumpulan wang ini, pihak Lembaga elok pertingkatkan lagi urusannya berhubung dengan tindakan mendapat kembali bayaran daripada mana-mana pihak yang telah membuat pinjaman.

Tuan Yang di-Pertua, banyak tabung biasiswa dipinjam, lepas itu bila sudah lulus, tadi macam rakan-rakan saya kata, kacang lupakan kulit di mana selepas mereka berjaya sudah lupa di mana mereka mendapat sumbangan untuk belajar. Dengan ini saya harapkan jentera untuk mengutip balik pinjaman itu hendaklah dipertingkatkan.

Saya sarankan juga pihak Lembaga dapat mengadakan jentera yang cekap dalam mengendali hal-hal yang berkaitan dengan pelaburan yang dicadangkan ini dan apa-apa keuntungan yang diperolehi daripada pelaburan ini hendaklah digunakan sepenuhnya untuk tujuan pendidikan semata-mata. Sekiranya boleh, saya ingin memberi peringatan awal agar kumpulan wang yayasan ini tidak lari daripada hasrat dan matlamat asal berhubung dengannya iaitu untuk maksud pendidikan, bukannya pelaburan atau perniagaan sebagai aktiviti utama.

Saya bercakap begini kerana saya khuatir di suatu masa nanti kumpulan wang ini lebih berkiblat kepada pengurusan pelaburan dan tanpa menyedari ada kemungkinan mereka akan menjadikan hal-hal berkaitan dengan sumbangan ke arah pendidikan sebagai fungsi kedua.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang Kumpulan Wang Yayasan Tunku Abdul Rahman.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Hassan bin Ali.

12.46 tgh.

Tuan Haji Hassan bin Ali: Bismillahir Rahmanir Rahim. Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan menyokong di atas pindaan Akta ini tetapi saya akan memberi sedikit pandangan yang mana terdapat yayasan yang ditubuhkan atas maksud dan tujuan untuk membantu para pelajar untuk mendapatkan pinjaman ataupun biasiswa akan tetapi lebih merupakan soal pelaburan.

Dalam saat-saat kegentingan sekarang, terdapat yayasan yang tersekat untuk memberi pinjaman pendidikan oleh kerana wang yang terlalu banyak dilaburkan dalam perniagaan. Ini adalah satu perkara yang amat penting yang harus kita fikirkan bersama. Memang elok matlamat pindaan ini atas dasar ingin menambah tabung kewangan, akan tetapi hendaklah cermat dan berhemat dalam bidang pelaburan ini, jangan ianya akan membebankan Yayasan ini sendiri.

Saya mengambil kesempatan pada pagi ini merakamkan ucapan terima kasih kepada Datuk Dr. Fong Chan Onn yang hari-hari datang ke Dewan ini untuk menunggu masa dan ketikanya bagi membentangkannya dan beliau telah memberi notis dan ingatan supaya bercakap pendek kerana beliau ada tugas yang penting. Walau bagaimanapun, saya merakamkan ucapan terima kasih atas suatu dasar baru yang telah diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan iaitu memberi kelonggaran kepada para pelajar golongan berpendapatan rendah sewaktu mendaftar masuk ke pusat pengajian tinggi bermula pada tahun ini.

Saya atas sifat peribadi dan mewakili golongan marhain merakamkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga. Walau bagaimanapun, terdapat golongan yang amat mewah. Ini satu perkara yang tidak patut berlaku – telah mengambil kesempatan dengan mendaftar anaknya dengan menggunakan nenek kepada budak ini memperakukan bahawa budak ini tergolong daripada orang miskin, bayaran masuk semasa pendaftaran dibayar RM400 sedangkan pendapatan bapanya RM12,800. Saya lihat gaji bulanannya. Ini satu perkara yang tidak seharusnya dilakukan. Dengan cara ini kita mendidik anak kita merampas hak orang, kita mendidik anak kita berbohong, kita mendidik anak kita tidak prihatin dalam masalah yang dihadapi oleh kaum yang sebangsa dengan kita.

Saya berharap Kementerian Pendidikan semak betul-betul sekiranya ada, memang ada, saya dapat berikan nama budak, beri nama ayahnya dan apakah jawatannya. Saya rasa mungkin ianya banyak berlaku, sekiranya ia berlaku dengan agak meluas, walaupun kepada soalan dua sahaja, sepatutnya pelajar ini diberi amaran ataupun diberhentikan pengajiannya kerana tindakannya telah merampas hak orang miskin, tidak sepatut dan sewajarnya ini berlaku.

Saya juga suka menyentuh, para pelajar kita semasa mereka ini berada di pusat pengajian tinggi, mereka bertempik, mereka mengadakan demonstrasi, kononya mereka adalah para pejuang untuk membasmi kemiskinan, mereka adalah para pejuang untuk membasmi korupsi, mereka adalah untuk melindungi ataupun memerangi orang-orang, para pemimpin yang dianggap melakukan penindasan, penyelewengan. Apabila mereka ini telah tamat pengajiannya, mempunyai kedudukan dan mempunyai kesempatan atau berhampiran dengan pemimpin yang berkuasa, mereka ini lebih rakus melakukan yang mana pada ketika dahulu, merekalah yang merupakan para pejuang ini. Ini jelas terbukti dan kita dapat lihat, mereka ini tidak hormat kepada kerajaan, yang gajinya RM2,000, RM3,000 dianggap seperti office boy sahaja kerana mereka ini lebih hampir dengan KSU ataupun menteri.

Mereka telah menggunakan kedudukan, kerapatan hubungannya tidaklah seperti mana yang mereka laung-laungkan dahulu hero untuk memperjuangkan, untuk memberi hak kepada orang yang berhak. Akan tetapi apabila mereka beroleh kedudukan dan tempat, merekalah yang rakus untuk mencari harta kekayaan untuk dirinya ataupun pasukannya sehingga merupakan tugas dan tanggungjawab yang sebenarnya.

Dengan kata-kata itu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kementerian Pendidikan yang telah menunaikan tanggungjawab dan amanahnya dengan sebaik mungkin. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Gapar bin Gurrohu.

12.54 tgh.

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang turut sama berbahas mengenai Rang Undang-undang Kumpulan Wang Yayasan Tunku Abdul Rahman (Pindaan) 1998 ini.

Terlebih dahulu saya juga melahirkan rasa kesyukuran kerana dengan adanya Kumpulan Wang Yayasan Tunku Abdul Rahman ini, saya kira dapat memberikan sumbangan yang bermanfaat kepada pendidikan kita. Saya terus pergi kepada point yang saya hendak cakapkan ini kerana dihadkan atau dibataskan oleh waktu, pertama kita berharap sumbangan kewangan ini dapat membantu kepada anak-anak kita yang berada di pusat pengajian tinggi. Sebagaimana yang telah kita maklum, baru-baru ini dalam usaha untuk menambah sumber tenaga manusia, kementerian ataupun kerajaan telah mengarahkan IPTA kita menambah bilangan pengambilan anak-anak kita daripada 77,600 orang kepada 84,000 orang; pertambahan lebih kurang 8,000 orang pelajar pada tahun hadapan dan ini juga akan menimbulkan masalah-masalah seperti mana yang telah dibangkitkan oleh rakan-rakan saya yang lain sebentar tadi.

Bayangkan situasi-situasi mereka yang berada di pusat pengajian tinggi, dengan pertambahan bilangan pelajar yang begitu ramai, maka tentulah masalah yang disebutkan tadi menambahkan lagi kerumitan, misalnya masalah tempat tinggal seperti asrama ataupun rumah sewa, pengangkutan, kalau rumah sewa jauh daripada institusi pengajian tinggi mereka. Begitu juga mereka terpaksa menghadapi masalah pengajaran dan pembelajaran, pastinya akan ada kesesakan dalam bilik kuliah dan ini juga saya rasa rakan-rakan, abang-abang yang senior terpaksa berkorban kerana kesesakan ini, tetapi apa yang kita risaukan ialah takut-takut kalau ramai atau sesaknya dalam satu bilik kuliah ini akan menjejaskan mutu pengajaran dan pembelajaran.

Sebagai contoh, dalam usaha kita barangkali untuk menjadikan negara kita rantau yang terkenal dengan pendidikan yang sedang dipromosikan sekarang ini, kita telah banyak francais pengajian tinggi kita untuk diswastakan. Baru-baru ini apa yang mengejutkan kita ialah dikatakan seramai 72%, di IPTS - Pengajian Francais Aliran Sains daripada UKM gagal. Ini bukan satu bilangan yang kecil, cukup untuk kita merasa cemas, apakah yang telah berlaku di IPTS ini, seperti yang disebutkan oleh rakan saya tadi bahawa apa yang berlaku di Kolej Lagenda Langkawi, sebagai contoh kita bimbang IPTS ini lebih banyak cuba meraih keuntungan daripada memikul tanggungjawab pendidikan itu sendiri.

Begitu juga saya ingin menarik perhatian dengan tabung ini ataupun Yayasan Tunku Abdul Rahman ini terhadap sekolah-sekolah di luar bandar. Seperti mana yang kita maklum, bahawa anak-anak kita di luar bandar memang lemah dari segi pelajaran, oleh itu PIBG dan pihak sekolah berusaha untuk mengadakan kursus-kursus motivasi, kursus-kursus keibubapaan dalam usaha untuk memberikan ibu bapa sedar akan pentingnya mereka turut terlibat dalam pendidikan anak-anak mereka, tidak menyerahkan sahaja kepada pihak sekolah. Oleh itu kursus-kursus ini banyak dianjurkan oleh PIBG, kita berharap tabung ini akan dapat membantu PIBG di luar bandar dalam usaha mereka mengadakan kursus-kursus untuk meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran di luar bandar.

Satu lagi ialah tentang untuk melahirkan pemimpin-pemimpin. Inilah yang kita lihat sangat berkurangan, di mana kita dapati walaupun kita ada pusat-pusat pengajian tinggi, cemerlang dari segi akademik tetapi kita tidak benar-benar mempunyai satu kursus ke arah melahirkan kepimpinan. Itu sebabnya kita dengar rakan-rakan saya tadi berucap, kita dapati semangat patriotisme di kalangan pelajar-pelajar kita amat berkurangan sekali. Saya kira sudah sampai masa dan waktunya bagi kita memberi perhatian terhadap kursus-kursus kepimpinan dan ini boleh melahirkan pemimpin-pemimpin yang lebih berwibawa.

Saya juga tertinggal satu point tadi, mengenai sekolah di luar bandar iaitu tentang komputer. Kita berharap dengan Yayasan Tunku Abdul Rahman ini akan

dapat membantu sistem pengkomputeran khususnya di sekolah-sekolah luar bandar. Walaupun, kita dengar Kementerian Pendidikan akan melahirkan Sekolah Bestari tetapi masih banyak lagi sekolah-sekolah di luar bandar tidak mempunyai komputer, apatah lagi ada Kelab Komputer. Jadi mungkin akan lahir satu jurang yang begitu jauh memisahkan antara sekolah bandar dengan sekolah luar bandar dan anak-anak kita di luar bandar ini akan menafikan pendemokrasian pendidikan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, bolehkah sambung selepas waktu makan tengah hari?

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Ya, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang ini.

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Gapar menyambung.

2.32 ptg.

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyambung perbincangan saya mengenai Rang Undang-undang Kumpulan Wang Yayasan Tuanku Abdul Rahman (Pindaan) 1998 yang telah saya sampaikan sebelum ini.

Sebelum ini juga saya telah menyebutkan bantuan yang patut kita hulurkan melalui yayasan ini kepada institusi-institusi pendidikan tinggi kita yang sekarang ini kita lihat sedang berkembang maju. Kita ucapkan tahniah kepada Kementerian Pendidikan dalam usaha ini, dalam mengangkat martabat negara untuk menjadikan negara ini pusat kecemerlangan pendidikan. Jadi usaha ini patut diambil, namun begitu dalam perjalanannya tentulah ada ruang-ruang yang boleh kita betulkan.

Saya juga telah menyentuh tentang bantuan juga perlu kita panjangkan kepada sekolah-sekolah di luar bandar di mana kita lihat, walaupun banyak wang kita telah curahkan di luar bandar namun oleh kerana beberapa keadaan hidup dan keadaan fizikal di luar bandar, maka kita rasa bantuan itu masih lagi berkurangan. Salah satu yang saya sebutkan tadi, ialah masalah komputer yang masih sangat dirindukan oleh anak-anak kita di luar bandar sama ada di sekolah menengah mahupun di sekolah rendah.

Begitu juga dengan usaha-usaha program-program motivasi yang dijalankan oleh PIBG menjemput pakar-pakar ataupun orang-orang yang berkemahiran dalam bidang motivasi memerlukan perbelanjaan, lebih baik orang itu lebih mahal pula belanjanya. Dalam ini kita juga merasakan PIBG-PIBG di luar bandar tentunya kekurangan kewangan untuk membantu mengangkat martabat anak-anak kita di luar bandar. Maklumlah mereka ini serba-serbi kekurangan.

Satu perkara juga yang saya ingin bawa di sini ialah satu golongan yang kita juga perlu menghulurkan bantuan iaitu anak-anak kita di sekolah agama sama ada sekolah rendah agama yang diadakan oleh kerajaan negeri-negeri mahupun pihak swasta yang membantu dari segi pendidikan agama ini. Saya ambil contoh misalnya sekolah di negeri Johor, sekolah arab, sekolah agama kerajaan negeri dan sekolah menengah agama Kerajaan Negeri Johor. Walaupun kerajaan negeri berusaha berhempas pulas membantu sekolah-sekolah agama ini namun ianya masih berkurangan.

Saya juga tidak menafikan bahawa Kementerian Pendidikan juga menghulurkan bantuan-bantuan per kapita kepada sekolah-sekolah persendirian seperti sekolah arab ini, tetapi saya rasa ini jauh daripada mencukupi. Kalau sekiranya kita

berkata tentang anak-anak kita, dengan kita kaitkan dengan masalah gejala sosial, saya rasa anak-anak yang berada di sekolah agama ini boleh menjadi pemangkin kepada masalah remaja. Sebagai rakan sebaya mereka ini boleh membimbing rakan-rakan mereka yang saya rasa pengaruhnya lebih kuat daripada guru. Sebagai rakan sebaya mereka ini boleh membawa rakan-rakan yang lain ke arah kejayaan.

Namun begitu, kita lihat anak-anak kita di sekolah-sekolah agama ini tercicir daripada hak untuk diberi bantuan atau mendapat bantuan. Jadi oleh itulah kita rasakan kehidupan anak-anak kita di asrama-asrama, di sekolah-sekolah agama ini begitu daif sekali. Kita juga bercakap bahawa agamalah yang boleh membawa kita kejayaan dunia dan akhirat, tetapi sekolah-sekolah agama ini kita tidak memberikan penekanan seperti mana kita beri penekanan di dalam bidang-bidang yang lain.

Jadi ini adalah satu perkara yang mendukacitakan kita, maka pada kesempatan inilah dengan bantuan yang akan dapat kita hulurkan melalui yayasan ini kita harap dapat membantu sekolah-sekolah dan juga anak-anak yang sedang belajar di sekolah-sekolah agama ini.

Satu perkara lagi di mana kita boleh panjangkan bantuan kita, dalam kita kata konteks ataupun yang kita canangkan masyarakat penyayang, masyarakat prihatin. Sebenarnya ada lagi golongan anak-anak yang lebih menyedihkan iaitu anak-anak yang berada di kelas-kelas istimewa. Kita tahu Kementerian Pendidikan sendiri ada menubuhkan sebuah atau dua buah kelas di dalam sesuatu daerah untuk memberikan pendidikan kepada anak-anak yang kita katakan anak-anak istimewa ini seperti anak-anak down sindrom. Anak-anak yang hyper aktif, anak-anak yang cacat penglihatan ataupun cacat pendengaran dan kita dapati oleh kerana golongan ini ramai tetapi tempat yang disediakan terlalu terhad.

Oleh kerana itu nampaknya untuk masuk ke kelas-kelas ini ianya terpaksa melalui satu pemeriksaan yang rapi sehinggalah doktor benar-benar puas hati bahawa anak-anak ini benar-benar cacat maka barulah dimasukkan di dalam kelas-kelas yang kita katakan kelas anak-anak istimewa ini.

Namun begitu, kita rasa kita perlu perluaskan kelas-kelas ini mungkin melalui tabung ataupun yayasan ini dapat membantu anak-anak ini kerana kita lihat walaupun bila doktor tidak dapat mengesahkan dengan betul, tepat namun begitu anak-anak ini masih lagi cacat misalnya anak-anak yang hyper aktif. Dia tidak dapat masuk di sekolah ataupun tidak begitu layak duduk di sekolah biasa. Kalau anak-anak seumpama ini di mana cacatnya sedikit sahaja dan ia tidak dapat diletakkan di sekolah-sekolah yang istimewa ini anak-anak ini akan digaulkan atau di bawah satu bumbung anak-anak biasa, anak-anak ini akan diejek, anak-anak ini akan dipersendakan, bayangkan beban tekanan psikologi yang akan dihadapi oleh anak-anak ini. Anak-anak biasa, anak-anak yang sepatutnya dapat menjadi manusia biasa mungkin akan bertukar dari segi karakternya menjadi pendiam ataupun ia akan menjadi seorang anak yang rosak dari segi perasaan dan jiwanya.

Jadi, oleh itulah kita rasa sepatutnya anak-anak ini dapat kita bimbing dan dididik menjadi manusia yang berguna tetapi kita telah ketepikan atau secara tidak sengaja tidak mengambil berat tentang mereka.

Saya masih ingat lagi ada seorang doktor mata memberitahu saya, bahawa betapa kita tidak mengambil berat anak-anak ini, pada satu ketika beliau telah masuk ke kampung, di mana satu kampung itu mengatakan anak ini buta, anak itu sudahpun berusia empat belas tahun, ini agak di kawasan pedalaman sedikit, kemudian bila anak ini di bawa kepada doktor ini, apa yang diperlukan hanya sepasang cermin mata sahaja. Bila diberikan sepasang cermin mata ini, anak ini boleh melihat, jadi di sinilah kita lihat betapa kita selalunya membuat kesimpulan, anak-anak yang seumpama ini sebagai anak-anak yang tidak berguna, yang kita sisihkan. Jadi oleh itulah, kita rasa tanggungjawab kita sebagai pemimpin dan sebagai ibu bapa dan sebagai kerajaan, pada kesempatan ini, saya menyeru supaya Yayasan ini mengambil kira dan

mengembangluaskan sayap sekolah-sekolah istimewa ini di luar-luar bandar dan juga diperbanyakkan di bandar-bandar.

Saya rasa, oleh kerana kita akan ada beberapa perkara penting yang akan dibincangkan dan mungkin rakan-rakan saya yang lain akan menyambung perbahasan, dengan ini saya akhiri dan terus menyokong Rang Undang-undang Yayasan Tunku Abdul Rahman (Pindaan) 1998. Sekian, terima kasih.

2.41 ptg.

Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya turut bangun pada petang ini bersama dengan rakan-rakan di Dewan yang mulia ini bagi membincangkan Rang Undang-undang Kumpulan Wang Yayasan Tunku Abdul Rahman (Pindaan) 1998.

Kita semua maklum, bahawa Yayasan merupakan satu badan yang amat penting bagi meneruskan agenda perjuangan kita bagi membantu anak-anak terutama dalam pendidikan. Sebagaimana rakan-rakan yang lain tadi menyuarakan beberapa pendapat, saya juga sedemikian, kerana kita lihat sekarang dalam pendidikan anak-anak, terutama anak-anak golongan daripada keluarga yang miskin, apabila ditawarkan masuk ke institusi pengajian tinggi, apa yang mereka hadapi kadang-kadang kita pun merasa amat sedih kerana mereka tidak mampu membayar yuran dan sebagainya. Sebagai contoh, tadi dibawa oleh beberapa rakan mengenai Kolej Lagenda di Langkawi, bukan sahaja berlaku di Kolej Lagenda, malah di mana-mana sahaja di Nilai, Kuala Lumpur, Ipoh juga berlaku apabila tawaran francais yang diuruskan oleh pihak MARA, mereka menghadapi masalah.

Katakanlah anak ini mendapat tawaran untuk mengikuti semester pertama, pihak MARA sendiri tidak memberi pinjaman sehingga dia kata, habis semester pertama, apabila lulus ujian peperiksaan, barulah dia beri pinjaman siswa. Tetapi kita harus memikirkan, kalau keluarga yang datang ini adalah keluarga sederhana jika terdiri daripada kakitangan atau pegawai-pegawai kerajaan, tidak apa, ini terdiri daripada penoreh-penoreh getah, pesawah-pesawah padi, petani-petani yang miskin, nelayan darat dan nelayan laut yang pendapatannya tidak menentu. Saya katakan di Dewan yang mulia ini saya menghadapi masalah ini kerana saya sering didatangi oleh golongan-golongan macam ini, apabila sampai sahaja, dua, tiga bulan lagi dia hendak masuk IPT, datanglah keluarga mereka mengadu, bahawa kolej ini hendakkan bayaran untuk semester pertama. Saya katakan, dahulu bukan saya sudah buat sokongan untuk buat pinjaman MARA dan sebagainya kerana di mana yayasan sekali pun, tidak lulus, dia kata tidak boleh, tidak diluluskan kerana dia kata, dasar MARA ini untuk semester pertama, lulus semester pertama, baru diberi pinjaman.

Jadi, saya rasa ini bukanlah satu penganiyaan akan tetapi ini satu penyiksaan kepada orang-orang kampung yang pendapatannya kecil. Jadi bukanlah kepada seorang dua yang berlaku, saya rasa, di tempat Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain juga banyak perkara ini berlaku. Itulah sebabnya tadi, apabila Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin menyentuh sedikit Ahli-ahli golongan korporat supaya membantu, saya setuju, saya setuju ahli-ahli korporat yang ada wang ini menghulurkan bantuan kepada Yayasan dan sebagainya bagi membantu anak-anak bangsa sendiri. Kalau mereka mendapat pendidikan yang tinggi, kita juga senang menggunakan mereka untuk menjadi satu jentera untuk menjalankan perusahaan-perusahaan di negara kita.

Bayangkanlah dahulu sepuluh, dua puluh tahun dahulu kita terpaksa import, jurutera dan pakar-pakar juga kita import. Dahulu kalau pegawai-pegawai tinggi dalam korporat-korporat ini selalu terdiri daripada bangsa asing, kalau 20, 25 tahun dahulu tetapi sekarang insya-Allah dalam negara kita banyak pakar ekonomi yang ada. Jadi inilah hasil-hasil yang kita juangkan dan kita usahakan, yang kerajaan laksanakan tetapi kita berbalik kepada hujah sahabat-sahabat kita tadi, kadangkala kacang ini lupakan kulit, itu kita akui. Mereka sebelum pergi universiti mereka datang jumpa

kita, merayu buat sokongan, lulus pinjaman, apabila mereka lulus dalam pengajian tinggi ini, mula mereka lupakan orang yang menolong, orang kampung, pada hal mereka pun lahir dari kampung yang demikian juga. Saya bukan hendak menyindir pegawai-pegawai kerajaan ini, tidak, akan tetapi inilah yang menyebabkan kulit membencikan kacang pula, bukan kacang lupakan kulit, menyebabkan kami ini rasakan hendak meluat menengok kacang ini, ini kulit pula punya tindakan ini kerana sebab-sebab kacang ini, apabila dia balik ke tempat dia sendiri, kadang-kadang dia tidak kisah orang yang berjuang, terutama orang UMNO, orang-orang parti, kadang-kadang dia orang benci, apa UMNO akan tetapi mereka tidak mengkaji perjuangan-perjuangan datuk nenek. Saya masih ingat lagi, di kampung saya tahun 50-an tidak ada seorang pun yang masuk universiti.

Datuk Haji Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan daripada Yang Berhormat sahabat saya tadi yang menebalikkan kacang lupakan kulit, kulit hendak marahkan kacang. Apakah ada cara kemungkinan kulit telan balik kacang.

Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi: Terima kasih pada Yang Berhormat Datuk Haji Hashim bin Safin tetapi kalau sudah melebihi sangat kacang ini, saya rasa terpaksa juga kita telan kerana saya menghadapi masalah-masalah ini. Teguran ini ikhlas, itu sebabnya dalam ucapan-ucapan perasmian seminar-seminar di kawasan saya, saya selalu mengingatkan ibu bapa supaya kacang ini jangan lupakan kulit, sebab kacang ini 'lahir' dari dalam tanah, dibendung oleh kulit supaya jangan ulat-ulat masuk dan jangan cacing-cacing makan. Apabila mereka ini dewasa, keluar dari kulit barulah kita ada, itu sebab kadang-kadang timbul perasaan kulit ini marah pada kacang, sudah meluat tengok.

Saya tidak hendak sentuh tempat orang, tempat saya sendiri, dua, tiga, lima, enam orang budak-budak yang membuat pinjaman MARA, lulus universiti balik jadi jurutera, pakai kereta Wira, menyombong. Ini bukan saya hendak kata, tegur orang tua pun tidak mahu. Pada hal pakcik-pakcik dia itu sama-sama berjuang untuk bangsa. Kita boleh lihat dalam universiti tahun 50-an, berapa golongan anak kampung yang masuk universiti, kita boleh lihat tetapi sekarang saya sendiri pun berbangga, bukan saya hendak katakan saya selalu ke luar negara, tidak, akan tetapi saya pergi ke Picadilly Circus hari Sabtu, di tengah-tengah kota London, saya melihat waktu petang, saya hendak cari makan sedikit bersama dengan rakan saya berjalan, saya lihat di waktu hari Sabtu ini, sebelah petang di sana ada muzik jalanan daripada Peru, Latin Amerika, France, semuanya kadang-kadang ada, siapa yang pergi, tahulah muzik jalanan di square itu.

Saya nampak satu kumpulan anak-anak Melayu yang 'colour'nya sama dengan sayalah, sawo matang dan ada pula seorang dalam anak-anak itu, dua, tiga orang perempuan pakai pula baju Kedah dengan kain batik. Saya berbangga, sebagai orang yang berjuang bersama untuk bangsa saya, saya berbangga bila lihat baju Kedah ada di tengah-tengah kota London. Saya ingat Ahli Yang Berhormat tahu baju Kedah ya, [*sambil memandang Yang Berhormat Puan Hajah Selemiah binti Hashim*] yang tangan pendek, kembang sedikit, pakai kain batik, cantik, comel, jumpa bagi salam. Saya kata, "anak-anak daripada mana?" Dia kata saya dari Kota Sarang Semut, fahamkah Kota Sarang Semut manakan. Jadi, ini anak dari Kedah, bapa apa kerja? "Bapa tanam padi, biasalah nampak nampak cik, kampung" Bukankah kita bangga anak bangsa kita ada di tengah kota London dengan baju Kedah, menuntut di universiti, apakah ini hasil dari perjuangan-perjuangan bangsa, minta maaf suara saya terpaksa tinggi kerana warminguplah, tetapi kita mengenangkan, kulit terpaksa mengenangkan kacang, inilah dia.

Saya pernah baru-baru ini didatangi oleh satu keluarga yang menangis, saya cerita terang-terang, lelaki menangis, lelaki ini kalau menangis buruk. Bak kata, selalu kita kata macam mengkudu masak kalau orang lelaki menangis, orang perempuan menangis tidak apa, comel sedikit. Ini lelaki menangis. Dia kata, tolonglah YB, anak saya ini, mengegetar tangannya bawa surat tawaran dari universiti di Nilai, Universiti

Tengku Jaafar atau Kolej Tengku Jaafar. Saya tanya mengapa menggeletar ini Pak Cik, macam mana tidak menggeletar duit tidak ada ini lagi seminggu hendak pergi. Saya kata tidak cari, hendak cari manalah duit, saya menoreh getah dapat dua keping, sekeping untuk tuan tanah dan sekeping hak saya. Bayangkanlah penoreh getah.

Jadi, mahu tidak mahu saya cari jalan untuk menguruskan perkara itu. Saya cari mana tokoh-tokoh korporat, kawan-kawan saya, 'berrepe-repelah' bak kata orang Perak, 'repe' cakap tempat lain saya tidak tahu, tetapi cakap orang Perak, mintalah sikit-sikit, jadi dapatlah kita RM2,000, RM3,000 kita bantu. Dan saya pesan pada anak ini, saya kata Pak Cik dah dapat duit, harap pertama engkau pergi ke kolej ini mengaji elok-elok dan sampai ijazah nanti. Yang kedua, jangan sombong kepada ibu dan ayah, kedua dengan saudara mara, ketiga dengan satu bangsa dan orang kampung. Tiga perkara ini saya minta, kerana perkara ini berlaku, saya amat sedih.

Sesetengah itu pula, ini bukan hendak ...banyak pegawai marah pula nanti, ada sesetengah hari raya tidak balik rumah emak bapa, tidur di hotel, saya tidak hendak cakaplah kalau di sebelah Alor Star, Samila penuh hari raya, dua hari raya penuh sebab saya hendak check in tidak dapat. Inilah lahirnya kacang yang dibalut oleh kulit, berlaku. Saya tidak tahulah Dato' di Kota Bahru, di Terengganu tetapi saya rasa penuh hotel. Apa salahnya kita dua tiga hari bersama ibu yang melahirkan kita, bersama ayah yang pernah mendodoikan kita bersama-sama. Apakah salahnya? Inilah harus penuntut-penuntut kita diberi kesedaran supaya mereka faham bahawa kulit ini amat perlu membendung kacang supaya kacang besar dan selesa.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh juga, tadi diusik oleh Yang Berhormat Puan Mastika bahawa pakaian-pakaian korporat ini mahal, dia kata terutama orang lelaki RM500, RM600, RM1,000, RM2,000 tetapi saya rasa – kata dulang paku serepih, kata orang dia yang lebih. Betul tidak? Saya ingat Yang Berhormat pun bersetuju apa yang saya kata. Kerana lelaki ini biasalah, saya pun bukan mahal, sungguhpun saya dalam bidang perniagaan, kadang-kadang baju pun RM20, RM30 sahaja, seluar itu mungkin RM60, RM70 tidak sampai RM2,000 atau RM3,000. Tidak kurang juga wanita, saya ingin ingatkan wanita itu terutama kaum ibu, accessories itu kurangkanlah sedikit. Ini kadang-kadang merah sana, merah sini [*sambil menunjuk muka*]. Ini betul cakap saya ini, bukan hendak usik wanita, tidak. Jenama minyak wangi mereka ini kalau dibukukan saya ingat satu buku ekseseis penuh, kalau satu muka tentu penuh, *Jojo, Armani, Guy Laroche, Versace, West* yang baru keluar, *Channel 5*. Apa salahnya kalau kita berjimat sikitlah, simpan duit demi untuk anak-anak.

Tuan Long bin Jidin: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Ada Yang Berhormat bangun.

Tuan Long bin Jidin: Saya hendak tanya Yang Berhormat, adakah benda-benda Yang Berhormat tahu nama-nama ini, Yang Berhormat pernah beli untuk isteri Yang Berhormat. [*Ketawa*]

Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi: Untuk makluman Yang Berhormat, saya pun sayang isteri tetapi tentang itu saya tidak beli, dia beli sendiri. Kerana kalau saya silap beli nanti dia marah saya balik.

Datuk Haji Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, Meragukan. Kalau tidak beli kepada isteri, kepada siapa Yang Berhormat beli?

Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi: Soalan itu saya rasa saya tidak boleh jawab dalam Dewan ini, kena jawab di luar Dewan, nanti kontroversi jawapan itu. Tetapi kita faham kalau kita hendak usik wanita ramai, saya lalulah dekat Jalan Tunku Abdul Rahman.

Tuan Yang di-Pertua: Serupalah wanita.

Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi: Saya berjalan window shopping, saya tengok baju dalam dengan seluar dalam wanita pun sekarang, bukan main, ada yang RM500 lebih sepasang, tetapi bukanlah saya berminat menonton baju dalam dan seluar dalam wanita akan tetapi harganya kadang-kadang tidak patut apalah salahnya harga yang RM15 dipakai. Saya hendak tanya sekarang, siapa yang hendak pakai RM500, RM600, tentulah korporat wanita. Korporat lelaki tidak pakai baju dalam, seluar dalam wanita. Tak usah sebut jenamalah, jenama itu banyak. Kita lalu sahaja shopping centre, kita tengok tetapi janganlah ada tuduhan bahawa saya minat sangat menonton seluar dalam, baju dalam wanita akan tetapi saya buat teguran, kalau kita amalkan semua itu dalam keadaan kegawatan ekonomi saya rasa hampa bagi kerajaan untuk membanteras kemelesetan ekonomi negara, masih belanja, ada lagi yang beli. Saya tidak tahulah dalam Dewan ini takut ada orang yang pakai tetapi saya rasa...

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada.

Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi: Tidak ada ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi itulah keadaan-keadaan dalam negara kita, jadi harus benda ini kita benteras bagi menjayakan cita-cita kerajaan bagi memurnikan dan memakmurkan negara.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai tabung-tabung ini juga, negeri-negeri juga ada menubuhkan tabung jadi saya rasa dengan adanya Rang Undang-undang ini saya rasa negeri-negeri lain juga akan dapat mengikut kerana bukan kita ada Yayasan Tunku Abdul Rahman sahaja, kita ada yayasan-yayasan negeri, tiap-tiap negeri ada sahaja yayasannya, yayasan ikhtiar, yayasan membasmi kemiskinan.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya tidak mahu berucap panjang sudah pukul 3.00, saya rasa kita pun ada rang undang-undang yang lain dan sahabat-sahabat saya yang lain pun ingin berucap. Dengan itu saya menyokong rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman.

2.59 ptg.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya amat gembira menyokong Rang Undang-undang Kumpulan Wang Yayasan Tunku Abdul Rahman 1966. Kita merasakan bijaklah dalam keadaan ekonomi menempuhi krisis, pihak kerajaan juga memikirkan cara macam mana Yayasan Tunku Abdul Rahman dapat melebar dan meluaskan lagi tanggungjawabnya untuk memasukkan sekolah-sekolah dalam bidang kuasa memberi bantuan.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian dengan wujudnya Kumpulan Wang Yayasan Tunku Abdul Rahman 1966 ini merangkumi sekolah-sekolah, adakah pihak kerajaan boleh membentangkan kepada kita pada hari ini, kita hendak tahu berapa ramai pelajar-pelajar di luar negara yang mendapat biasiswa ataupun bantuan daripada Yayasan Tunku Abdul Rahman ini terutama sekali dalam bidang-bidang penyelidikan.

Saya amat ragu sekali kalau sekiranya pihak kerajaan ingin menjadikan Malaysia sebagai pusat penyelidikan yang 'par excellence' dengan izin, ianya terpaksa menentukan supaya pensyarah-pensyarahnya di peringkat universiti-universiti, IPTA dan IPTS, mempunyai kelayakan yang berlatarbelakangkan kepada penyelidikan yang diiktiraf di peringkat penyelidikan antarabangsa. Saya pernah mendengar di dalam berita-berita tempatan yang menyatakan wujud sekarang ini berkemungkinan budaya pensyarah-pensyarah yang kurang minat untuk meneruskan penyelidikannya dalam bidang masing-masing dan membuatkan publication, dengan izin, mencetak memberitahu orang ramai menerusi persatuan persatuan akademik apakah hasil penyelidikan mereka ini.

Kita patut mengetatkan lagi syarat-syarat kepada seseorang yang misalnya hendak ditingkatkan daripada pensyarah kepada peringkat profesor misalnya. Saya bimbang kalau banyak sangat institusi pengajian tinggi berkemungkinan kita

melonggarkan syarat-syarat untuk menaikkan tangga gaji dan juga pangkat daripada Pensyarah biasa, Penolong Pensyarah, Profesor Madya dan terus ke peringkat Profesor. Kalau ini kita lakukan berkemungkinan besar Malaysia tidak akan mendorong pelajar-pelajar di rantau ini lebih-lebih lagi di luar negara, di tempat-tempat yang lebih maju untuk mereka menyertai kursus-kursus di IPTS, IPTA kita di negara ini.

Jadi kalau boleh Kumpulan Wang Yayasan Tunku Abdul Rahman ini merancang dari segi peratusan, berapa banyakkah daripada Belanjawan mereka ini untuk ditumpukan kepada penyelidikan mereka yang hendak melanjutkan pelajaran di peringkat Ph.D, Sarjana dan kita pula tentukan universiti-universitinya kerana macam di UK, misalnya, universiti di UK berebut-rebut untuk membuatkan proposal, cadangan kepada pihak Kementerian Pendidikan untuk hendak menentukan berapa banyak pula mereka akan mendapat habuan Belanjawan daripada dana-dana yang ditentukan oleh pihak kerajaan dari segi penyelidikan. Tiap-tiap tahun berasaskan proposal dan cadangan universiti-universiti ini mereka akan mengkaji bidang mana mereka hendak menyelidik dan sebagainya dan tentukan universiti-universiti diprioritaskan, ditarafkan nombor 1, 2, 3, 4 sehingga 10 dan seterusnya dan kita dapati Universiti Cambridge, Oxford, London School dan sebagainya sentiasa mendapat pangkat yang tinggi kerana banyak penyelidikan dibuat oleh universiti-universiti ini.

Di Malaysia juga, selain daripada menentukan priority universiti-universiti peringkat negara kita ini di mana yayasan mempunyai dasar tertentu dengan pihak kerajaan, kita tentukan biasiswa-biasiswa diberikan kepada mereka yang hendak melanjutkan Ph.D dan sebagainya dan bidang-bidang penyelidikan ditentukan juga. Kalau sekiranya nama Yayasan Tunku Abdul Rahman, kita hendak tahu bagaimana kebangkitan patriotisme anak-anak bangsa, sejarah, kita kena kaji pula dari segi sejarah bagaimana sejarah ini dapat dibuat penyelidikan untuk membetulkan pandangan orientalis yang dibuat oleh orang-orang putih, Winsted dan sebagainya kepada pemikiran-pemikiran tempatan supaya sejarah dapat mencerminkan keadaan sebenar dalam perjuangan bangsa untuk mencapai kemerdekaan dan sebagainya.

Jadi perkara semacam inilah yang tentu sahaja akan mengharumkan lagi nama Allahyarham Tunku Abdul Rahman sempena Yayasan yang kita buat ini. Ini amat baik sekali tetapi ini mesti ada fokus dan diuruskan kepada bidang-bidang tertentu dan begitu juga di peringkat sekolah. Kalau ianya dilebar dan diluaskan ke peringkat sekolah, kita juga ingin mencadangkan supaya biasiswa-biasiswa dan bantuan diberi kepada sekolah ini difokuskan.

Saya merasakan amat baik kalau sekiranya pihak kementerian dan pihak yayasan menggabungkan pemikiran bagi menentukan kebangkitan patriotisme anak bangsa. Maksudnya biasiswa dan bantuan ini kita berikan ke arah mereka yang di dalam bidang kita hendak pilih, kita pilih mereka untuk dapat biasiswa dan bantuan, dia kena cerita tentang apakah sejarah negara kita, bagaimana kita mencapai kemerdekaan, apa erti jalur merah, putih, bintang dan sebagainya. Perkara semacam ini will do justice to this Yayasan, dengan izin, kerana ianya sempena nama Yayasan Tunku Abdul Rahman, Perdana Menteri Pertama kita yang mencapai kemerdekaan bersama-sama dengan, saya ingat lagi, Tun Tan Siew Sin, Tun Sambanthan, Allahyarham Tun Abdul Razak dan Tun Dr. Ismail mungkin bersama-sama untuk pergi ke London secara perbincangan, tidak ada titisan darah pun.

Kita akan menceritakan juga, kita hendakkan pelajar-pelajar ini di peringkat sekolah menikmati, mengetahui, memahami perjuangan pemimpin-pemimpin kita dahulu. Jadi kita kena kaitkan, kalau kita beri secara biasa sahaja, elok pihak kerajaan sahaja memberikannya kerana ini Yayasan Tunku Abdul Rahman. Jadi objektifnya mesti kita kaitkan dengan perjuangan Tunku Abdul Rahman, barulah saya rasa ianya menepati the spirit, semangatnya menepati sempena nama yang kita beri.

Jadi saya tidak tahulah siapa Pengerusi Yayasan ini, dan siapa Ahli-ahli Lembaga Pengarah, kalau perlu saya rasa elok kerajaan meninjau kerana ianya mesti mencerminkan mereka yang benar-benar menginsafi perjuangan bangsa, menginsafi

patriotisme dan menginsafi sejarah yang tulen dan benar dari segi negara kita Malaysia yang kita cinta.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, sekali lagilah kalau dapat pihak Yayasan Tunku Abdul Rahman juga mencarikan pemikirannya, memusatkan pemikirannya kepada par excellence pendidikan-pendidikan peringkat antarabangsa dan local ke arah memperdalam dan meluaskan bidang-bidang pendidikan, Ph.D kerana tujuannya ialah supaya mereka ini dapat bukan sahaja memberikan pandangan ilmiah mereka kepada universiti-universiti tempatan tetapi dalam perbincangan antarabangsa dalam fora-fora dan forum antarabangsa, mereka ini dapat berdepan, pernah saya sebutkan eyeball to eyeball.

Dato' Haji Mohd. Zuki sebut 'ball to ball', saya rasa 'eyeball to eyeball', mata ke mata, berbincangkan isu-isu intelek yang tinggi, canggih, barulah sedap kita, canggihlah Malaysia, harumlah nama negara kita. Ini kalau sekiranya hanya terpesong, tersorong di negara kita sahaja buat research sepanjang, tak sampai ke mana untuk hendak mendapat Nobel Prize dan kita mengucapkan tahniah kepada India, India sekarang ini sudah punya empat orang penerima Nobel Prize, yang terbaru sekali Profesor Sam, humanitarian, humanitarian economic yang berasaskan kepada kemanusiaan, dimensi baru dari segi ekonomi. Ini caranya, terbukti dan ternyata bahawa orang Asia juga boleh mendapat penghormatan dari Hadiah Nobel dan kita merasakan Yayasan Tunku Abdul Rahman ini boleh menjuruskan pemikirannya supaya lahir saintis-saintis yang akan mendapat Nobel Prize, sasterawan-sasterawan negara kita seperti Osman Awang dan Shahnnon Ahmad. Mereka ini kalau perlu Yayasan Tunku Abdul Rahman, berikan pula bantuan kepada mereka untuk menentukan supaya tahap pencapaian intelek dan literary mereka meningkat supaya mereka juga dapat dikenali di peringkat antarabangsa untuk mendapat penghormatan Nobel Prize.

Macam FRIM misal kata kita berbangga tengok dua, tiga, empat orang ini yang menerima bantuan daripada Yayasan Tunku Abdul Rahman, Perdana Menteri kita yang pertama, Tunku Abdul Rahman mendapat bantuan daripada Yayasan Tunku Abdul Rahman, sekarang telah pun memenangi Hadiah Nobel. Ini yang patut kita arah, inilah sebenarnya yang dicetuskan oleh Perdana Menteri kita, Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad, mengatakan kita hendakkan jangan ada budaya cincai, patut kita wujudkan budaya pengawasan, pengendalian dan sebagainya. Budaya cincai ini akan merosakkan kita.

Jadi yayasan ini kita hendakkan supaya budaya peringkat yang betul-betul diuruskan ke par excellence dalam bidang apa sekalipun, kita mesti sampai pada apex, kejayaan, pada peringkat paling tinggi dalam kejayaan barulah mempunyai pendekatan yang lebih profesional dalam kita mengusaha, mencanang pemikiran baru dan juga pemikiran yang lebih dalam. Jadi saya mengharapkan Yayasan ini speciallah sedikit kerana banyak sangat yayasan, jadikanlah Yayasan Tunku Abdul Rahman sebagai yayasan yang lebih special yang dapat mencerminkan perjuangan bangsa dan tidak mempunyai dimensi masa, tidak ada limit, there is no end, dengan izin, kepada perjuangan ini. Inilah maksud yang saya hendak sampaikan di Dewan yang mulia ini, Tuan Yang di-Pertua supaya Yayasan Tunku Abdul Rahman ini benar-benar mencerminkan perjuangan anak bangsa kita. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan diminta menjawab, tidak ada lagi Yang Berhormat yang hendak bercakap.

3.10 ptg.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kementerian Pendidikan saya ingin mengucapkan berbilang terima kasih kepada beberapa Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini untuk mengambil bahagian dalam perbahasan berkaitan dengan pindaan untuk Akta Kumpulan Wang Yayasan Tunku Abdul Rahman (Pindaan) 1998. Dalam masa yang

singkat ini izinkan saya memberi sedikit penjelasan tentang soalan-soalan yang telah dibangkitkan.

Yang Berhormat Puan Hajah Mastikah Junaidah bin Husin telah membangkitkan tentang penglibatan pensyarah-pensyarah dalam aktiviti-aktiviti yang tidak diizinkan, dia tidak merasa senang. Sebenarnya tidak ada bukti-bukti yang kukuh mengenai penglibatan pensyarah dalam aktiviti-aktiviti yang dimaksudkan. Sehingga kini hanya dua orang kakitangan UIA iaitu seorang penolong pensyarah dan seorang pembantu perpustakaan yang telah dikenalpasti terlibat dan pihak universiti akan mengambil tindakan sewajarnya.

Pihak universiti akan terus mengadakan dialog dengan pelajar-pelajar dan pensyarah-pensyarah supaya kita semua mengikut peraturan-peraturan dan undang-undang tentang cara kita menyuarakan pendapat. Dalam universiti memang bebas, ada forum-forum dan kita izinkan tetapi apa yang kita tidak izinkan ialah mereka mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti politik dan sebagainya, dan semua ini akan terus diterangkan kepada mereka yang terlibat.

Yang Berhormat Puan Hajah Mastikah Junaidah binti Husin juga telah membangkitkan beberapa masalah berkaitan dengan kolej-kolej swasta, semua ini saya telah rekodkan dan Kementerian Pendidikan akan siasat dan sekiranya perlu kita akan mengambil tindakan yang sewajarnya khususnya berkaitan dengan kolej-kolej yang telah dinamakan. Tentang isu pengkorporatan UM, sebenarnya pengkorporatan itu ialah untuk menjadikan sistem pentadbiran universiti tersebut lebih flexible supaya mereka bolehlah mengikut keperluan semasa dan keperluan pasaran dari segi tawaran kursus dan sebagainya. Kita harap dengan adanya pengkorporatan UM dan universiti-universiti lain, universiti-universiti kerajaan akan muncul sebagai universiti yang lebih flexible dan bertaraf dunia untuk memberi pendidikan kepada anak-anak kita di abad ke-21.

Yang Berhormat Dato' Dr. T. Marimuthu seorang rakan seperjuangan saya di universiti dan juga dalam politik, saya bagi pihak Kementerian Pendidikan ingin mengucapkan berbilang terima kasih tentang cadangan yang telah dikemukakan. Beliau bertanya mengapa hanya 10% dihadkan. Sebenarnya 10% ini adalah untuk main trustee share, pada masa kini yayasan ini diizinkan untuk melabur dalam trustee share ini.

Memang Yayasan Tunku Abdul Rahman ini memberi bantuan kepada semua pihak khususnya kepada anak-anak yang terdiri dari keluarga yang miskin dan mereka yang berasal dari luar bandar. Tentang jumlah pelajar yang telah menerima manfaatnya, sehingga kini seramai 400 orang telah dapat bantuan. Saya dapati bahawa ada sebilangan yang sudah mendapat First Class Honour dan sebagainya, saya ingin ucapkan syabas dan tahniah.

Dalam konteks ini memang Kementerian Pendidikan bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman iaitu impian dan misi Yayasan Tunku Abdul Rahman ini ialah untuk membawa sistem pendidikan kita ke arah kecemerlangan dan kita mahu jadikan biasiswa atau Sekolah Yayasan TAR ini setaraf dengan dahulunya, Queen Scholar, President Scholar dan sebagainya. Ini adalah misi dan impian Kementerian Pendidikan dan kita harap dengan sokongan Ahli-ahli Yang Berhormat dalam satu masa yang singkat kita boleh jadikan sekolah-sekolah yang diberi bantuan di bawah Yayasan ini boleh mencapai taraf yang setanding dengan itu.

Memang Kementerian Pendidikan akan terus memberi nasihat kepada Yayasan Tunku Abdul Rahman supaya lebih memfokuskan aktiviti-aktiviti kerana sumber di bawah yayasan itu hanya RM33 juta sahaja. Kalau kita boleh fokuskan kepada aktiviti-aktiviti yang ada di mana Malaysia boleh mencapai kecemerlangan dari segi memberi geran penyelidikan, dari segi memfokuskan bidang-bidang profesor-profesor, pensyarah-pensyarah dan guru-guru memang kita boleh mencapai tahap

tersebut dan kita harapkan dalam masa yang singkat kita boleh mempunyai sekolah-sekolah yang mendapat Nobel Prize dan sebagainya.

Yang Berhormat Datuk Haji Hashim bin Safin telah menyuarakan bahawa Yayasan TAR ini tidak dikenali oleh orang ramai. Memang tidak boleh dinafikan tetapi kita harapkan dengan adanya satu kempen yang lebih luas kita boleh mempertingkatkan profile Yayasan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja yang saya dapat jawab. Pendapat-pendapat yang lain, pegawai-pegawai dan saya sendiri ada merekodkan dan kita akan memberi pertimbangan sewajarnya terhadap segala cadangan yang telah disampaikan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG DUTI TIMBAL BALAS DAN ANTI-LAMBAKAN (PINDAAN) 1998

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.20 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Kerk Choo Ting]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu akta untuk meminda Akta Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1993 dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan kehendak kerajaan untuk melindungi industri tempatan daripada amalan perdagangan yang tidak adil, Akta Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1993 atau Akta 504 telah digubal dan dikuatkuasakan mulai 28 April 1994. Akta 504 ini memperuntukkan tindakan-tindakan yang boleh diambil terhadap pengeksporth atau pengeluaran dari luar negara yang melambakkan barangan mereka ataupun barangan eksport mereka yang mempunyai kandungan subsidi dan akibatnya barangan itu mendatangkan kemudaratan ke atas industri tempatan. Sebaik sahaja duti timbal balas ataupun duti antilambakan dikenakan terhadap pengeluar atau pengeksporth dari luar negara yang didapati melambakkan barang mereka, kutipan duti berdasarkan subsidi margin lambakan akan dilakukan setiap kali barangan berkenaan daripada pengeluar atau pengeksporth berkenaan masuk ke dalam Malaysia bagi tempoh lima tahun.

Pada 1 Januari 1995, Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) telah menguatkuasakan Perjanjian Subsidi dan Timbal Balas dan Perjanjian Anti-Lambakan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO). Perjanjian WTO ini memperkenalkan peraturan pengiraan margin lambakan dan nilai subsidi, prosedur penyiasatan lambakan dan subsidi serta instrument penyelesaian pertelingkahan dalam melaksanakan peruntukan yang termaktub dalam Perjanjian WTO. Sebagai ahli WTO, Malaysia perlu memastikan undang-undang domestik mengenai timbal balas dan

antilambakan selaras dengan peruntukan di dalam Perjanjian WTO. Memandangkan Akta 504 telah berkuat kuasa sebelum Perjanjian WTO, terdapat beberapa peruntukan di dalam Akta 504 yang perlu dipinda supaya selaras dengan peruntukan di dalam Perjanjian WTO. Sehubungan dengan ini, tindakan pindaan kepada Akta 504 dicadangkan untuk memastikan peruntukan Akta 504 selaras dengan Perjanjian WTO dan kerajaan tidak menghadapi masalah di dalam mengambil tindakan antilambakan ataupun timbal balas terhadap pengeksport atau pengeluaran dari luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, ciri-ciri utama pindaan rang undang-undang yang dicadangkan boleh secara umumnya dikategorikan kepada tiga iaitu:

- (i) prinsip dan definisi terma-terma;
- (ii) prosedur menjalankan penyiasatan; dan
- (iii) perkara-perkara pentadbiran am.

Terma-terma utama seperti industri dalam negeri, pengeluaran serantau, subsidi dan akujanji telah digubal semula. Definisi tema baru seperti "*de minimis*" iaitu lambakan dan kemudaratannya diperkenalkan untuk memperjelaskan lagi prinsip pemakaian konsep lambakan. Tindakan di bawah Akta 504 boleh dibahagikan kepada beberapa peringkat seperti peringkat penerimaan petisyen, permulaan penyiasatan, penentuan awal dan langkah-langkah sementara dan penentuan muktamad dan pengenaan duti timbal balas atau antilambakan. Setiap peringkat mempunyai prosedur tertentu yang perlu dilalui oleh pihak berkuasa penyiasatan. Pindaan pada Akta 504 akan memperjelaskan lagi prosedur yang terlibat.

Dalam menjalankan kewajipan tindakan antilambakan atau timbal balas, beberapa aspek pentadbiran juga telah diperkemaskan lagi, di antara lain ialah sistem rayuan. Akta 504 memberi peluang kepada pihak yang tidak berpuas hati dengan keputusan penentuan muktamad oleh pihak berkuasa penyiasat membuat rayuan kepada tribunal. Sistem rayuan kepada tribunal ini dicadangkan digantikan dengan sistem kajian semula kehakiman iaitu *judicial review*, dengan izin, dengan itu sistem mahkamah yang sedia ada dapat digunakan tanpa perlu menubuhkan satu tribunal serta membuat perlantikan ahlinya. Di samping dapat menjimatkan kos, ia juga menepati kehendak Perjanjian WTO yang menghendaki satu badan rayuan yang bebas dan asing daripada badan yang membuat penyiasatan.

Tuan Yang di-Pertua, adalah dijangkakan kepentingan undang-undang duti timbal balas dan antilambakan akan meningkat berikutan dengan langkah-langkah kerajaan menuju ke arah liberalisasi perdagangan. Dengan adanya undang-undang ini kerajaan dapat melindungi industri tempatan daripada persaingan perdagangan yang tidak adil. Pindaan yang dicadangkan bukan sahaja dapat menyelaraskan peruntukan di dalam Akta 504 dengan kehendak Perjanjian WTO tetapi juga membenarkan tindakan timbal balas dan anti-lambakan diambil secara lebih jelas, teratur dan telus.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1993 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Dato' Aziz.

3.27 ptg.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk mengambil bahagian bagi membahaskan rang undang-undang yang bernama suatu akta untuk meminda Akta Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1993. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana dapat menyelaraskan Akta

504 mengikut tuntutan-tuntutan yang diperlukan oleh Badan Pertubuhan Perdagangan Antarabangsa (WTO), kerana ini merupakan satu pendekatan yang boleh menyamaratakan dari segi prosedur, dari segi tuntutan, dari segi di peringkat perdagangan antarabangsa.

Saya ucapkan tahniah kerana nampaknya dari segi bidang pendidikan, dengan izin, real product, real goods, kita amat peka dengan peraturan-peraturan antarabangsa dan ianya amat berbeza sekali apabila kita hendak mengawal perdagangan non-trading goods seperti mata wang. Jadi, saya hairan sungguhpun Perdana Menteri kita menyarankan setahun lebih dahulu mengatakan perlunya wujud satu sistem perdagangan mata wang antarabangsa bagi mengawasi apa yang berlaku sekarang di mana spekulator-spekulator mata wang antarabangsa boleh menjahanamkan sistem perekonomian satu-satu negara dengan memberikan spekulasi turun-naiknya mata wang satu-satu negara.

Jadi, WTO boleh berbuat demikian. Kita hairan kenapa kerajaan-kerajaan seperti kita yang dilanda oleh masalah ini dapat memberikan satu pandangan yang bersatu padu. Jangankan Perdana Menteri kita sahaja, sekarang ini kita perhatikan ramai pakar-pakar ekonomi sudah bersetuju, sehinggakan Jepun sudah bersetuju, Soros sendiri pun sudah bersetuju dan juga Bank Dunia bersetuju, Perdana Menteri UK, Tony Blair pun bersetuju, kebanyakan sudah bersetuju. Tetapi bila masanya sistem pengawasan perdagangan mata wang, the architecture of the international financial system ini, dengan izin, dapat kita laksanakan.

Saya difahamkan pada 20 Februari 1999 Mesyuarat Negara Kumpulan Tujuh, negara-negara maju termasuk Jepun – yang mewakili kita Jepun sahaja di Asia ini, dapat menentukan supaya mereka memberi fokus yang sewenang-wenangnya, sebaik-baiknya hendak menentukan negara-negara yang mempelopori perlunya diwujudkan sistem perdagangan mata wang yang telus dalam keadaan dunia yang penuh dengan kuasa-kuasa pasaran liberal yang telus dapat kita usahakan bersama.

Jadi, saya juga ingin tahu di peringkat perdagangan produk yang dikeluarkan oleh negara-negara yang mungkin melebihi production capacitynya, dengan izin, ataupun melebihi keperluan sendiri atau keperluan jangka pendeknya mungkin mereka akan melambakkan barang-barang ini di negara kita. Saya hendak taulah dalam pengalaman kerajaan kita, negara mana yang telah pun mengeluarkan barang-barang perdagangan, syarikat-syarikat mana yang mengeluarkan barang-barang ini yang dilambakkan di negara kita ini.

Saya takut pertamanya, terutama sekali ialah barang-barang yang mempunyai dengan izin, life spend self maknanya, dia menghadkan kegunaan mengikut tarikh. Kita tahu ubat misalnya ia ada tarikhnya. Untuk kita mengambil ubat yang mujarab ia mempunyai tarikh matinya keistimewaan ubat itu. Maknanya kalau kita beli ubat di farmasi, ditulis di situ, ubat ini akan boleh digunakan sehingga 1 Januari tahun 2000. Soalnya sekarang, siapa yang menentukan ubat itu sebenarnya efektif, mujarab sehingga 1 Januari 2000? Lepas itu bagaimanakah kita boleh menentukan adakah kita membuat sampel, pergi tengok ubat itu, dia kata ubat ini boleh sampai tahun 2000, buat sampel makan sebiji, tengok, tidak mujarab. Maknanya tidak mengikut apa syarat-syarat yang ditulis di situ. Adakah ini disiasat oleh Kementerian Kesihatan atau Kementerian Perdagangan? Ini boleh dilambakkan.

Saya tahu panadol-panadol yang dikeluarkan di peringkat antarabangsa kadangkala secara psikologi saya rasa lebih efektif, bila makan sebiji, rasa sudah okey. Kalau kita makan panadol yang dikeluarkan entah dari mana, di Kuala Lumpur, mungkin tidak sebegitu efektif, ada orang kata panadol kita mungkin daripada ubi kayu sahaja atau tepung biasa, kita ambillah, lepas itu pening kepala pun berterusan. Jadi saya hendak tahu cara-cara hendak menentukan lambak atau tidak lambak ini, adakah mereka secara organise, cara bersepadu, Malaysia ini kita lambakkan ubat-ubat lama ini yang sudah tidak mujarab lagi. Jadi saya hendak tahu macam mana cara kita hendak mengawasinya sungguhpun kita ada peruntukan-peruntukan, baik sekali

peruntukannya, dari segi WTO, dari segi Akta 504, kita sudah ubahsuai, cara prosedur pun ada, di mana sekarang kita gunakan judicial review dan sebagainya. Memang tepat mekanismenya untuk kita memantau, untuk kita mengawasi kegiatan ini berlaku dan cara hendak mencegah, cara mana.

Saya mintalah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) memikirkan setakat ini berapa banyak kes yang dapat kita tangkap kerana melambakkan barang-barang daripada negara mereka sehingga menjejaskan pengeluaran di negara kita ini. Adakah ianya jenis ubat, adakah ianya jenis spare part, atau ianya jenis barang-barang macam mana, kita hendak tahu. Adakah kita mempunyai satu sistem di kementerian-kementerian tertentu yang boleh mengawasi, pertama sekali dari segi chemical component yang disebutkan tadi. Dari segi chemistrynya, siapakah yang menentukan kita tidak ditimpa oleh lambakan-lambakan daripada negara-negara tertentu.

Saya juga ingin mengetahui setelah kita menandatangani dari segi intellectual property dan sebagainya, yang mana tidak ada ciplak, tidak ada tiruan dari segi produk-produk, manakah kita tahu, cara manakah kita boleh membuktikan barang-barang yang dilambakkan di sini sungguhpun ianya canggih dari segi teknologi, canggih dari segi pembuatannya, tetapi sebenarnya berkemungkinan barang-barang itu adalah barang-barang tiruan. Itu kita hendak tahu juga sehingga dilambakkan di tempat kita, jadi kita ini penuh dengan barang-barang tiruan sehinggakan bila kita pula kena tangkap di bawah Intellectual Property Act, kita tengok rupa-rupanya barang yang kita dapat di sini barang-barang tiruan. Barang-barang tiruan ini mungkin akan menjejaskan kalau ianya mempunyai khasiat untuk memperbaiki seseorang itu, mungkin ianya memudaratkan pula kerana barang itu barang tiruan, maklum sahajalah.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kita mengharapkanlah dengan wujudnya perubahan-perubahan yang mengemaskinikan lagi Akta 504 ini proses penjagaan dan pengawasan dapat berjalan dengan baik sehinggakan Malaysia tidak terkenal sebagai sebuah negara yang menerima lambakan barang-barang. Dan kita pun begitu juga. Saya hendak tahu dari segi, mohon izin, on the opposite side, sebelah kita ini pula, adakah kita mengawasi supaya barang-barang yang dikeluarkan dari negara kita Malaysia ini tidak dilambak ke tempat lain. Adakah kita mengkaji kerana kita adalah salah seorang daripada ahli negara yang menandatangani Pertubuhan Perdagangan Antarabangsa (WTO) ini. Jadi, bagaimana pula kita mengawasi supaya tidak ada syarikat-syarikat di negara kita yang akan memburukkan pula nama Malaysia, dia pergi senyap-senyap melambakkan barang-barang dia di Thailand, di Indonesia atau di Jepun. Jadi kita hendak tahu juga, nanti besok negara pula kita akan tercemar. Banyak yang boleh disabotaj.

Sekarang ini kita berdepan dengan berbagai-bagai sabotaj. Sabotaj Internet, sabotaj ini, produk pun hendak sabotaj juga. Dia hendak sabotaj negara kita senang sahaja, dia lambak ke tempat itu kemudian tengok Malaysia yang mendorong kita melambakkan barang-barang ini di negara-negara lain. Jadi kita tidak mahulah selain dari kita menangkap orang melambak ke tempat kita, kita hendak menentukan kita pun tidak melambakkan benda kita ke tempat orang lain, berbagai-bagailah, keretalah, dan ini kita hendak tentukan.

Tuan Yang di-Pertua, ini amat penting kerana kita hendak menjaga ketelusan perdagangan antarabangsa. Walau bagaimanapun, saya menyerulah pihak kerajaan menerusi forum-forum tertentu peringkat antarabangsa selain daripada memastikan kita bertanggungjawab sebagai ahli yang menandatangani perjanjian WTO untuk menentukan segala perdagangan telus dari segi dunia yang mempunyai ketelusan yang amat sangat pun cari jalan bagaimana kita dapat, lobilah sedikit, buat net working kita supaya perkara yang sama, sistem yang sama, sistem pengawasan perdagangan mata wang antarabangsa pun dapat kita buat semacam ini, alangkah eloknya. Jadi kalau ini dibuat, rasanya dari segi perdagangan, Tuan Yang di-Pertua, dari segi nilai perdagangan, perdagangan mata wang lebih hebat, lebih banyak, berapa kali ganda lebih banyak, lebih tinggi nilainya daripada perdagangan barang-barang yang kita

keluarkan ini. Jadi ianya tentu sekali memerlukan lebih hebat peraturan, lebih cepat, urgent, moho izin, very, very urgent, Tuan Yang di-Pertua, sehinggakan negara kita sekarang membendung mata wang kita dan juga sistem kita daripada terdedah kepada spekulator-spekulator mata wang ini. Itu urgent, itulah pentingnya.

Sudah setahun lebih Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita melaung-laungkan perkara ini, diterima semua tetapi tidak sampai lagi sehinggakan tercetusnya satu bankrapsi kepada Long Term Capital Management (LTCM) sebuah syarikat yang mempunyai paid up capital, mohon izin, RM4.5 bilion tetapi berniaga sampai beratus-ratus bilion, 250 kali ganda daripada saham berbayar sehinggakan Federal Reserve Bank Amerika menyuntik RM3.5 bilion, kalau tidak, banyak sangat syarikat-syarikat yang akan terbengkalai atau bankrap. Sampai begitu sekali, barulah membuka mata mereka lebih luas rupanya rugi-rugi lagi teruk, kalau dia rugi lagi teruk sehingga George Soros sendiri dalam bukunya 'The Crisis of Global Capitalism' pun bersetuju perlunya kita mewujudkan sistem yang boleh mengawasi ini.

Jadi WTO bagus, takkan IMF atau Bank Dunia atau ini mungkin kementerian lain tetapi cara kita hendak mengawasi perdagangan antarabangsa ini dapat kita sama ratakan. Jadi, ini tentu sekali akan menolong negara-negara dilanda oleh krisis ekonomi.

Saya menyokong rang undang-undang yang dibawa.

3.45 ptg.

Dato' Ghazi bin Haji Ramli: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk saya mengambil bahagian dalam menyokong usul dalam Akta Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan yang begitu baik disampaikan oleh Yang Berhormat tadi. Saya amat tertarik dengan penerangan beliau tentang pengubahsuaian beberapa peraturan undang-undang dan bidang pentadbiran untuk menyesuaikan dengan peraturan dalam WTO.

Apabila menyebut WTO, ini ialah merupakan satu badan antarabangsa yang amat mustahak dari segi perdagangan dan saya ingin membangkitkan Tuan Yang di-Pertua, peranan kita dalam pertumbuhan-pertumbuhan antarabangsa yang berkaitan dengan ini. Saya rasa dalam MITI sendiri ada beberapa pertumbuhan lain juga dalam kementerian-kementerian lain yang berkaitan Kementerian Pembangunan Usahawan, Kementerian Luar Negeri, Kementerian Kewangan dan sebagainya ada pertumbuhan-pertumbuhan antarabangsa yang mengambil peranan untuk menyelaraskan beberapa peraturan dan juga menentukan yang peranan dan peraturan negara kita sendiri selaras dengan peranan antarabangsa. Yang saya ingin tekankan ialah kalau perkara ini dapat dilakukan dalam bidang ini oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, saya harap perkara yang sama akan dapat dimain peranan oleh badan-badan antarabangsa yang lain kerana pernah kita terdengar sungutan daripada pihak-pihak luar mengatakan bahawa Malaysia amat aktif dalam bidang ini, ini, ini tetapi di dalam bidang itu dan itu mereka sama ada tidak aktif secara terancang atau tidak aktif secara kebetulan.

Perkara inilah yang saya ingin membangkitkan kerana pada saya kalau kita ingin menaikkan imej antarabangsa negara Malaysia kita ini, saya rasa mereka yang berkenaan yang terlibat dalam pertumbuhan antarabangsa pelbagai supaya mengambil peranan mereka itu dengan agak lebih serius supaya melakukan sesuatu menunjukkan kebolehan dan kecekapan kita supaya memberi reaksi sama ada bersetuju atau tidak dengan apa sahaja yang diminta oleh badan-badan antarabangsa ini selaras dengan apa yang ditunjukkan oleh MITI khususnya dalam WTO ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua yang saya ingin bangkitkan ialah saya rasa ada kaitannya usaha untuk menyelaraskan dengan peraturan-peraturan oleh WTO ini dengan usaha kerajaan sendiri untuk menggalakkan barang-barang tempatan dalam negara. Saya mengucapkan tahniah kepada pihak kementerian kerana langkah ini selaras dengan usaha sampingan pihak kementerian untuk menaikkan lagi mutu

pengeluaran barang-barang tempatan, menaikkan lagi produktivi barang-barang tempatan oleh syarikat-syarikat tempatan dan menggunakan promosi yang terbanyak untuk menggalakkan rakyat Malaysia khususnya juga orang-orang asing yang melawat Malaysia membeli barang-barang tempatan.

Jadi sepintas lalu sekali gus langkah ini juga sebenarnya mempunyai erti mempertahankan kedudukan barang-barang tempatan sekiranya barang-barang tempatan mencapai tahap pencapaian mutu dan produktiviti yang kita idam-idamkan. Cuma dari segi bahan-bahan tempatan ini pula, kadang-kadang kesungguhan pihak-pihak pengilang untuk mengeluarkan bahan-bahan yang betul-betul bermutu seperti mana yang dikehendaki kadang-kadang adalah lebih indah kabar daripada rupa yang sebenarnya (actual) itu tidak sehebat yang dipromosikan.

Saya harap pihak kementerian akan juga mengambil perhatian tentang perkara ini lebih-lebih lagi sekarang ini saya difahamkan bahawa kita mempromosikan barang-barang tempatan melalui program apa yang dipanggil this product 50, saya tidak ingat apa labelnya, macam fortune five hundred....

Tuan Yang di-Pertua: Enterprise Fifty.

Dato' Ghazi bin Haji Ramli: Enterprise Fifty, terima kasih. Enterprise 50, Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, terima kasih banyak-banyak. Dalam usaha untuk meningkatkan Enterprise 50 inilah saya rasa satu pendekatan yang begitu amat baik dan strategik cuma dalam kehairahan kita mempromosikan sesuatu pendekatan yang baik dan setrategik kadang-kadang kita terpaksa korbankan dari segi kualiti dan perkara-perkara lain yang berkaitan. Saya harap segala peraturan yang akan dibangkitkan melalui Enterprise 50 umpamanya akan dapat dipraktikkan dengan berkesan dan bermutu supaya kita tidak korbankan mutu kerana kita memikirkan jangka pendek. Keperluan jangka panjang hendaklah kita beri keutamaan kerana inilah sebenarnya yang akan menentukan kejayaan kita masa depan. Kalau sekiranya ini dapat kita tentukan saya rasa kehebatan barang-barang tempatan kita akan dapat diterima oleh orang-orang tempatan sendiri bukan kerana mereka ini orang Malaysia tetapi mereka lebih ghairah untuk membeli barang-barang tempatan kerana barang itu sendiri mempunyai mutu dan daya tarikan yang kuat.

Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya ini dapat kita wujudkan insya-Allah dengan begitu hebat Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan mempromosikan pelancong-pelancong. Kalau sekiranya dapat kita menarik lebih ramai pelancong-pelancong untuk melawat Malaysia, dengan kita promosikan Malaysia khususnya Kuala Lumpur sebagai satu tempat untuk orang membeli belah, saya rasa keadaan suasana yang telah kita bangkitkan melalui promosi barang-barang tempatan, melalui Enterprise 50 khususnya sudah pasti akan diterima oleh orang-orang luar negara dan mereka akan bercakap sebelum mereka datang. Macam saya ingat, lebih kurang 20 tahun dahulu, kita selalu kata, kita ingin pergi ke Pulau Singapura sebab berdekatan kerana murah dan barang bermutu. Kita ingin pergi membeli di London kerana harga baik dan barangnya bermutu. Walaupun harga mahal kadang-kadang sengaja sebagai satu fesyen sahaja, kalau ke luar negeri kena beli barang daripada luar negeri, saya tahu ramai orang yang begini tetapi saya katakan model itu patut kita terbalikkan supaya dapat kita wujudkan suasana ini kepada para pelancong yang melawat kita melebihi 2 juta pada setiap tahun itu.

Kalau sekiranya lebih daripada 2 juta dapat datang dan kita dapat memikat hati mereka dengan mengatakan ah! aku hendak Kuala Lumpur sebab aku boleh membeli belah di Lot 10, Star Hill dan sebagainya termasuk juga Chow Kit Road dengan jenama-jenama yang sama ada ternama di dunia, kalau inilah tempat yang mereka boleh datang membeli-belah saya rasa ini menjadikan satu perkara yang amat baik bagi industri tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara lain yang saya hendak bangkitkan ialah tiga bidang yang saya nampak amat sensitif dari segi Akta Lambakan ini. Pertamanya ialah

industri makanan. Kita bercakap banyak tentang industri makanan, kita bercakap untuk mempromosikan barang-barang makanan kita, kita bercakap dalam Dewan dalam membahaskan Akta Francais tempoh hari minggu lepas, kita bercakap untuk menggalakkan peniaga-peniaga tempatan untuk terlibat dengan secara aktif dalam bidang makanan khususnya dan dalam bidang ini pun saya rasa hendaklah kita laksanakan mengikut akta yang telah kita sebut dengan elok itu dan peraturannya, rayuannya, susunan pentadbiran dan sebagainya menentukan bahawa tidak ada barang-barang makanan luar negara yang dilambakkan di sini kerana hasil daripada proses lambakan dari segi makanan ini ada dua iaitu pertama, buruknya kepada pemakan sama ada kanak-kanak ataupun dewasa dari segi kesihatannya.

Keduanya ialah dari segi kemerosotan ataupun challenge, cabaran kepada industri tempatan itu sendiri. Jadi perkara-perkara ini mestilah kita ambil perhatian kerana soal makanan adalah satu soal yang amat mustahak yang boleh memudaratkan kesihatan.

Lebih-lebih lagi bila kita cakap tentang kanak-kanak dan kanak-kanak seperti yang kita tahu, amat senang terpicat dengan jolokan iklan-iklan hebat daripada kaca televisyen dan sebagainya, tambahan pula dengan teknologi sekarang, dengan 'graphic design'nya yang begitu amat canggih dan menarik. Kita tidak salahkan anak-anak kalau tertarik dengan beberapa iklan yang begitu hebat tetapi tarikan iklan untuk memakan sesuatu bahan makanan, sekiranya tidak dikawal melalui Akta ini, akan dimasukkan di sini dengan begitu banyak, dengan begitu hebat, dengan harga yang agak murah kerana sudah ada perancangan untuk melambakkan barang-barang di sini.

Oleh kerana barang-barang ini dapat dimasukkan dengan cara itu, harganya murah maka pihak yang mengendalikan produk-produk ini, mempunyai kuasa wang untuk melabur lebih dalam bidang promosi dan iklan dan kalau ini anak-anak muda kita terpicat, kita sudah tidak mendapat kesannya yang kita harapkan, lebih-lebih lagi dari segi pertumbuhan mereka sebagai anak-anak kecil. Kalau kita melihat daripada segi eating habit, tabiat memakan kalau sudah daripada mula kita membudayakan mereka, kita menjadikan tabiat memakan dengan makanan yang tidak tinggi mutunya, maka akhirnya akan berterusan sehingga dewasa nanti, mereka akan tetap kagum dengan barang-barang yang mungkin diimport dengan cara lambakan tadi, kalau sekiranya Akta ini tidak dilaksanakan dengan jayanya.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua yang bersangkutan dengan ini yang hendak saya bangkitkan ialah mengenai barang pakaian. Ini pun ada kaitannya dengan pertumbuhan industri tempatan. Industri tempatan kita percaya mempunyai keupayaan untuk mengeluarkan bahan-bahan pakaian yang menarik lebih-lebih lagi kepada orang muda. Orang muda tertarik dengan fesyen yang kononnya hebat daripada Amerika, orang muda tertarik dengan pakaian jeans yang mempunyai jenama yang tertentu, yang mungkin dilonggok, dilambakkan di sini dengan tarikan bahawa ini menunjukkan maju jayanya orang muda kalau memakai jenama tertentu.

Anak-anak muda tertarik dengan pakaian jeans walaupun diconteng, diburuk-burukkan, dikoyak-koyakkan menunjukkan bahawa "oh, ini fesyen" atas nama fesyen kononnya. Tetapi kesan buruk daripada itu, selain daripada kesan tabiat untuk meniruniru yang Barat kerana tidak ada pilihan lain yang ada di negara kita.

Saya ingin menekankan perkara pilihan lain ini, supaya industri lain dalam Malaysia, industri tempatan yang diberi galakan oleh kerajaan untuk menguatkan daya pemikiran, kreativiti mereka untuk mengeluarkan bahan-bahan yang boleh menandingi barang-barang yang seperti ini. Perkara ini sebenarnya merosakkan cara hidup, cara sosial, cara anak-anak muda kita menjalankan kehidupan mereka dan menghabiskan masa lapang.

Perkara ini akan bertimbulk dan hasil kesan buruknya ialah masalah sosial yang kita hadapi, dan masalah sosial yang kita hadapi di sini sebenarnya kita boleh melihat masalah sosial yang telah pun dialami oleh negara-negara Barat. Oleh kerana

itu saya rasa pengilang-pengilang tempatan khususnya dan badan-badan lain yang berkaitan, patut melihat perkembangan ini dengan lebih strategik, dengan kaca mata yang lebih tajam supaya dimasukkan dalam perancangan penyelidikan dan pembangunan (research and development) untuk melihat dari segi pembentukan mengeluarkan bahan-bahan pakaian ini dari sudut itu.

Kita mungkin melihat ini sepintas lalu sebagai tidak ada kesan tetapi kalau kita melihat dengan kaca mata yang strategik, dari segi masalah sosial yang kita hadapi dan pelbagai masalah lain yang ada kaitan, saya rasa perkara-perkara yang saya bangkitkan ini adalah begitu amat relevan sekali. Oleh kerana itulah, saya rasa langkah yang diambil oleh pihak kementerian adalah amat berpatutan dan kena pada masanya.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ketiga dalam bidang ini yang saya hendak sebut ialah dalam bidang produk electrical, electronic product. Kita terkenal di Malaysia, negeri Pulau Pinang sebagai kawasan negeri yang banyak mengeluarkan bahan-bahan elektronik termasuk juga di Selangor dan beberapa tempat lain di Malaysia. Kadang-kadang negara Taiwan umpamanya, khususnya Korea dan Jepun menggunakan kita, mungkin kita tidak ada bukti tetapi umum mengatakan bahawa negara Taiwan, Korea dan Jepun kadang-kadang menggunakan Malaysia sebagai tempat lambakan mereka.

Saya rasa dalam bidang ini, perkara-perkara yang telah saya sebut dalam bidang pengeluaran pakaian dan juga dalam bidang makanan tadi adalah agak relevan walaupun kesannya adalah berlainan. Kesan dari segi elektroniknya ialah barang-barang ini kita tidak dapat menggunakan peruntukan kewangan yang kita ada itu untuk alternatif lain yang lebih baik. Kalau sekiranya kita dapat menentukan yang industri tempatan kita dalam bidang ini adalah lebih terkawal dan menentukan tidak ada lambakan dari negara luar dalam bidang elektronik, sebagai contoh pembuatan alat-alat komputer, pembuatan komputer itu sendiri, bila di'assemble'kan, bila dicantumkan, dirangkakan, disatukan sebagai satu alat komputer maka alat komputer tempatan akan menjadi lebih murah dan lebih setanding dari segi efektifnya dengan yang datang dari luar negara.

Masalah sekarang dalam soal untuk mengamalkan Sekolah Bestari umpamanya, dalam mengamalkan budaya IT yang dipromosikan ke seluruh negara umpamanya ialah kerana harga pasaran untuk alat-alat komputer dan alat-alat software, alat-alat perisiannya itu juga masih harganya tinggi. Kalau sekiranya harganya dapat kita bendung, melalui Akta yang begini baik dapat kita pertahankan kedudukan ini dan dengan kebolehan yang ditunjukkan oleh industri-industri di Pulau Pinang dan juga di Selangor dalam bidang elektrik, saya rasa kita berjaya muncul sebagai negara yang boleh mengeluarkan barang-barang IT yang handal, bukan hanya setakat kita dapat mempromosikan dengan begitu jayanya Multimedia Super Corridor di seluruh dunia tetapi kita juga berkemampuan untuk melihat dari segi perisian, dari segi alat-alat itu sendiri. Maka kalau ini dapat diberi pendekatan oleh kita, ertinya peranan kita dalam industri ini agaknya adalah lengkap. Tidaklah kita melihat hanya pada satu bidang sahaja dan kelengkapan ini terus membuktikan bahawa rakyat Malaysia bukan hanya bijak dan handal menjadi pengguna atau pembeli tetapi juga dapat mencipta dan mengeluarkan sesuatu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Haji Hashim.

3.59 ptg.

Datuk Haji Hashim bin Safin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua yang mengizinkan saya untuk turut membahas mengenai Akta Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan (Pindaan) 1998 ini.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya hendak mengucapkan syabas kepada kerajaan yang mengambil langkah persiapan secara konkrit untuk menghadapi globalisasi, untuk menghadapi perdagangan dunia biar apa pun yang berlaku kepada

negara kita seperti kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sama ada langkah kawalan modal ataupun sebagainya merupakan langkah sementara tetapi yang pasti kita tidak mahu ketinggalan untuk turut ada di pentas dunia dalam globalisasi khususnya di bidang perdagangan, apatah lagi kita turut memeterikan perjanjian dan persetujuan melalui perjanjian WTO yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sekejap tadi.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang disebut, yang sempat saya faham, kalau tersilap faham minta diperbetulkan, pindaan bercirikan kepada soal prinsip, definisi, terma-terma dan prosedur-prosedur yang harus dilengkapkan untuk menghadapi perubahan masa dalam menghadapi perdagangan moden, perdagangan secara global yang sedang dan akan kita tempuhi secara nyata menjelang tahun 2005 dan seterusnya.

Izinkan saya untuk mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri atau pihak kerajaan, apakah barang-barang yang dilambakkan dan seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz, sahabat saya dari Pahang sekejap tadi, dari negeri mana dan apakah cara lambakan yang telah dibuat oleh pihak-pihak tertentu kepada negara kita?

Kedua, saya tidak pasti apakah perkara yang disentuh ini merupakan bahan-bahan lambakan tetapi berdasarkan pemahaman saya setakat ini yang belum saya menerima penjelasan lanjut atau detail daripada kementerian, saya ingin membangkitkan beberapa perkara. Pertamanya saya terbaca satu laporan akhbar yang mengatakan sejumlah tertentu kereta-kereta yang diseludup masuk, kereta mewah Pajero dan sebagainya bernilai berjuta-juta ke negara ini yang sempat ditangkap yang belum atau cara lain dibawa masuk belum pasti, apakah kereta-kereta semacam ini boleh diistilahkan sebagai bahan lambakan. Pada pemikiran saya mungkin ada unsur-unsur sama ada lambakan secara terus atau secara tidak disedari, kerana kita juga sedang mempunyai industri tempatan, pengeluaran kereta tempatan sama ada yang kecil, sederhana bahkan yang bertaraf mewah pun industri kereta kita sudah bersedia untuk menghadapi saingan dengan industri kereta negara lain bahkan kita sudah menjangkau ke dunia luar untuk pasaran kenderaan di negara kita.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, ialah mengenai filem-filem video ke rumah-rumah, ataupun home video, dengan izin, yang merupakan satu perkara yang pada pemikiran saya merupakan satu lambakan yang besar berlaku berdasarkan jumlah pengedaran dan juga berdasarkan pengeluaran ataupun melalui satu laporan yang saya dapati penggunaan wang untuk membayar video rumah ke rumah ini. Saya mendapat kefahaman, sejumlah hampir RM100 juta setahun wang Malaysia mengalir keluar negara hanya untuk membayar filem-filem daripada Hong Kong yang diedarkan oleh pengedar-pengedar home video di Malaysia yang lebih berminat untuk mengedar filem-filem video daripada Hong Kong di negara kita. Itu bentuk bayaran royalty yang diberi oleh pengedar-pengedar tempatan sedangkan untuk maklumat kita dan kita faham ada syarikat tempatan yang berkemampuan, yang berkebolehan, yang cukup kepakaran untuk mengeluarkan filem video rumah ke rumah ini kepada masyarakat Malaysia.

Saya setelah mendapat maklumat ini saya berbincang dan menemui syarikat pengeluar tempatan yang bernama HVD Entertainment Sdn. Bhd. dan mendapat penjelasan bahawa syarikat ini memang merupakan pilihan untuk pengedaran filem-filem tempatan. Pihak kerajaan telah pun melalui, di dalam taklimat yang saya dapati, FINAS telah pun menetapkan 30% sekurang-kurangnya syarikat-syarikat pengedar-pengedar filem video rumah tempatan ini mesti mengedar filem tempatan tetapi setakat ini tidak sampai 2%, 98% adalah diimport daripada Hong Kong dan diedarkan di negara kita dan inilah yang menyebabkan perkara ini saya timbulkan.

Saya melihat, Tuan Yang di-Pertua, dari segi implikasi pertama mengikut taklimat yang diberi oleh syarikat pengeluar video tempatan itu ialah di kalangan artis-artis mereka. Di tengah kegawatan ekonomi mereka terpaksa memberhentikan ratusan artis, yang sebelum ini dapat diberi pekerjaan melalui pengeluaran drama dan

sebagainya dan dapat memberi rezeki kepada artis-artis. Dan saya rasa ke semua kita amat menyedari sekarang kita selalu melihat dan baca di akhbar ada celebrity corner di Pandan Indah, ada yang saya sudah pergi satu tempat artis corner di KLI Hotel, dan semalam yang saya jumpa artis platform di Taman Permata, yang setakat ini saya jumpa Sabri Yunus, manakala yang lain-lain saya belum jumpa lagi. Gambaran yang saya lihat bahawa artis-artis ini terpaksa berikhtiar mencari makan melalui menjual mee, nasi ayam, sate, roti canai dan sebagainya, yang sebelum ini tidak pun mereka terlibat, kerana bidang mereka di bidang lakonan. Bagilah peluang orang lain yang sudah berkecimpung jual nasi lemak, tetapi sekarang terpaksa bertumpu sudahlah arcade itu kecil berpusu-pusu setempat. Saya yakin kalaulah perkara ini dapat kerajaan mengambil tindakan sekarang melalui MITI ini, tetapi saya sentuh ini barangkali ada berkaitan dengan pelaksanaan oleh FINAS untuk memastikan pengedar-pengedar video rumah tempatan ini memastikan penggunaan kalau boleh 30%, 2% kepada 30% sudah 28%, berapa banyak filem tempatan boleh dikeluarkan, berapa ramai artis tempatan boleh berlakon, tidak payah hendak jual nasi lemak, mee goreng di stall, yang selama ini dimanfaatkan oleh golongan kecil yang menjual siang dan malam.

Kedua saya lihat, kita juga bertepatan, kita juga sedang membuat kempen belilah barang Malaysia, pengeluaran filem Malaysia, tidak. Masih ada berlaku pengimportan bahan-bahan daripada Hong Kong khusus dalam soal filem ini. Jadi, apa salahnya kerajaan bertegas dalam saat ini bersesuaian dengan kegawatan ekonomi untuk mengawal pertukaran asing kita keluar negara maka amat baik kalau kerajaan bertegas untuk memastikan pelaksanaan kawalan 30% penggunaan pengeluaran tempatan di industri filem video rumah ini. Di samping itu Tuan Yang di-Pertua, kita melihat kalau filem-filem video yang diimport daripada Hong Kong, kita membawa banyak budaya Hong Kong, sedangkan kita sedang menghadapi masalah budaya sosial, masalah budaya kuning dan sebagainya lebih baik budaya tempatan kita diperkenalkan melalui filem kita. Dan yang lebih penting yang saya difahamkan filem daripada HVD ini bukan hanya untuk tempatan, tempatan ini adalah sebagai satu tempat untuk membiak, akhirnya perkembangan terus pergi keluar negeri. Saya bercakap dengan seorang kawan semasa berada di Beijing, dia terperanjat melihat satu filem dan di dalam filem itu gambarannya adalah kawasan hijau di sekitar Kuala Lumpur dia pernah tengok dan lihat, rupa-rupanya filem itu adalah filem daripada Malaysia yang dijual oleh HVD ke Beijing, ke Timur Tengah, ke Kanada dan sebagainya.

Ini bermakna pengeluar filem HVD ini berkemampuan, di negeri China sudah beli tetapi kita Hong Kong bawa masuk. Saya tahu HVD ini adalah satu pihak yang mempunyai R&D yang cukup banyak dan berkemampuan mengeluarkan filem yang baik tetapi masih berlaku di kalangan syarikat tempatan yang tidak mempunyai keyakinan kepada industri tempatan sendiri dari segi perfileman ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyarankan soal ini supaya pihak kerajaan menyelaraskan tindakan yang sewajarnya supaya pelaksanaan kuota 30% di samping memastikan tindakan yang tegas dan kalau perlu mencadangkan kepada pihak kerajaan untuk memastikan pindaan kepada akta tertentu untuk memastikan denda yang lebih tinggi kerana saya difahamkan denda sekarang terlampau kecil – hanya RM1000 kepada mana-mana pengedar yang tidak mematuhi peraturan 30% dan RM1000 adalah terlalu kecil berbanding dengan keuntungan mereka yang barangkali ada yang sampai berpuh ribu sebulan di dalam penjualan dan pengedaran video rumah ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh soal pakaian seperti yang disebut oleh sahabat saya, Dato' Ghazi Ramli sebentar tadi. Memang saya juga berkesempatan untuk memahami pengeluaran kilang-kilang pakaian. Saya difahamkan bahawa syarikat tempatan kita juga mempunyai kemampuan untuk setanding dari segi kualiti barang-barang yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat luar dari segi T-shirt, dengan izin, ataupun pakaian-pakaian lain sama ada jeans, baju kemeja biasa dan sebagainya, bahan teruji dengan harga yang berpatutan. Kalau barang-barang import bernilai beratus ringgit sehelai tetapi keluaran tempatan RM50 dan sebagainya.

Perkara ini perlu diberi perhatian oleh pihak kerajaan untuk memastikan keluaran bahan tempatan mendapat pasaran yang baik dan berusaha supaya pakaian kita juga melalui usaha-usaha kempen dan sebagainya untuk memastikan mendapat jenama yang baik dan dapat diterima oleh masyarakat kita kerana saya yakin seperti yang disebutkan oleh Dato' Ghazi sekejap tadi, soal psikologi kepada pemakai-pemakai ini. Mereka melihat orang Barat itu sebagai satu wira ataupun satu kebanggaan, apa dikempen melalui televisyen - yang dipakai oleh orang-orang Barat, walaupun kotor, sempit, singkat dan sebagainya menjadi contoh kepada anak-anak muda kita tetapi barang tempatan dari segi pengiklanan tidak mendapat tempat ataupun tidak ada usaha-usaha untuk memastikan pengiklanan itu boleh mempengaruhi keluaran tempatan kita dari segi pakaian, maka dari segi pembelian ianya tidak mendapat tempat di hati pihak pengguna.

Perkara ketiga yang perlu saya sentuh dan ada kaitan, saya fikir dengan soal lambakan ialah apa yang dibuat oleh syarikat-syarikat edaran terus (direct selling). Barangkali apabila disebut edaran terus ia ada kaitan dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna tetapi biar apa pun, ada syarikat-syarikat yang saya difahamkan oleh beberapa kawan yang mengatakan mengedarkan barang-barang yang murah atau barang-barang yang sudah melampaui tempoh sah laku penggunaan barang tersebut. Perkara ini amat membimbangkan dan perlu mendapat penjelasan daripada pihak kerajaan untuk memastikan ianya tidak dilakukan oleh syarikat yang berkepentingan yang hanya melihat keuntungan diri tanpa mengira kesan, apatah lagi kalau yang diedar itu ubat-ubatan yang boleh menjejaskan kesihatan pihak pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyebut - kebetulan saya ini bersempadan dengan Thailand - Tanah Merah khususnya melalui Golok. Pekan kecil Golok yang besar perdagangannya terutamanya barang-barang seludup dari Golok ke Malaysia iaitu baranag-barang tiruan. Ini juga saya ingin mendapat jaminan pihak kerajaan untuk memastikan barang-barang ini tidak diseludup dengan begitu banyak dengan jenama-jenama yang baik seperti Dunhill dan bermacam-macam jenama yang ditiru oleh pihak Thailand, kemudian barang itu dimasukkan ke Malaysia dan dijual di pasar-pasar malam, bahkan di pasar-pasar tertentu. Saya difahamkan sesetengah peniaga yang tidak bertanggungjawab - di supermarket juga ada penipuan yang kononnya pada pandangan rakyat iaitu pihak pengguna mungkin supermarket yang besar ini tidak menjual barang tiruan tetapi ada juga yang mengambil kesempatan menjual barang tiruan melalui jenama-jenama international yang terkenal itu.

Jadi, saya ingin mendapat kepastian bagaimana pihak kementerian khususnya pihak kerajaan dapat mengambil tindakan sewajarnya di atas perkara-perkara yang saya sebut tadi tidak berlaku di dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, dengan beberapa pandangan itu saya juga turut menyokong Rang Undang-undang Akta Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan (Pindaan) 1998 ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Puan Kamilia.

4.16 ptg.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk turut membahaskan rang Undang-undang meminda Akta Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1993.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya perhatikan dalam pindaan rang undang-undang ini ialah ianya merupakan satu pindaan yang agak major kerana banyak pindaan yang dibuat dan pindaan-pindaan yang dibuat juga merupakan pindaan-pindaan yang terperinci. Jadi, sewajarnya pindaan ini dibuat atas keperluan semasa terutamanya untuk penyelarasan liberalisasi perdagangan dan untuk kita selari dengan kehendak-kehendak WTO.

Saya juga mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah kepada pihak Kementerian yang berkenaan dan juga saya mengucapkan tahniah kerana didapati pindaan-pindaan ini menepati kehendak-kehendak ketepatan bagi memudahkan pelaksanaan dan penguatkuasaan selain daripada memberi perlindungan kepada perkara-perkara yang melibatkan duti timbal balas dan antilambakan. Walau bagaimanapun, saya merasakan bahawa mungkin pihak Kementerian perlu memberi perhatian bahawa rang undang-undang seperti ini ataupun undang-undang akta seperti ini perlulah diberi ruang untuk budi bicara dan undang-undang ini juga perlulah merupakan undang-undang yang sentiasa akan tertakluk kepada perubahan-perubahan semasa. Justeru itu, saya tidak dapat memastikan dalam Akta induk sama ada kuasa Menteri adalah diberi kuasa budi bicara yang luas agar apabila tindakan-tindakan tertentu perlu dilaksanakan, maka budi bicara Menteri boleh digunakan tanpa perlunya Akta ini dibawa ke Parlimen untuk dipinda kerana untuk tujuan perniagaan dan perdagangan, kita sedia maklum tindakan yang cepat dan tepat itu perlu diambil tanpa menunggu masa.

Tuan Yang di-Pertua, ini merupakan satu rang undang-undang yang dikemaskinikan kerana ianya adalah satu rang undang-undang yang telah diaktakan dalam tahun 1993. Saya perhatikan bahawa seperti mana yang dikatakan oleh pihak kerajaan semasa membentangkan rang undang-undang ini bahawa tiga perkara penting yang merupakan ciri-ciri dalam Rang Undang-undang ini iaitu dari segi, pertamanya, prinsip dan definisi dan terma-terma. Saya lihat memanglah dari segi apa yang diperkatakan, dari segi prinsip dan dari segi definisi dan terma, ini memang nyata banyak huraian yang dibuat dengan terperinci kerana mungkin banyak masalah yang telah dihadapi untuk kita sama-sama dalam perdagangan untuk melawan, jika tidak melawan sekalipun, untuk kita berdepan dengan negara-negara dagangan luar yang sentiasa lebih kompetitif dan sentiasa mengambil peluang, kalau boleh, untuk melemahkan rakan-rakan dagangan yang lain terutamanya dengan menggunakan peraturan-peraturan ataupun atas alasan liberalisasi ataupun globalisasi.

Saya dapati dibawah definisi Fasal 19, bahawa pihak kerajaan telah menentukan tentang harga kerana saya percaya untuk menentukan duti yang dikatakan dalam rang undang-undang ini, perlulah ada definisi yang khusus untuk menentukan harga sama ada harga itu normal price dan sebagainya kerana ianya akan menentukan sama ada barangan-barangan yang akan menjadi subjek kepada duti-duti yang dikenakan itu akan sangat bergantung kepada perkara-perkara yang perlu didefinisikan dengan tepat di dalam rang undang-undang ini. Cuma soalan saya ialah sama ada mungkin pihak Kementerian dapat memberi jawapan bahawa definisi, prinsip-prinsip dan terma-terma yang telah pun dimasukkan yang saya tidak sempat untuk memperkatakan kerana kita tidak mempunyai cukup masa untuk membuat satu-persatu tetapi saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak MATRADE ataupun daripada pihak Kementerian sama ada kepakaran yang sewajarnya, pendidikan yang sewajarnya dan juga maklumat-maklumat dan juga data-data yang tertentu telah diperolehi dalam membuat pindaan-pindaan rang undang-undang ini kerana kita dapati bahawa seperti yang saya katakan tadi, ketepatan maklumat, ketepatan tindakan, ketepatan kita membuat keputusan terutamanya dalam merangka rang undang-undang itu adalah sangat penting.

Tuan Yang di-Pertua, yang keduanya ialah ciri yang kedua yang disebutkan oleh pihak Kementerian yang merupakan ciri-ciri rang undang-undang ini ialah prosedur dan perjalanan siasatan. Saya juga dapati bahawa rang undang-undang ini memperincikan prosedur tentang perjalanan siasatan. Kita tahu bahawa dalam menjalankan tindakan-tindakan dalam rang undang-undang ini untuk pembuatan-perbuatan antilambakan dan sebagainya. Ini memerlukan siasatan, soalnya ialah adakah pihak Kementerian mempunyai kepakaran yang mencukupi dan seterusnya apakah mekanisme yang diwujudkan itu mekanisme yang dapat menepati tuntutan rang undang-undang ini. Saya ingin mencadangkan ataupun ingin memberi ingatan bahawa birokrasi yang kita wujudkan itu perlulah birokrasi yang efisien, kalau kita mahu birokrasi yang efisien tentu sekalilah kita mahu kepakaran pegawai-pegawai yang

tinggi, agar apa yang diwujudkan sebagai peraturan-peraturan bagi perjalanan siasatan itu adalah merupakan peraturan yang mudah, tidak banyak 'red tape' tetapi menepati tujuan dan matlamat. Ianya perlulah telus kerana kita tahu kalau dari segi peringkat antarabangsa ketelusan itu adalah sangat penting.

Saya lihat juga dalam tempoh masa ataupun time frame, mengikut Fasal 17, Duti Anti-Lambakan contohnya, tempoh masa yang perlu ianya boleh dikenakan Duti Timbal Balas. Jadi pada hemat saya, adakah masa time frame, dengan izin, yang diperuntukkan itu merupakan masa yang mencukupi dan masa yang munasabah untuk memastikan siasatan dan tindakan-tindakan dapat dilaksanakan dengan lebih efisien dan saya juga ingin mengingatkan bahawa kaedah siasatan yang akan dilakukan seperti mana yang disebutkan di sini juga akan dapat dilaksanakan dengan seefisien mungkin kerana kalau kita lihat daripada aspek siasatan, contohnya dalam Fasal 23, untuk kajian kesahihan dokumen-dokumen, apakah pihak kementerian telah memikirkan atau mungkin sedang memikirkan tentang tempoh masa yang diperlukan agar tidak menjadi satu masalah kepada pihak kementerian.

Kita dapati bahawa masalah siasatan ini untuk mengetahui sama ada wujudnya lambakan itu adalah satu prosedur yang tedious yang memerlukan masa dan memerlukan dokumen-dokumen untuk dapat menunjukkan wujudnya kesalahan tersebut. Bagaimanakah pihak kementerian akan melaksanakan tugas-tugas ini, mungkin pihak kementerian dapat menjawab.

Saya ingin juga menyuarakan di sini tentang adanya pihak yang merungut tentang lambakan kimia pertanian yang dikatakan banyak terdapat di negara ini. Jadi apakah tindakan yang telah dibuat oleh pihak kementerian untuk memastikan tidak berlakunya lambakan, apakah duti antilambakan akan dikenakan dan apakah pihak kementerian memberi perhatian dan pengkhususan kepada kimia pertanian, umpamanya racun-racun rampai, serangga dan sebagainya. Ini adalah penting kerana ianya akan melibatkan kesihatan kepada pengguna-pengguna racun terutamanya petani-petani dan selalunya yang mendapat racun ataupun kimia-kimia racun untuk pertanian, ini adalah mereka di luar bandar yang selalunya mungkin tidak berapa arif tentang apa yang mereka perolehi sama ada baik atau tidak untuk kesihatan mereka. Jadi adalah merupakan tanggungjawab bagi pihak kerajaan untuk memastikan lambakan kimia-kimia terutamanya yang menjejaskan kesihatan ini dapat diberi perhatian yang serius.

Tuan Yang di-Pertua, yang ketiganya saya juga ingin menyentuh perkara-perkara pentadbiran am yang disebutkan tadi. Saya juga ingin mendapat kepastian daripada pihak kementerian tentang pemakaian undang-undang ini, adakah undang-undang ini akan dipakai kepada negara-negara luar. Pasti kita akan mengenakan bagi mereka yang telah mencabuli ataupun perlu dikenakan duti-duti antilambakan ini dan juga CVD. Jadi persoalannya, ialah bagaimanakah sebenarnya kita hendak mengimbangkan persahabatan perdagangan dan dalam masa yang sama juga mengenakan undang-undang ini kepada rakan perdagangan kita, agar ianya tidak menjejaskan kepada perhubungan perdagangan dan saya dapati juga memang ada beberapa negara telah mengenakan kita undang-undang ini seperti Amerika, Australia, Kanada dan saya nampak Singapura juga ada mengenakan ke atas kita atau telah mengambil tindakan, on anti-dumping connecting countervailing duties and anti-conservation against Malaysian exports.

Jadi di sini, bagaimanakah dapat satu perseimbangan yang boleh kita wujudkan di antara negara-negara sahabat perdagangan kita untuk kita pastikan, walaupun kita ada undang-undang ini. Walaupun kita hendak melindungi negara kita daripada perkara-perkara yang menjejaskan perdagangan dan perniagaan kita. Bagaimanakah kita dapat melaksanakan undang-undang ini, adakah kerajaan bercadang untuk mewujudkan satu trade mission, khusus tentang antilambakan dan anti-countervailing duties and anti-conservation ini dan bagaimanakah kita akan dapat bekerjasama dengan mereka kerana maklumat-maklumat yang diperlukan untuk melaksanakan undang-undang ini juga perlu diperolehi daripada negara-negara lain.

Tuan Yang di-Pertua, jadi perkara-perkara ini juga saya dapati di dalam rang undang-undang ini mungkin tidak disebutkan tetapi mungkin ada peraturan-peraturan ataupun persefahaman di antara negara-negara yang boleh diterangkan oleh pihak kementerian dan seterusnya mungkin juga perlu diambil perhatian oleh pihak kementerian dalam pelaksanaan rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong rang undang-undang yang telah dibentangkan dan saya juga berharap bahawa pihak kementerian akan terus melaksanakan tugas-tugasnya dan selama ini juga kita perlu memberi pengiktirafan kepada usaha-usaha Yang Berhormat Menterinya, Dato' Seri Rafidah Aziz dalam kejayaan-kejayaan beliau menarik banyak pelaburan daripada luar negara. Tentu sekali rang undang-undang ini akan membantu lagi pihak kementerian untuk mempertingkatkan pelaburan dan seterusnya mempertingkatkan perdagangan negara untuk memulihkan ekonomi negara.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri akan menjawab.

4.30 ptg.

Dato' Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bangun membahaskan mengenai Rang Undang-undang ini.

Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman membangkitkan perdagangan mata wang yang bebas boleh menjahanamkan ekonomi negara dan dunia, ramai pakar ekonomi dan pemimpin-pemimpin negara lain telah berpendapat supaya perkara itu dikawal dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia dan juga Menteri Kewangan Malaysia ini telah mencadangkan perkara ini dan disambut oleh negara yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, ini bukan bidang Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri untuk menjaga perdagangan mata wang. Oleh sebab itu saya mengucapkan terima kasih tetapi tidak boleh menjawab lebih lanjut daripada itu.

Yang Berhormat Dato' juga membangkitkan perkara yang berkenaan, di sini saya ingin memberikan sedikit penjelasan. Akta itu yang digubalkan pada tahun 1993, dan dari 1993 hingga sekarang Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri telah mengambil tindakan-tindakan:

- (i) terlibat alas lantai PVC dikuat kuasa ini pada 16 Mac 1996 hingga 15 Mac 2001. Negara-negara yang terlibat iaitu Thailand dan Korea;
- (ii) Self-copy paper dikuat kuasakan pada 20 April 1997 hingga 19 April 2002. Negara-negara yang terlibat ialah Kesatuan Eropah dan Indonesia; dan
- (iii) Corrugating Medium Paper dikuat kuasakan pada 4 April 1998 hingga 2 April 2003. Negara-negara yang terlibat ialah Kesatuan Eropah, Australia, Indonesia dan Korea.

Di dalam masa yang sama, ada juga negara-negara lain yang mengambil tindakan antilambakan ke atas Malaysia. Negara-negara itu ialah Kesatuan Eropah, ia mengambil lapan tindakan dan di negara-negara seperti Amerika Syarikat, Australia, Brazil, Korea dan Singapura masing-masing mengambil satu tindakan.

Tuan Yang di-Pertua, antilambakan itu akan diambil dalam kes di mana harga di dalam negara yang berasal itu lebih tinggi daripada harga jualan di negara kita dan juga jualan di negara kita ini mendatangkan kemudharatan kepada industri Malaysia sahaja. Bukan semua harga barangan murah yang datang dari Malaysia ini kita

mengambil tindakan. Sebab ini akan mendatangkan lebih banyak manfaat kepada Malaysia, rakyat Malaysia boleh beli barangan yang murah. Kalau begitu kenapa kita tidak menyambut perkara ini?

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Ghazi bin Haji Ramli, beliau mengatakan pertubuhan WTO mustahak dalam bidang perniagaan antarabangsa dan ini berkaitan dengan galakan keluaran barangan tempatan. Ini memang betul, dan barangan tempatan yang bermutu itu tidak menghadapi persaingan. Kita cuma mengambil tindakan dalam satu perkara iaitu barangan tempatan yang bermutu itu tidak menghadapi persaingan yang tidak akhir daripada barangan import. Barangan import yang mempunyai kandungan subsidi atau melambakkan dengan harga yang murah dan turut mendatangkan kemudaratan kepada industri. Dalam kes itu sahajalah yang kita mengambil tindakan dan Akta 504 itu tidak melindungi barangan tempatan yang tidak bermutu atau tidak mencapai kualiti yang ditetapkan itu.

Berkenaan dengan makanan, kerajaan sentiasa menjaga mutu dan harga makanan yang diimportkan itu sama ada harga itu rendah daripada harga negara asal. Harganya ini kita yang menentukan kalau harga di negara asal itu rendah, dia memasarkan ke Malaysia pun rendah, maka ini bukan satu kes untuk kes antilambakan.

Berkenaan dengan pakaian, sebenarnya Malaysia mengeksport barang-barang tekstil dan pakaian dengan harga yang kompetitif dan rekaan yang moden, ini tidak menjadi masalah. Elektronik dan electrical, ini menjadi satu barangan yang terbesar sekali di dalam bidang eksport. Di dalam semua barang eksport electronic and electrical (ENE) product ini menduduki sebanyak 56%. Jadi mutunya tidak menjadi masalah perkara masalah lambakan itu pun tidak timbul di dalam perkara ini.

Yang Berhormat Datuk Haji Hashim bin Safin juga membangkitkan dan minta penjelasan, tetapi penjelasan itu sudah saya jelaskan kepada Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman berkenaan dengan berapa tindakan kita ambil terhadap negara yang lain yang melambakkan barangan ke Malaysia dan juga berapa negara yang dikenakan antilambakan itu ke atas Malaysia.

Perkara-perkara yang lain berkenaan dengan penyeludupan kereta ke Malaysia, video home, video, pakaian, edaran terus dan ini tidak kena mengena dengan pindaan Akta ini.

Yang Berhormat Puan Kamalia binti Ibrahim membangkitkan berkenaan dengan kuasa menteri. Sebenarnya tiap-tiap akta itu, menteri mempunyai kuasa untuk menggunakan budi bicara ketika menghadapi sesuatu masalah. Dan kementerian mempunyai pegawai yang competent di dalam bidang ini untuk menguruskan akta yang berkenaan dan pegawai-pegawai itu memahami prinsip, dasar, prosedur, mekanisme dalam perkara ini.

Berkenaan dengan barang-barang kimia, racun yang merbahaya kesihatan petani, kerajaan mengawal perkara ini melalui Kementerian Kesihatan. Dalam melaksanakan Akta ini semua ahli WTO mesti memastikan supaya mereka meminda undang-undang untuk menyelaraskan dengan perjanjian WTO dan Malaysia mengambil tindakan ke atas negara-negara yang lain, negara-negara yang lain juga akan mengambil tindakan antilambakan terhadap Malaysia dalam perkara yang sama melalui prosedur yang sama dan mekanisme yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, itulah jawapan saya yang dapat diberikan kepada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 39 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL

MERENTIKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 82(1)

4.40 ptg.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 82(1) dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, Majlis Mesyuarat dengan ini merentikan kuat kuasa Peraturan Mesyuarat 26(3) bagi membolehkan usul Ahli Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin dibahas dan diputuskan pada hari ini.

Datuk Christine Vanhouten: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa usul sebagaimana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan itu tadi, hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 82(1) dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, Majlis Mesyuarat dengan ini merentikan kuat kuasa Peraturan Mesyuarat 26(3) bagi membolehkan Usul Ahli Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin dibahas dan diputuskan pada hari ini.

USUL

Pencerobohan Amerika Syarikat dan Britain Ke Atas Iraq – Hak Asasi Manusia Dicapuli

4.42 ptg.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana membenarkan saya membawa Usul ini, dengan izin, Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin akan mencadangkan:

Bahawa kedaulatan dan hak asasi manusia di negara Iraq telah dicapuli akibat tindakan pencerobohan kuasa besar Amerika Syarikat dan Britain pada pukul 12.49 pagi ini waktu Baghdad ataupun pukul 6.00 pagi 17 Disember 1998 waktu Malaysia;

Bahawa kedaulatan dan hak asasi manusia di negara Iraq telah terus dicabuli oleh pihak Amerika dan Britain tanpa ada sebab musabab yang sah dan rasional;

Bahawa kegagalan Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu mengambil tindakan tegas dengan menghalang pihak Amerika Syarikat dan Britain dari terus membuli dan menyerang negara Iraq secara melulu;

Bahawa serangan bersenjata oleh Amerika Syarikat dan Britain dan sekatan ekonomi oleh Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu yang telah berlarutan selama lebih dari 8 tahun tidak boleh membawa keamanan dan penyelesaian sebagaimana yang dihasratkan oleh masyarakat antarabangsa; dan

Bahawa Amerika Syarikat dan Britain tidak menghormati dan tidak mempedulikan sensitiviti umat Islam yang akan menyambut kedatangan bulan puasa yang mulia khususnya bagi masyarakat Iraq yang berada di dalam ketakutan dan kesedihan.

Dengan ini Majlis Mesyuarat Dewan Negara mengambil ketetapan seperti berikut:

- (i) mengutuk pencerobohan dan segala bentuk pencabulan hak asasi manusia oleh pihak Amerika Syarikat dan Britain ke atas negara Iraq;
- (ii) mempertikaikan dakwaan pihak negara Amerika Syarikat dan Britain yang telah berselindung di bawah Resolusi Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu 687 yang membenarkan mereka menyerang negara Iraq sedangkan perkara ini masih lagi menjadi perdebatan;
- (iii) mencurigai tindakan menyerang ke atas Iraq oleh pihak Amerika Syarikat dan Britain sedangkan di negara seperti Israel, Bosnia dan Kosovo yang mengalami masalah keganasan dan pencabulan hak asasi manusia yang lebih teruk, tetapi tidak diambil tindakan dengan segera oleh Amerika Syarikat dan Britain sebagaimana yang telah dilakukan ke atas negara Iraq;
- (iv) meminta Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu bersidang segera dan mengambil ketetapan untuk memberhentikan serangan yang kejam ini;
- (v) menggesa Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu menarik balik sekatan ekonomi yang telah dikenakan sejak lebih daripada 8 tahun yang mana telah mengakibatkan penderitaan yang amat teruk menyebabkan kematian kanak-kanak Iraq berjumlah hampir 1.5 juta orang; dan
- (vi) Majlis Dewan ini membuat ketetapan menyampaikan Resolusi ini kepada pihak Wisma Putra untuk disampaikan dengan segera ke Kedutaan Amerika Syarikat dan Pesuruhjaya Tinggi British di Kuala Lumpur dan ke Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu di New York.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengupas sedikit berkenaan dengan usul yang baru saya bawa tadi.

Tuan Yang di-Pertua, pada pagi ini kita semua berasa sedih dan saya khususnya, berasa sedih, apabila mendengar bahawa pada pukul 12.49 pagi tadi, waktu Baghdad, bersamaan 6.00 pagi waktu Malaysia, satu operasi yang dinamakan 'Desert Fox' telah dijalankan oleh pihak Amerika dan sekutunya. Amerika Syarikat telah menggunakan Tomahawk cruise missiles yang ditembak dari salah sebuah kapal yang berada di rantau itu. Sasaran dan serangan itu ialah sebuah istana presiden Saddam Hussein berpusing yang terletak lebih kurang 1 batu di luar Baghdad. Serangan itu telah pun menghala kepada Baghdad, Utara Baghdad dan Selatan Baghdad. Maklumat lanjut mengenai bilangan kecederaan, jumlah peluru berpandu yang dilancarkan masih belum diketahui dengan tepat lagi tetapi adalah diketahui bahawa 100 peluru Tomahawk telah dilancarkan bertubi-tubi ke negara Iraq khususnya di Baghdad.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Amerika Syarikat mendakwa bertindak di bawah Resolusi 687 Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu tetapi Tuan Yang di-Pertua, ini masih lagi boleh dipertikaikan kerana kesungguhan Resolusi 687 memberi kuasa kepada Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk mengambil tindakan ketenteraan terhadap Iraq jika Iraq tidak memberi kerjasama kepada UNSCOM untuk menjalankan pemeriksaan senjata berbahaya ataupun dengan izin, senjata mass destruction. Tetapi kita kurang pasti Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu telah memberi kuasa kepada Amerika Syarikat dan Great Britain untuk berbuat demikian.

Presiden Clinton mengatakan bahawa Amerika Syarikat akan mengambil tindakan serangan udara yang tegas dan berterusan disebaliknya pula itu, beliau berkata "untuk menghormati bulan puasa bulan yang mulia untuk orang Islam, serangan itu dilakukan sebelum bulan puasa dan tidak diserang dalam bulan puasa" tetapi dalam ucapannya dia berkata, "serangan udara yang tegas dan berterusan" inilah cakap yang lidah bercabang, cakap tidak serupa, bikin tidak serupa.

Tuan Yang di-Pertua, Setiausaha Pertahanan Amerika Syarikat, William Cohen mengatakan operasi ini tidak terbatas dan tidak dijangka waktu yang ditetapkan, dengan izin, "just no time limit," saya rasa sampai habis semua negeri Iraq itu jahanam barulah berhenti barangkali. Saya hendak sebut sedikit, dari segi reaksi negara-negara yang tertentu.

Negeri China, membantah dengan kerasnya penggunaan kekerasan. Serangan ini mengancam kestabilan rantau itu. Rusia, Richard Butler telah melampaui bidang kuasanya, mengecam serangan ini dan mahu mengadakan mesyuarat tergepar Majlis Bangsa-Bangsa Bersatu diadakan dengan segera – itu dari pihak Rusia.

Perancis, menyesali dengan rentetan peristiwa yang membawa kepada serangan ini. Jerman, kesal dengan tindakan Amerika dan kita Dewan yang mulia ini mengutuk serangan ini dengan sekeras-kerasnya.

Di Bosnia, Amerika Syarikat bertindak lambat selepas dua tahun baru bertindak setelah beribu-ribu mati dibunuh oleh pihak Serb baru ada tindakan sedikit.

Di Kosovo, tidak ada tindakan sehingga kini. Kalau adapun tindakan-tindakan yang tidak berkesan. Mengapa, Tuan Yang di-Pertua, perkara ini jadi begitu?

Negara Israel boleh buat apa dia suka tanpa tindakan dari Amerika Syarikat seperti tidak mematuhi Resolusi 497 yang dikuatkuasakan pada tahun 1981. Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu meminta Israel mengundurkan diri dari Bukit Golan Hight, sampai sekarang masih belum dipatuhi resolusi ini. Begitu juga dengan tidak mematuhi Resolusi 478 yang dikuatkuasakan pada tahun 1980 iaitu Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu yang meminta Israel jangan meminta pula negara-negara menukarkan kedutaannya ke Baitulmuqaddis, iaitu Jerusalem.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya minta tanya sedikit, negara mana yang disebutkan tadi 'Isral'? Saya kurang pasti.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Israel.

Timbalan Yang di-Pertua: Dalam bahasa Inggeris betul itu "Israel", bukan "Israil".

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, Dato' Aziz hendak merekodkan dalam *Hansard*, terima kasih Dato' Abdul Aziz. Israel [*membetulkan sebutan*]. Tetapi sudah biasa sangat dengan "Isral" itu jadi tidak sebut "Israel", kalau orang Melayu sebut "Israil".

Timbalan Yang di-Pertua: Sudah campur sedikit dengan bahasa Inggeris.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Sudah campur sedikit sebab kita tengok berita di televisyen dalam bahasa Inggeris, tetapi kita tidak berikut-ikut jejak yang dibawa oleh Amerika. Amerika Syarikat telah menyerang Nicaragua dan menangkap Jeneral Norega kerana disyaki terlibat dalam pengedaran dadah. Serangan ke atas sebuah negara yang berdaulat dan merdeka menunjukkan Amerika Syarikat menolak kedaulatan negara itu.

Serangan ini berlaku semasa umat Islam seluruh dunia bersedia menjalani ibadah puasa di bulan Ramadan yang mulia. Ini menunjukkan Amerika Syarikat tidak menghormati sensitiviti umat Islam. Mengapa dilakukan sebelum bulan puasa?. Sebelum bulan puasa ini umat Islam hendak bersedia untuk menyambut bulan yang mulia. Masa inilah masa yang amat ketara pada kita, mana yang tidak ada duit, cuba mengeluarkan duit dalam simpanannya untuk membeli makanan-makanan untuk persediaan bulan puasa, mengapa masa ini pula dibuat serangan? Ini yang sedih sekali kepada saya. Tidak langsung menghormati Agama Islam pada saya, kepada semua sahabat saya pun begitu juga.

Akibat tindakan sekatan yang didalangi oleh Amerika Syarikat, sebanyak 1.5 juta kanak-kanak meninggal dunia di Iraq. Mengapakah kanak-kanak yang tidak berdosa ini menjadi mangsa kepada kekejaman Amerika Syarikat. Mengapa budak yang tidak berdosa yang akan hidup berguna pada negara Iraq, mengapa mereka ini dipaksa untuk

Tuan Yim Chee Chong: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua: Hendak minta laluan?

Tuan Yim Chee Chong: Tuan Yang di-Pertua, saya minta laluan. Saya tidak faham macam mana sekatan ekonomi Amerika Syarikat boleh mengakibatkan kanak-kanak seramai 1.5 juta orang meninggal dunia. Apa sebab sekatan ekonomi sahaja macam mana menyebabkan kematian orang begitu ramai. Minta penjelasan.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf saya ingatkan Yang Berhormat Tuan Yim Chee Chong faham, sekatan ekonomi bukannya sekatan beras sahaja macam di kalangan kita ini, sekatan gandum, ubat, alat-alat perubatan, hospital, kalau seorang ibu itu mengandung dia kena makan ubat, seorang ibu itu hendak melahirkan anak, dia perlu pemeriksaan, kena makan ubat, kena bedah dan ubat-ubat ini tidak cukup. Persediaan di hospital tidak ada, di hospital tidak ada ubat. Kalau Yang Berhormat Tuan Yim Chee Chong pergi ke Hospital Kuala Lumpur, kalau misalnya sakit darah tinggi, tidak ada ubat-ubat macam tanomine, nosbec, betaloc, yang pernah orang-orang ambil yang pernah saya dengar, kalau tidak ada itu kemungkinan Yang Berhormat Tuan Yim Chee Chong tidak ada bersama-sama kita pada petang ini. [*Ketawa*]

Tuan Yim Chee Chong: Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 50-an Amerika Syarikat pernah mengadakan sekatan ekonomi terhadap negeri China tetapi saya tidak dengar ada orang China yang mati sebab sekatan ekonomi itu. Jadi 1.5 juta nilai ini adakah reliable atau tidak, sumber dari mana Dato' Haji Mohd. Zuki?

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Sumber ini adalah sumber yang boleh dipercayai. Negeri China berbeza dengan negeri Iraq. Negeri Iraq ini pasir,

negeri China ini banyak pohon, pokok, sungai pun ada, ubat-ubat yang menguatkan kita pun ada. Negeri China banyak ubat ini saya percaya Yang Berhormat Tuan Yim Chee Chong mengambil ubat-ubat ini sebab itu dia nampak muda sahaja. Jadi tidak jadi masalah sekatan ekonomi kepada negeri China bukan bermakna saya hendak sekatan ekonomi ke atas negara Malaysia ini, tetapi macam negara-negara yang ada tumbuh-tumbuhan ini dan orangnya pun kuat bekerja seperti di negeri China tidak jadi masalah, orang-orang di Iraq pun kuat kerja, tetapi kerja apa, hendak mengorek apa, hendak korek batu? Jadi itulah keadaan di sana.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hendak beri laluan sudah hendak habis masa pun suntuk. Yang Berhormat Tuan Yim Chee Chong sendiri boleh berbahas. Kami memang tidak menyokong tindakan Iraq menyokong Kuwait, ini hendak pasti betul-betul, surat khabar pun hendak pasti di sini, kami tidak bersetuju Iraq menyerang Kuwait dahulu dan mengecam tindakan tersebut, apa pun tindakan ganas yang berlaku di Iraq kita kecam kepada orang-orang yang tidak berdosa. Tetapi selepas Amerika Syarikat dan konco-konconya menyerang Iraq untuk menyelesaikan Perang Teluk sehingga sekarang masih tidak selesai masalah yang ditimbulkan oleh Amerika sendiri. Cara penyelesaian yang diambil oleh Amerika Syarikat dan konco-konconya adalah tidak sesuai dan terlalu menyimpang dari hak asasi manusia.

Tuan Yang di-Pertua, ini perlu saya tegaskan, pihak Jerman yang kalah teruk semasa Perang Dunia Kedua dan telah membunuh Hilter dan ratusan ribu bangsa termasuk bangsa Yahudi pun tidak dikenakan sekatan seteruk seperti yang dikenakan ke atas negara Iraq sekarang ini. Yang sedihnya Tuan Yang di-Pertua, mengapakah negara-negara Islam yang kena, seperti Bosnia dan Kosovo banyak orang Islam yang mati jadi yang inilah sedihnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya berdoalah minta kepada Allah S.W.T. bahawa berikan keamanan kepada negara-negara tersebut dan juga jagailah, indungilah negara Malaysia yang kita cintai ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Zainudin bin Maidin.

5.00 ptg.

Datuk Zainudin bin Maidin: Tuan Yang di-Pertua, saya pohon untuk menyokong usul yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki tadi. Saya bangun bersama-sama dengan saudara kita di sini untuk menyertai suara-suara dunia, suara-suara antarabangsa, suara-suara kemanusiaan, jeritan kemarahan, keputusan dalam menghadapi keadaan ini. Apa pun keputusan yang akan kita buat pada hari ini adalah tidak akan mengubah sikap dan dasar Amerika dalam menggunakan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk menjustifikasikan tindakan-tindakannya yang tidak berperikemanusiaan terhadap Iraq. Bagaimanapun, hal ini telah berlaku dan seperti yang dikatakan oleh Kofi Annan, Setiausaha Agung Bangsa-Bangsa Bersatu bahawa beliau sekadar dapat menyatakan pagi tadi: "Hari ini adalah hari paling sedih untuk PBB dan dunia. Fikiran saya malam ini bersama dengan rakyat Iraq". Itu rhetoric yang berulang-ulang tetapi katanya: "Hari ini adalah sama seperti semalam, tidak berubah."

Negara-negara kecil akan terus menjadi permainan negara-negara besar tetapi dalam pada itu apa yang kita suarakan hari ini, keputusan yang kita buat pada hari ini, mungkin sekadar untuk menyedarkan kita gerak langkah kita dalam menghadapi masalah dunia di masa hadapan. Itulah hasrat dari keputusan ini. Kita melihat pada suatu masa dahulu dunia dengan komunis akan menjadi satu malapetaka kepada manusia tetapi dunia tanpa komunis menakutkan kita dan mengerikan kita, perimbangan dunia telah hilang dan Amerika telah menjadi polis dunia yang bermaharajalela tanpa belas kasihan terhadap manusia, yang kita sekarang menyesali, barangkali dalam hati kecil setiap kita menyesali kehilangan komunisme, kehilangan kuasa-kuasa besar komunis, kita tidak berkata tetapi itulah apa yang ada dalam hati kita

hari ini. Selain dari itu kita melihat juga bagaimana Iraq itu sendiri memberikan justifikasi kepada Amerika Syarikat untuk melakukan tindakan-tindakan yang dilihat oleh dunia sebagai satu tindakan kemanusiaan kadang-kadang, oleh kerana apa yang dilakukan oleh Iraq terhadap Kuwait telah menakutkan semua negara-negara Arab, membimbangkan negara-negara Arab sebagai suatu penjajahan baru seperti apa yang hendak dilakukan oleh Sukarno terhadap Malaysia tempoh hari.

Negara-negara Arab berada dalam kebimbangan apabila Iraq menyerang Kuwait bahawa Iraq hendak melaksanakan suatu penjajahan baru dan ini tidak dapat dinafikan. Fahaman Iraq itu sendiri hendak disebar di seluruh dunia Arab. Jadi ini menakutkan dan menyebabkan apabila Amerika bertindak terhadap Kuwait maka negara-negara Arab menyokongnya dan mereka melihat sebagai satu kewajaran untuk dilakukan dan inilah menyebabkan pada fikiran kebanyakan negara Arab termasuk Kuwait sendiri bahawa penjajahan Amerika ke atas dunia Arab sekarang adalah dari tindakan Iraq itu sendiri.

Mereka takut kepada negara Iraq. Jadi ini kesilapan dan kesilapan ini harus menyedarkan kita sendiri kerana kita juga boleh berlaku demikian. Perpecahan dalam negara kita, kesilapan perhitungan kita mungkin akan menyebabkan Amerika merasa bahawa mereka berhak untuk campur tangan dalam negara kita. Hal ini telah kita tunjukkan dan kita sedar bahawa di belakang apa yang berlaku sekarang, rasa putus asa dan sebagainya adalah kerana kita memberi peluang dan kadang-kadang kita merasa kekecewaan yang amat sangat. Apakah kita boleh menghadapi Amerika?

Kita lihat daripada sejarah Mao Tze Tung, kebangkitan negara-negara Afro-Asia, negara-negara non-aligned dan sebagainya untuk menyaingi pengaruh Amerika dengan cara rhetoric, cara-cara yang kita ada hanya gigi dan gusi, tanpa kekuatan ekonomi dan kita gagal, Pertubuhan Negara-negara Berkecuali gagal, Pertubuhan Afro-Asia gagal. Di Asia sekarang kita melihat suatu contoh di mana telah saya sebutkan berulang kali, satu contoh untuk memerangi Amerika dengan cara Amerika itu sendiri tetapi apabila mereka melihat kebangkitan Asian itu sendiri, kebangkitan Asia itu dalam cara mereka, mereka takut, mereka tekan juga. Penyelesaian Palestin telah disetujui, telah ditandatangani tetapi masyarakat Yahudi di Amerika tidak senang. Akhirnya Clinton sendiri adalah sebahagian daripada mangsanya dan tindakan-tindakan provokasi dan sebagainya terus berjalan dan mungkin tindakan terhadap Iraq ini sendiri adalah daripada dasar kepentingan Clinton sendiri dan dasar kepentingan Amerika yang tunduk kepada kehendak-kehendak Yahudi di Amerika.

Jadi bagaimana kita melihat masalah ini, kita melihat dengan kekecewaan, dengan tangisan, dengan jeritan, dengan kemarahan dan ke mana kita. Saya tidak tahu kita sendiri berada dalam satu tekanan sama ada kita akan dapat keluar daripada tekanan ini dan demikian jugalah dalam melihat perspektif Iraq ini.

Saya ulangi lagi sokongan terhadap usul ini sekadar untuk menyatakan bahawa kita bersama-sama dengan dunia, bersama-sama dengan masyarakat antarabangsa untuk mengutuk tindakan tidak berperikemanusiaan oleh satu negara besar yang cuba menjuarai dan cuba menggambarkan dirinya sebagai berperikemanusiaan. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah satu usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin sekarang terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan.

5.08 ptg.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong usul yang dicadangkan oleh Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin dan juga sebagaimana disokong oleh Yang Berhormat Datuk bin Maidin tadi.

Secara ringkasnya, Tuan Yang di-Pertua, kenyataan yang dilafazkan oleh Dato' Haji Mohd. Zuki sebagai usul di Dewan Negara pada hari ini adalah satu lafaz keikhlasan kita sebagai seorang rakyat Malaysia yang cintakan keamanan. Jadi dalam soal-soal begini hanya setakat ini sahajalah saya rasa kita di Dewan Negara ini dapat menyatakan pendirian kita dan akhirnya kita harap seluruh rakyat Malaysia akan terus bersimpati dengan apa yang terjadi kepada negara Iraq dan rakyat Iraq.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berhasrat untuk menyokong dengan secara panjang lebar kerana telah diterangkan oleh Dato' Haji Mohd. Zuki tadi tetapi inilah salah satu daripada model American style, dengan izin, style Amerika yang dilihat dengan menggunakan kuasanya untuk memecahbelahkan mengikut zon dan mengikut sektor-sektor bangsa ataupun negara-negara kecil di seluruh negara. Yang sebenarnya dari segi hakikatnya Amerika ingin memerintah dunia tetapi kita mahu beritahu kepada kerajaan dan pemimpin Amerika bahawa memerintah dunia ini pada pengalaman kita semenjak berabad-abad yang lalu sebenarnya dengan cara menggunakan paksaan dan menggunakan senjata, akhirnya tidak akan menyelesaikan masalah pemerintahan itu sendiri.

Saya amat yakin bahawa pemerintahan adalah memerlukan kebijaksanaan. Pemerintahan mesti melalui pendekatan keadilan sesungguhnya. Jadi dari hal usul ini, kaedah paksaan, kaedah menggunakan senjata yang saya tidak dapat sebut sebagaimana yang Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin sebutkan tadi, yang sebenarnya memaparkan kepada masyarakat umum bahawa Amerika dan pemimpin Amerika amat gila kuasa dan ingin sebenarnya menghancurkan dunia.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya dunia ini akan hancur sebenarnya sekiranya seluruh warga dunia ini tidak melihat sikap sombong dan jahat Amerika ini tidak dapat dibendung dan Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu sebagaimana yang dicadangkan tidak harus menggunakan kaedah-kaedah retorik sebagaimana dikatakan oleh Datuk Zam tadi.

Tuan Yang di-Pertua, masalah ini saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Datuk Zam iaitu penghormatan Amerika kepada kaedah menyerang Iraq ini, sebenarnya luar daripada batasan kemanusiaan.

Jadi saya berharap usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin ini dapat sedikit sebanyak, kalau tidak ianya berkesan, akan memberi keinsafan kepada kita sebagai warga pimpinan negara kita dan saya yakin dan percaya Malaysia sentiasa melihat kaedah hak asasi manusia ini dengan terbaik dan suasana ini pun kita telah berada dalam tekanan sebagaimana yang dikatakan oleh Datuk Zam dan kita berharap seluruh warga rakyat Malaysia akan terus bersatu padu dan melihat isu ini sebagai satu isu keinsafan untuk warga bangsa Malaysia itu sendiri.

Jadi dengan kata-kata itu saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman.

5.13 ptg.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin sebentar tadi dan kita merasakan amat penting sekali bagi Dewan yang mulia ini menyuarakan daripada hati sanubari bagaimana kita begitu kesal melihat, dengan izin, baring act, yang dilakukan oleh kuasa besar seperti Amerika bersekongkol dengan negara nombor 51 Amerika Syarikat sendiri iaitu Great Britain. Great Britain ini seolah-olah dalam apa cara sekalipun Amerika buat, dia masuk campur bersekongkol kerana kita merasakan Amerika sekarang ini mengangap Great Britain sebagai negeri ke-51 USA.

Tuan Yang di-Pertua, nampak sekali setelah robohnya Tembok Berlin tahun 1989, kita sekarang ini hanya mempunyai satu polar sahaja (uni-polar system) iaitu Amerika. Russia pun sudah tidak ada, negara-negara komunis di Asia Tengah pun sudah tidak ada, nampaknya Amerika seorang sahaja mempunyai kuasa yang ingin menjalankan usaha untuk meneruskan dominasinya kepada negara-negara lain, untuk meneruskan pendekatan 'hegemony'nya kepada negara-negara lain.

Jadi kita merasakan terlalu banyak insiden antarabangsa yang membuktikan bahawa Amerika tidak langsung menghiraukan apa yang perlu dibuat oleh negara-negara lain. Yang mereka hendak buat ialah menerusi dasar-dasarnya, dasar luar negara, dasar apa sekali pun ialah menundukkan semua negara lain kepada kiblats Washington itu sendiri.

Kita lihat baru-baru ini Osama Bin Laden dikejar di seluruh tempat sehingga ke Sudan dan Afganistan kena 80 peluru berpandu, setiap peluru US\$750,000, kalau 80 peluru berjumlah US\$60 million Amerika gunakan. Merapkan kilang farmasi di Sudan semata-mata menuduh Osama Bin Laden, mungkin di situ ada mengakibatkan kedutaan di South Africa kena bom, rata dicari. begitu ganasnya Amerika Syarikat. Dia tidak menghiraukan anak-anak, 26 orang mati, yang tidak berdosa, yang tidak ada kena mengena langsung dengan pengeboman di Afrika Selatan, peluru pun pergi dan dia tidak minta sesiapa pun, dia tidak minta kebenaran daripada Bangsa-bangsa Bersatu dan kali ini juga kita lihat, pagi tadi saya difahamkan setelah berbincang dengan rakan-rakan saya termasuklah Datuk Norjan dari Sabah, saya difahamkan perbuatan Amerika dengan Great Britain ini tidak dipersetujui oleh Jerman, Russia, China tetapi dia terus buat. Siapakah yang hendak menguasai tindakan-tindakan yang dibuat oleh Amerika ini. Seolah-olah Bangsa-bangsa Bersatu sekarang ini irrelevant, tidak ada langsung Amerika Syarikat yang berhutang begitu banyak dengan Bangsa-bangsa Bersatu, tidak langsung mengikuti keputusan-keputusan yang dibuat oleh, baik di Security Council mahupun Bangsa-bangsa Bersatu itu sendiri.

Hutangnya banyak, Amerika sekarang ini sudah hendak bankrap. Hutang hampir berbilion dengan Bangsa-bangsa Bersatu tetapi masih lagi mengutamakan ideologinya sendiri. Dia sebenarnya sekarang ini hendak merapkan segala pengaruh-pengaruh orang-orang di luar daripada Amerika Syarikat. Amerikalah pada mereka yang berkuasa. Lihat penyelesaian masalah Palestin-Israel, di mana 13% Tebing Barat terpaksa dipindahkan balik kepada Palestin. Berapa tahun daripada Resolution Oslo sampai sekarang masih lagi terumbang-ambing dan baru-baru ini baru selesai kerana Amerika sendiri memainkan peranan. Albright main peranan, Clinton main peranan, penyelesaian untuk hendak memindahkan sedikit sebanyak tanah di Tebing Barat. Amerika terpaksa membuat jambatan, tiga, empat jambatan dengan harga berjumlah hampir satu bilion. Barulah Israel menyerahkan.

Pada masa yang sama Israel mendapat bantuan hampir US\$3 bilion setiap tahun, daripada situ US\$1.4 bilion digunakan untuk membeli senjata-senjata. Senjata-senjata yang kini diarahkan kepada pusat-pusat pembangunan negara-negara Islam di sekitarnya. Ini kerja Amerika Syarikat kerana kepentingannya hendak menentukan negara-negara di Timur Tengah ataupun Asia Barat tidak dapat bersatu padu untuk menghentam dan menjahanamkan Israel laknat itu kerana Israel sebenarnya merupakan punca masalah di Timur Tengah.

Kenapa Amerika Syarikat tidak cepat-cepat pergi membantu penduduk-penduduk di Bosnia dan penduduk-penduduk di Kosovo, orang-orang Albania, bukan sahaja kerana mereka itu beragama Islam, yang sebenarnya di situ tidak ada minyak. Mereka sekarang ini pergi ke Timur Tengah kerana dia tidak mahu menggunakan minyaknya, ini dari segi security reserved, minyak yang sekarang ini ada di Amerika disimpan, dia hendak kita habiskan minyak kita dahulu. Ini merupakan satu lagi ideologi baru iaitu energy, kuasa tenaga. Dia hendak menggunakan minyak di Timur Tengah supaya bila kita sudah habis, minyak dia baru keluar di Amerika Syarikat. Reservednya banyak, saya tidak tahu sesiapa ada yang buat kajian dalam perkara ini.

Sebenarnya Iraq dahulu digunakan oleh orang Amerika, Iraq dahulu diberi segala senjata kelengkapan untuk hendak berlawan dengan Iran sehingga satu juta lebih manusia Islam antara Iraq dan Iran perang. Senjata-senjata itulah yang mereka hendak lihat ke mana perginya. Senjata daripada Amerika, empat, lima tahun dahulu apabila wujud peperangan besar antara Iraq dengan Iran, senjata-senjata yang dibekalkan kepada Iraq adalah senjata-senjata daripada Amerika Syarikat.

Saya sehingga sekarang masih berwaspada apakah punca peperangan di antara Iraq dengan Kuwait Saudi Arabia. Saya merasakan ini sengaja diada-adakan. Apabila Iran sudah jatuh dan tunduk setelah berperang dengan Iraq, Amerika mengalih pula pandangan kepada Iraq supaya berperang dengan Kuwait, Saudi Arabia. Amerika tidak membelanjakan sesen pun dalam peperangan ini. Yang bankrap dalam peperangan ini bukannya nyawa sahaja, Kuwait dengan Saudi Arabia, tidak ada duit. Dahulu sebagai pengeluar minyak yang terbanyak, Saudi Arabia surplus lebih wang ringgit itu semuanya digunakan membeli senjata-senjata daripada Amerika. Peperangan yang dilakukan, yang dibantu oleh Amerika Syarikat itu free kerana duit yang membiayai peperangan itu adalah duit daripada Kuwait dan duit daripada Saudi Arabia.

Dalam pertemuan kita baru-baru ini dengan saudara kita daripada Kuwait, mereka mengakui, kita sudah tidak ada duit, duit kita telah pun kita gunakan untuk berperang dengan Iraq dan duit itu sebenarnya membeli senjata-senjata yang sudah out of date. Senjata-senjata prototype daripada Amerika.

Jadi jelas dan nyata selain daripada minyak, selain daripada keluarga Islam, Amerika hendak menentukan industri defence complex itu dapat dijual kepada negara-negara Timur Tengah. Ini maksud-maksud hidden agenda terlalu banyak dan orang yang samalah yang cuba hendak mengacau di tempat kita ini sehinggakan terbuka di hati mereka 'the brave people who doing the reformation' di sini, pecah tembelang. Inilah maksud yang dia hendak buat, dia telah tundukkan. Kita perhatikan sekarang ini di rantau kita ini sendiri Amerika telah memainkan peranan secara halus, menerusi IMF di Indonesia, di Filipina, di Thailand sudah berubah seolah-olah mengasingkan kita di Malaysia. Tetapi mujurlah kita ini ada pakatan ASEAN dan telah campur pula Cambodia, solid dari segi hendak menentukan kita sebagai kubu.

Saya mengharapkanlah selain daripada inisiatif yang dibawa oleh Dewan Negara ini untuk membawa usul ini menerusi Wisma Putra untuk kita memberikan protes sekeras-kerasnya kepada Kedutaan Amerika, kedutaan great britain dan juga kepada Bangsa-Bangsa Bersatu supaya mereka mengambil tindakan sekeras-kerasnya terhadap penjenayah antarabangsa Amerika Syarikat yang kini bersekutu pula dengan negara yang ke 51 iaitu Great Britain.

Sebab itulah, Tuan Yang di-Pertua, Amerika sekarang ini tidak pernah lagi menandatangani Tribunal International Criminal yang dibuat di Rome baru-baru ini yang memastikan Convention Genocide 1944, kerana dia takut atas kesilapan dan kesalahan ini dia boleh diheret ke Mahkamah Jenayah Antarabangsa (International Criminal Court). Ini sebenarnya Criminal Act, penjenayah antarabangsa. Di depan mata kita berlaku kepada mereka yang tidak berdosa. Memang benar lebih sejuta anak-anak kecil mati kebuluran, mati kerana tidak cukup ubat di Iraq, berapa tahun ia kena sanction. Negara yang lebih teruk lagi tidak kena sanction. South Africa dahulu tidak kena sanction. Apa yang dia buat terhadap Mandela. Selepas Mandela keluar tahanan menjadi hero. Tidak pernah kena sanction.

Begitu juga apabila wujudnya kerajaan di Algiers, dia tidak masuk campur. Kerajaan di Turkey – Perdana Menteri datang sekejap di sini, lawatan pertama Perdana Menteri yang lepas yang memimpin parti Islam, datang ke sini, selepas balik digulingkan. Tidak ada orang masuk campur sungguhpun demokrasi tercabar. Amerika tidak masuk campur kerana kepentingannya terjaga. Jadi, sekarang ini seolah-olah kita nampak peperangan antara keganasan Amerika Syarikat kepada dunia tiada maaf bagi mereka. Dosanya begitu besar. Jadi, kita mengharapkan ketenteraman yang wujud akan

tiba masanya bila Bangsa-Bangsa Bersatu mengutuk kegiatan-kegiatan jenayah yang dilakukan ini. Saya menyokong.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Yim dahululah yang bukan orang Muslim, kita dengar pandangan dia.

5.23 ptg.

Tuan Yim Chee Chong: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Ini keputusan yang baik. *[Ketawa]* Yim dahulu yang bukan muslim, tetapi saya sokong Muslim, sokong dengan penuh hati.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa gembira kerana mendengar Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin mengemukakan usul di Dewan Negara yang mulia ini untuk mengutuk Amerika Syarikat dan Britain menyerang Iraq. Serangan itu bermula pukul 12.49 pagi waktu Baghdad dan pukul 6.00 pagi waktu Malaysia pada 17 Disember ini.

Tuan Yang di-Pertua, serangan pada pukul 6.00 pagi, tetapi pada pukul 4.00 lebih Dato' Haji Mohd. Zuki mengemukakan usul ini. Pada hemat saya ini adalah sikap yang cepat, tepat dan beramanah. Ini menunjukkan Dato' Haji Mohd. Zuki adalah seorang Senator yang agresif dan cergas berkhidmat bukan sahaja untuk Dewan Negara dan rakyat Malaysia, bahkan juga untuk kedamaian dunia. *[Tepuk]* Terima kasih. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, mengikut pandangan saya serangan Amerika Syarikat dan Britain itu adalah menentang United Nation Declaration of Human Rights 1945, iaitu menentang pengumuman hak asasi manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu 1945. Selain dari itu, tindakan serangan itu adalah menentang Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Tuan Yang di-Pertua, setelah Perang Dunia Yang Kedua rakyat dunia mengalami penderitaan kerana peperangan dunia. Oleh itu, sesudah perang dunia negara-negara besar mengadakan persidangan dalam mana membuat keputusan untuk menubuhkan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Tujuannya adalah mengekalkan keamanan dunia dan menentang kekerasan di dunia ini. Pada hari ini serangan adalah menentang bukan sahaja UN Declaration of Human Rights 1945 dan juga menentang Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan juga menentang tujuan mengekalkan keamanan dunia.

Tuan Yang di-Pertua, serangan ini mungkin juga menyebabkan perang dunia yang ketiga kalau tidak dihentikan serangan itu. Ini adalah kebimbangan dunia pada hari ini. Pada hemat saya Amerika Syarikat pada hari ini adalah sebagai seorang military police dunia mengganggu hal negara lain. Baru-baru ini kita tahu di Malaysia tidak lama dahulu, senator-senator Amerika Syarikat mendesak supaya Dr. Mahathir letak jawatan. Ini adalah mengganggu hal ehwal dalaman negara kita. Tidak lama dahulu Timbalan Presiden Amerika Syarikat Al Gore juga secara terbuka menentang kerajaan negara kita, secara terbuka menyokong tunjuk perasaan yang berlaku di Kuala Lumpur yang mengatakan ini rakyat yang berani. Tetapi saya ingin mengatakan ini adalah sikap yang biadap mengganggu hal ehwal negara lain.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak lupa peperangan Korea yang saya katakan beberapa hari di Dewan yang mulia ini. Pada tahun 1950-an Amerika Syarikat dengan tenteranya yang begitu kuat menyerang dan mencero bohi negara Republik Rakyat China. Kerajaan China telah memberi amaran kepada Amerika Syarikat agar jangan mencero bohi tanah negara China, tetapi Amerika Syarikat tidak peduli, terus sahaja sapu dan ganggu negara China. Askarnya masuk ke dalam Sungai Yellow di sempadan Korea dan China. Jadi, timbullah kemarahan rakyat China. Negara China tidak hantar tentera rasmi tetapi hantar tentera sukarela berlawan dengan Amerika Syarikat, di mana

Amerika Syarikat menggunakan nama Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Lebih dari 10 buah negara lawan dengan negara China, tetapi pada akhirnya kalah juga.

Di dalam perang Korea itu anak Chairman Mao Tze Tung bernama Mao An Yin telah terkorban dalam peperangan itu. Beberapa juta orang yang sudah mati dalam perang Korea. Ini adalah akibat serangan Amerika Syarikat. Dalam pada itu, di dalam tahun 1960-an Amerika Syarikat juga mengganggu hal ehwal dalaman Vietnam dalam mana rakyat dunia menentang Amerika Syarikat. Tunjuk perasaan anti Amerika oleh rakyat Amerika Syarikat dalam negaranya sendiri menentang dasar Amerika Syarikat yang menyerang negara lain. Mereka juga mengadakan kerahan tenaga. Ramai pemuda Amerika Syarikat tidak mahu jadi askar untuk dihantar ke negara Vietnam untuk membunuh rakyat Vietnam. Jadi, ada yang potong tangan sendiri, mencacatkan badannya sendiri kerana tidak mahu pergi ke Vietnam untuk membunuh rakyat Vietnam.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Tuan Yim mengetahui salah seorang yang tidak bersetuju dengan peperangan di Vietnam masuk campur Amerika Syarikat ialah Bill Clinton sendiri. Bill Clinton sebenarnya tidak masuk dalam kerahan tenaga. Jadi, sekarang ini Bill Clinton yang berusaha menjahanamkan negara-negara ini. Dahulu dia tidak masuk campur. Jadi, adakah Yang Berhormat sedar tentang perkara ini?

Tuan Yim Chee Chong: Kalau saya tidak sedar, Yang Berhormat sudah menyedarkan saya. *[Ketawa]* Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, pendekkan ucapan Yang Berhormat.

Tuan Yim Chee Chong: Pendekkan. Ini panjang lebar....

Timbalan Yang di-Pertua: Ada dua lagi orang hendak berucap.

Tuan Yim Chee Chong:sampai dua-tiga jam pun boleh sebab Amerika Syarikat yang begitu jahat. Tetapi nasihat Tuan Yang di-Pertua tadi saya pendekkan dengan seberapa pendek yang boleh. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, kalau hendak pendekkan, saya bagi pihak Senator-senator MCA menyokong penuh usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki. Saya harap ahli-ahli Dewan Negara ini semua akan menyokong penuh kepada usul yang baik ini. *[disampuk]* Ini wakil semua, bermakna bukan sahaja Senator MCA yang sokong penuh, semua parti yang sokong penuh termasuk PAS, adakah? Tidak ada. Kalau ada saya ingat mereka pun sokong penuh. Hari ini dari Dewan Negara Malaysia ini, kita harus beritahu rakyat Malaysia, beritahu rakyat dunia, beritahu Bangsa-Bangsa Bersatu, kita menentang kekerasan Amerika Syarikat dan Britain.

Tuan Yang di-Pertua, penutupnya kita menyeru kepada Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu agar mengadakan sidang tergepar untuk mencegah Amerika Syarikat dan Britain. melakukan serangan terhadap negara-negara lain. Kita harus mengekalkan keamanan dunia. Itulah sahaja ucapan saya yang menyokong, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Dato' Ghazi.

5.28 ptg.

Dato' Ghazi bin Haji Ramli: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kerana memberi peluang kepada saya membahas usul dan menyokong usul baik yang telah dibawa oleh Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki. Saya amat bersetuju benar dengan pandangan-pandangan rakan-rakan saya Yang Berhormat yang lain yang telah bercakap dengan begitu baik, memberi hujah-hujahnya dengan baik termasuk Yang Berhormat jiran saya ini yang baru bercakap tadi, yang sekaligus melambangkan bahawa walaupun beliau seorang yang datang dari MCA,

bercakap dengan satu perasaan melambangkan bahawa ini adalah isu yang mungkin orang Islam lebih sensitif dari segi implikasinya. Kerana beliau melihat dan menyedari akan implikasi ini, beliau juga turut bercakap dan menyokong. Saya rasa ini melambangkan rakyat Malaysia bersatu hati dalam soal yang menentang hak perikemanusiaan.

Tuan Yang di-Pertua, sekaligus saya melihat perkara ini mengukuhkan pandangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad mengenai peranan kuasa Barat. Ia menyedarkan, kerana hujah-hujah yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sebelum daripada saya tadi mengukuhkan bahawa ini adalah sebenarnya peranan kuasa Barat yang mempunyai agendanya yang tertentu yang boleh saya menyatakan bahawa sekaligus keseluruhan hujah menunjukkan bahawa wujudnya atau sahnya teori konspirasi Barat. Malah dengan lebih direct, dengan lebih tegas teori konspirasi Barat terhadap Islam, Negara Islam khususnya adalah tepat dan menunjukkan betul berlaku. Hujahnya semua sudah beri, cuma saya hendak simpulkan bahawa perkara ini terjadi dan kata-kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tentang peranan kuasa Barat menekan kita dan rakan-rakan negeri di rantau ini adalah tepat sekali.

Oleh kerana itu, sekaligus kita mengambil peluang ini untuk mengingatkan kepada keseluruhan rakyat Malaysia supaya lebih faham, lebih sedar, lebih akur, lebih mengetahui tentang niat jahat kuasa-kuasa Barat ini. Oleh kerana itu saya ucapkan tahniah kepada Dato' Haji Mohd. Zuki kerana peluang yang diambil untuk menunjukkan kita sensitif, kita tidak boleh rela dengar dan biar begitu sahaja sama dengan perkara-perkara lain yang berlaku yang mencemarkan nama baik Ahli Dewan yang mulia ini termasuklah juga kalau ada Ahli Dewan di Dewan Rakyat yang mulia itu pun, kalau mencemar nama baik Dewan Negara ini saya harap kita juga akan mengambil tindakan yang setimpal. Tidak payahlah mungkin bawa satu usul khusus di dalam Dewan ini tetapi satu tindakan yang setimpal jangan sunyi jangan hanya kita diam, kita react, kita bertindak dengan satu usul yang kita boleh employed dari segi politiknya. Hendaklah kita lihat dari segi martabat dan maruah Ahli-ahli Dewan Negara itu sendiri kalau tercabar.

Umpamanya yang pernah berlaku dan bangkit di dalam Dewan Rakyat baru-baru ini. Itu saya beri mesej juga kepada Dato' Zuki kerana beliau juga Timbalan Presiden, perkara yang berlaku yang telah pun saya bercakap dengan dia secara personal.

Tuan Yang di-Pertua, teori konspirasi Barat dan Islam ini jelas kita melihat, kita melihat tadi Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz menyebut beliau menjangka ada perkara ini. Saya mengesahkan, saya bersetuju benar dengan dia menyatakan bahawa memang kerja orang Barat, Amerika Syarikat khususnya untuk menjalankan grand designnya. Kalau nampak aman pergi kacau satu, pergi lawan dengan dia. Saya bersetuju yang Iraq dengan Iran dulu, mereka di belakang. Yang Iraq lawan Kuwait, mereka di belakang. Yang India dengan Pakistan, mereka di belakang. Yang Egypt dengan apa, yang dulu itu mereka di belakang. Yang kita di rantau Asia, ASEAN ini pun mereka di belakang.

Oleh itu sepintas lalu mengambil iktibar rakan saya di sebelah yang bercakap dengan begitu garang tadi mewakili rakan MCA dan MIC, saya rasa satu cara dan satu jalan menunjukkan kekuatan dalam dunia ini, dalam rantau ini ialah dengan kita berbaik-baik dengan satu negara besar dan saya cadangkan Negara China rakan baik yang tahu sejarah Negara China sendiri.

Kita patut secara region, secara kawasan ini berbaik dengan negara Asia, negara China biarlah China menjadi leader dalam rantau ini. Kalau kita harap pada Jepun, Jepun sudah hilang tulang belakang, sudah hilang taringnya pada saya. Kuasa ekonomi besar yang Amerika takut ialah China. Mari kita berbaik dengan China kerana kita sudah baik pun dengan orang-orang yang asal dari China.

Tuan Yim Chee Chong: Minta laluan. Adakah Yang Berhormat Dato' mengetahui bahawa Kerajaan China atau rakyat China sentiasa menyokong perjuangan Malaysia.

Dato' Ghazi bin Haji Ramli: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan saya mengetahui dan lebih mengetahui bila Yang Berhormat beritahu saya tadi. Terima kasih atas gambar China. Hilang trend China tadi tetapi tidak apalah, saya berhentilah bab China ini. Tadi sudah naik semangat dah, tapi sudah diakui saya pendekkan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, saya ingin rujuk khususnya kepada Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki kepada cadangan yang ketiga yang saya baca di sini 'mencurigai tindakan menyerang ke atas Iraq', saya rasa dalam hujah yang telah saya bangkitkan tadi, kita bukan curiga lagi, curiga ini dengan izin, doubt. Saya rasa perkataan "doubt" ini adalah berat, saya bukan seorang peguam tetapi saya faham sedikit bahasa peguam ini. Apabila dalam mahkamah kita "raise reasonable doubt", sudah keluar kes, kes itu sudah ditolak yang nampak hebat pun boleh ditolak. Jadi saya tidak suka perkataan curiga ini. Kita bukan curiga lagi, kita yakin, dan saya ...

Tuan Yim Chee Chong: [Bangun]

Dato' Ghazi bin Haji Ramli: Bagi laluan.

Tuan Yim Chee Chong: Sebagai lawyer sekarang tidak gunakan "reasonable doubt". Sekarang kita telah lulus dalam Parlimen adalah *prima facie* kes. Itu saja. Terima kasih.

Dato' Ghazi bin Haji Ramli: Terima kasih, tuan peguam, saya belajar perkataan itu. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan bahawa sebenarnya hasrat Dato' Haji Mohd. Zuki dan hasrat kita, sepatutnya kita kata, "kita mengutuk Amerika dan Britain kerana amalan double standard", ini amalan, tidak curiga lagi, amalan double standard, dengan izin, double standard pun saya tidak tahu, tidak apalah, dalam hal hak asasi manusia dan sebagainya, itu sahaja.

Satu lagi perkara yang diambil oleh Amerika dan Britain diketuai oleh Clinton dan Blair ini, pada saya ini adalah satu langkah untuk selamat diri, kebetulan saya baru balik dari United Kingdom atas urusan rasmi, CPA. Saya melihat pendedahan media massa dan media elektronik di sana menceritakan tentang Clinton dan Tony Blair ini ada kaitannya. Clinton ingin mengalihkan pandangan dunia daripada kisah dirinya sendiri dengan izin, impeachment yang tiga, empat hendak datang ini, yang Dewan Senate hendak bincangkan minggu hadapan ini, dengan mengalihkan pandangan itu terus pergi ke Palestin dan membuat satu rundingan damai, pertama kali dia buat sejarah, Dia ingin mencipta sejarah bahawa dialah Presiden Amerika yang membawa keamanan di antara Palestin dan Israel tetapi cuba lihat sekali gus, in the same wreath, dengan izin, at the back of his mind dengan izin, dalam kepala otak Clinton ini memang sudah ada untuk hendak lulus Iraq.

Oleh kerana itu pagi tadi apabila Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki beritahu saya, saya hairan, saya ingat mula-mula dia bergurau, dia kata betul sebab saya tidak dengar, saya tidak tahu ini. Jadi ini menunjukkan memang drama sahaja oleh Clinton dan Tony Blair, ini pun drama juga pada saya kerana saya boleh laporkan dalam Dewan yang mulia ini, media massa Britain, United Kingdom menghentam Tony Blair dalam isu bebas cukai (tax free) yang dipertahankan dan diperdebatkan dalam European Union sekarang ini dengan begitu hebat. Apabila Tony Blair cakap di UK dia kata satu, apabila dia pergi European Union dia kata yang lain, jadi hamba Allah semua media mengutuk Blair, sekarang ini kata, "cakap tidak serupa bikin", cakap dalam negara sendiri lain daripada cakap di European Union. Now, kalau inilah jenis dua manusia memanglah kita nampak peranan utama Blair dan Clinton ini amat secocok dan oleh kerana itu saya rasa amat strategik dan kena pada masanya walaupun kita negara kecil tetapi kita mempunyai rakan-rakan seperti negara China.

Kita patut bersuara, berbaik dengan China, menyokong dalam usaha untuk menguatkan lagi perasaan kita terhadap kuasa Amerika - Barat. Saya menyokong dengan kuat, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Hassan bin Ali, ada tiga minit sahaja Yang Berhormat.

5.45 ptg.

Tuan Haji Hassan bin Ali: Terima kasih saya mengucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua yang telah memberi izin kepada saya masa yang paling singkat dan orang yang paling akhir - mungkin. Saya mengambil kesempatan atas sifat seorang insan yang sentiasa mendoakan keamanan dan kesejahteraan akan tetapi dengan berlakunya serangan Amerika ke atas Iraq pada pagi tadi, ini amat merunsingkan kami sebab kami juga memikirkan tentang masalah negara kami. Kalaulah Al Gore datang menyokong dan menghasut rakyat di Malaysia ini, bangkit dan bangun menentang kerajaan, ini suatu arahan supaya dalaman berkocak dan menghuru-harakan negara kita. Tidak mungkin suatu hari nanti oleh kerana rakyat masih bersatu padu Amerika akan melakukan serangan yang lebih dahsyat daripada apa yang dilakukan ke atas negara Iraq, ini tidak mungkin kerana Amerika dan sekutunya ingin memusnahkan negara dan pemimpin Islam hatta seluruh penganut agama Islam di muka bumi ini.

Pada petang ini telah menunjukkan satu sikap yang baik, seluruh rakyat, seluruh kaum, seluruh bangsa, seluruh parti adalah ditunjukkan pada petang ini telah menyatukan fikiran dan tenaga menyuarakan bantahan terhadap tindakan Amerika yang diketuai oleh Bill Clinton untuk mengalihkan pandangan di atas perbuatan jijiknya dalam skandal seks yang berlaku. Ia adalah seorang manusia yang jahat, apabila ia melakukan kesalahan dan kesilapan, ia ingin melarikan diri dengan menyeksa orang lain adalah satu-satunya manusia yang paling jijik dan hina di dalam dunia ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat cukup.

Tuan Haji Hassan bin Ali: Belum cukup. Oleh itu

Timbalan Yang di-Pertua: Tiada masa lagi.

Tuan Haji Hassan bin Ali: Kita harapkan bahawa kepimpinan kita dan lebih-lebih lagi Menteri Luar Negeri kita ambillah kesempatan ini menyuarakan kehendak rakyat dan kerajaan bahawa apa yang telah dilakukan oleh Amerika ini sesuatu yang amat dikutuk dan dibenci oleh seluruh rakyat Malaysia seperti mana yang telah dibuktikan pada petang ini. Oleh kerana masa tidak mengizinkan - masa masih mengizinkan, tetapi Tuan Yang di-Pertua kurang mengizinkan dengan ini saya sudahi dengan wabillahi taufik wal hidayah, wassalamualaikum warahmatullahitaala wabarakatuh.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Usul sebagaimana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin itu tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa kedaulatan dan hak asasi manusia di negara Iraq telah dicabuli akibat tindakan pencerobohan kuasa besar Amerika Syarikat dan Britain pada pukul 12.49 pagi ini waktu Baghdad ataupun pukul 6.00 pagi 17 Disember 1998 waktu Malaysia,

Bahawa kedaulatan dan hak asasi manusia di negara Iraq telah terus dicabuli oleh pihak Amerika dan Britain tanpa ada sebab musabab yang sah dan rasional,

Bahawa kegagalan Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu mengambil tindakan tegas dengan menghalang pihak Amerika Syarikat dan Britain dari terus membuli dan menyerang negara Iraq secara melulu;

Bahawa serangan bersenjata oleh Amerika Syarikat dan Britain dan sekatan ekonomi oleh Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu yang telah berlarutan selama lebih dari 8 tahun tidak boleh membawa keamanan dan penyelesaian sebagaimana yang dihasratkan oleh masyarakat antarabangsa; dan

Bahawa Amerika Syarikat dan Britain tidak menghormati dan tidak mempedulikan sensitiviti umat Islam yang akan menyambut kedatangan bulan puasa yang mulia khususnya bagi masyarakat Iraq yang berada di dalam ketakutan dan kesedihan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, selesailah sudah persidangan kita untuk mesyuarat ini. Sebelum menangguhkan mesyuarat, saya bagi pihak Yang Berhormat Tan Sri Presiden, pegawai-pegawai Parlimen dan saya sendiri ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, pegawai-pegawai kerajaan dan juru media-juru media kerana telah memberikan segala kerjasama sehingga membolehkan majlis mesyuarat ini berjalan dengan lancar. Di samping itu, saya ingin mengucapkan selamat menyambut Ramadan dan Selamat Hari Raya Raya Aidilfitri kepada Yang Berhormat yang beragama Islam. Selamat menyambut hari Krismas kepada penganut agama Kristian dan selamat menyambut Tahun Baru kepada kita semua.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya berharap tahun 1999 akan mendoakan kami semua keamanan, kemajuan, kemakmuran dan kesihatan yang lebih baik. Dengan ini, saya tangguhkan mesyuarat kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan atau *sine die*.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.50 petang.